

Jilid III  
Bil. 19



Hari Jumaat  
23hb Jun, 1989

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KETUJUH**  
*Seventh Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 3575]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri (Pindaan) [Ruangan 3676]**

**USUL:**

**Penanguhan Mesyuarat [Ruangan 3733]**

**UCAPAN PENANGGUHAN:**

**Tribunal Harga Adil—Penubuhan: Y.B. Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang)**  
[Ruangan 3734]

**Rumah Pangsa Kos Rendah—Pembinaan: Y.B. Tuan Tan Kok Wai (Sungai Besi)**  
[Ruangan 3740]

MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, dan Menteri Kehakiman DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K. (1) (JOHOR), S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, S.S.A.P. (Merbok).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK (Bentung).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).

Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P. S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

Yang Berhormat TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ Tuan Ong Tee Keat (Ampang Jaya).
- „ DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah):
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).

- Yang Berhormat TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
  - „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
  - „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
  - „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
  - „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
  - „ DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
  - „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
  - „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
  - „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman,  
D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

 Jumaat, 23hb Jun, 1989
 

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang*

## DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**SISWAZAH MENGGANGGUR**

**1. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah siswazah menganggur di negara ini pada masa kini dan unjuran yang menganggur tiap-tiap tahun dari 1990 hingga 1995 yang akan datang;
- (b) apakah Jawatankuasa mengenai siswazah menganggur dipengerusikan oleh Y.B. Menteri Pendidikan telah berjaya melaksanakan tugasnya mengatasi masalah-masalah siswazah menganggur setakat ini, apakah rancangan-rancangan yang ada pada jawatankuasa tersebut untuk menyelesaikan masalah ini di masa yang akan datang dan apakah pihak Kerajaan yakin semuanya akan berjaya;
- (c) bagaimanakah pihak Kerajaan menerangkan kepada ibubapa mengenai "EDUCATION AND EMPLOYMENT OPPORTUNITY" sedangkan sekarang yang telah memperolehi ijazah kini sukar untuk mendapat pekerjaan; dan

(d) masihkah Kerajaan meneruskan matlamat pendidikan sebagai "Education for Manpower Development" atau menukarkan matlamatnya kepada "Education for Education Sake".

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs Suleiman bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebenarnya Kerajaan tidak mempunyai angka yang tepat mengenai jumlah siswazah menganggur di negara ini. Bagaimanapun sejak tahun 1986 hingga 31 Mei, 1989, seramai 13,614 orang siswazah telah mendaftarkan diri di Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menyertai skim-skim latihan yang telah diluluskan oleh Kerajaan. Jumlah demikian tidak menunjukkan angka sebenar siswazah yang menganggur di negara ini tetapi bilangan yang ingin menyertai skim-skim latihan anjuran Kerajaan. Unjuran yang menganggur dari tahun 1990 hingga 1995 dijangka bertambah berasaskan kepada bilangan siswazah-siswazah lepasan institusi dalam dan luar negeri yang bertambah berbanding dengan kemampuan sektor-sektor dalam menyediakan peluang-peluang pekerjaan untuk siswazah-siswazah.
- (b) Jawatankuasa Kabinet Program Peluang Pekerjaan Siswazah yang dipengerusikan oleh Yang

Berhormat Menteri Pendidikan sememangnya telah berjaya melaksanakan tugas bagi membantu mengurangkan kadar siswazah menganggur setakat ini. Program-program yang telah dan akan dijalankan adalah seperti berikut:

- (i) Skim Khidmat Sambilan;
  - (ii) Skim Siswazah Tani;
  - (iii) Skim Latihan Khas I (Latihan Keusahawanan) Skim Latihan Khas II (Agen Percukaian);
  - (iv) Latihan/Kursus Pengenalan kepada asas-asas - perniagaan;
  - (v) Skim Latihan Khas Graduan Lulusan dalam Bidang Komputer; dan
  - (vi) Skim Latihan Khas oleh MAMPU.
- (c) Penyediaan tenaga manusia memanglah merupakan salah satu daripada berbagai tujuan sistem pendidikan dan latihan. Walau bagaimanapun, perlu dijelaskan bahawa peluang mendapatkan pekerjaan tidaklah ditentukan semata-mata oleh sistem pendidikan. Ia bergantung sebahagian besar kepada perkembangan ekonomi pada sesuatu masa itu.
- (d) Seperti yang tersurat dalam Falsafah Pendidikan Negara, pendidikan di negara ini merupakan pendidikan menyeluruh dan bersepadu yang bertujuan untuk "melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi

sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara". Oleh itu, pendidikan di negara ini bukanlah, dengan izin, "education for education's sake", seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin kemukakan soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebut bahawa ada seramai 13,614 siswazah telah menyertai skim khas latihan yang dianjurkan oleh Kerajaan. Soalan saya dari jumlah 13,614 orang itu berapakah jumlah yang telah diserapkan ke jawatan-jawatan tetap dalam Kerajaan dan juga di dalam sektor-sektor yang lain? Kedua mengenai apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, saya ingin mendapat penjelasan sama ada Kerajaan akan menyemak semula rancangan menghantar pelajar-pelajar kita ke luar negeri ataupun menggalakkan pelajar-pelajar kita di dalam negeri ataupun di luar negeri untuk kursus-kursus yang dikenali sebagai kursus-kursus sains. Sedangkan pada masa sekarang ini, kursus-kursus yang seumpama itu tidak memberi peluang-peluang pekerjaan malah ada kelulusan-kelulusan yang diperlukan seperti kelulusan bahasa Inggeris untuk menjadi guru dan sebagainya lebih diperlukan. Adakah Kerajaan bercadang untuk menyemak semula mengenai keperluan tenaga kerja di negara kita ini. Terima kasih.

**Drs Suleiman bin Mohamed:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Seperti saya sebutkan bahawa tujuan pendidikan negara ini adalah untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan. Jadi, apabila kita menuju ke arah membina satu masyarakat yang mempunyai ilmu pengetahuan maka

kita tidaklah hanya tertumpu kepada sesuatu latihan yang boleh memberi banyak peluang pekerjaan. Oleh yang demikian, setakat ini Kerajaan tidak mempunyai rancangan seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat bagi kursus-kursus tertentu di luar negeri ataupun di dalam negeri.

Bagi soalan pertama, oleh kerana skim ini adalah skim yang baru iaitu pada tahun 1986, maka kita tidak mempunyai satu bilangan yang terperinci sama ada mereka ditempatkan secara tetap di dalam Kerajaan atau di pihak sektor swasta.

**Tuan Mohammad Subky bin Haji Abdul Raof:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Timbalan Menteri telah menjelaskan bahawa beberapa skim latihan telah diberi kepada siswazah-siswazah menganggur, saya ingin tahu apakah aktiviti-aktiviti di bawah skim latihan khas MAMPU yang dijalankan bagi menolong siswazah-siswazah menganggur?

**Drs Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, MAMPU mempunyai skim bagi membantu siswazah menganggur ini seperti lain-lain skim di mana skim yang dijalankan oleh MAMPU adalah meletakkan siswazah-siswazah ini di dalam syarikat-syarikat termasuk syarikat-syarikat swasta dan Kerajaan. Setakat ini bilangan yang ada di bawah skim MAMPU adalah seramai 33 orang.

#### RANCANGAN FELDA— PROGRAM GENERASI KEDUA

**2. Tuan Haji Mohamad bin Abdullah** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

(a) apakah program-program yang telah dan akan dilaksanakan bagi mengatasi masalah-masalah ekonomi yang dihadapi oleh generasi kedua di rancangan-rancangan Felda di seluruh negara; dan

(b) adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan industri-industri kecil di rancangan-rancangan tersebut bagi mewujudkan peluang pekerjaan kepada generasi kedua Felda atau kepada anak-anak peneroka. Kalau ada bilakah projek ini akan dilaksanakan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Adam bin Abdul Kadir):** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah dua ulas iaitu (a) dan (b).

(a) (i) *Perusahaan dan Perniagaan*

FELDA memang mempunyai program-program tertentu untuk generasi kedua di rancangan-rancangan FELDA seluruh negara. Antara program-program FELDA ialah menyediakan kemudahan, galakan, bantuan dan khidmat nasihat serta kemudahan asas di seluruh negara untuk peneroka dan tanggungan-tanggungan peneroka. Dalam setiap rancangan FELDA, satu kawasan perniagaan disediakan yang menempatkan gerai-gerai lima pintu, gerai-gerai separuh batu dan gerai-gerai batu. Sehingga sekarang ini, sejumlah 146 blok gerai lima pintu, 42 unit gerai separuh batu dan 90 unit gerai batu telah dibina di rancangan-rancangan FELDA.

Pihak FELDA juga telah memperuntukkan sejumlah \$5.25 juta dari Tabung Sosio-Ekonomi Peneroka bagi pinjaman perniagaan dan perusahaan.

(ii) *Program Penggantian Peneroka*

Satu program lagi ialah Program Penggantian Peneroka. Di rancangan-rancangan FELDA yang lama, sebilangan peneroka telahpun tua dan uzur. Bagi memastikan berterusan hasil ladang dan ladang dijaga dengan rapi, pengganti-pengganti peneroka dipilih dan pemilihan berasaskan keutamaan yang diberi kepada anak-anak peneroka yang tidak mempunyai pekerjaan tetap, mereka berminat untuk bekerja di ladang dan sanggup menetap di rancangan-rancangan.

Dalam perkara ini, satu hakikat ialah ramai anak-anak peneroka yang telah berjaya dalam pendidikan mencari lapangan-lapangan lain sama ada berbentuk profesional ataupun pekerjaan-pekerjaan yang selaras dengan kelulusan dan kejayaan mereka di dalam pendidikan. Maka ramai yang telah meninggalkan rancangan-rancangan. Jadi, yang tinggal itulah menjadi potensi bagi FELDA memilih siapakah yang akan mengganti ibu-bapa mereka.

(iii) *Latihan kemahiran*

Satu lagi ialah latihan kemahiran. FELDA juga mengadakan program-program latihan vokasional bagi memperluaskan generasi kedua bagi mendapat pekerjaan di dalam dan di luar

rancangan. Latihan-latihan ini dilaksanakan di pusat-pusat dan sekolah-sekolah latihan FELDA serta institusi-institusi swasta. Antara kursus-kursus yang dianjurkan ialah pertukangan kayu, menurap batu-bata, mengetuk dan mengecat kenderaan, kimpalan, automobil, pendawaian elektrik, jahitan, kraftangan dan memandu. Sehingga sekarang ini, FELDA telah membelanjakan sejumlah \$4.9 juta bagi program-program tersebut dan hasilnya ialah seramai 1,800 orang telah berjaya mendapat pekerjaan dan berniaga sendiri daripada jumlah seramai 6,352 orang yang menyertai kursus.

(iv) *Kraftangan*

Sehingga sekarang ini, FELDA telah mewujudkan 7 buah pusat kraftangan di rancangan-rancangan FELDA yang meliputi bidang-bidang jahitan, anyaman buluh, rotan dan mengkuang.

- (b) Dari segi industri kecil, pertumbuhannya berlaku serentak dengan pembangunan kawasan-kawasan rancangan. Industri-industri kecil seperti kilang memproses makanan, kilang membuat roti dan tomato serta sos juga pertukangan besi ataupun dalam bahasa Inggeris "blacksmith" telahpun wujud terutamanya di kawasan pusat-pusat pertumbuhan atau, dengan izin, "growth centre" yang dicetuskan oleh generasi kedua di rancangan-rancangan FELDA.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan. Melihat kepada kemajuan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang berbagai-bagai aktiviti daripada perkembangan di rancangan FELDA ini, soalnya adakah pihak FELDA bercadang untuk mengadakan satu industri kecil bagi mengeluarkan hasil daripada kayu getah dan batang kelapa sawit kerana hasil kayu getah dan batang kelapa sawit ini sudah pun menjadi satu sumber pengeluaran bahan-bahan bagi kerusi, meja dan sebagainya yang dikeluarkan oleh pihak swasta.

Dan adakah FELDA akan membiarkan ini kepada pihak swasta ataupun FELDA akan menjalankan usaha sendiri demi menampung dan memberi peluang kepada pekerjaan anak-anak peneroka dan menambahkan lagi peluang pekerjaan kepada seluruh pengangguran yang berlaku di negara kita pada hari ini.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan dan cadangan itu merupakan satu soalan dan cadangan yang baik. Jadi, sama ada FELDA sedang mempertimbangkan atau akan mempertimbangkan batang kayu getah dan batang kelapa sawit akan diusahakan sendiri oleh pihak FELDA sebagai industri kecil untuk menampung pekerjaan generasi kedua dan anak-anak FELDA, perkara ini belum diberi pertimbangan lagi oleh Kementerian ataupun FELDA tetapi saya percaya untuk makluman bersama, FELDA lebih tertumpu kepada pembangunan peneroka dari segi sosialnya dan dari segi pertumbuhan sumber-sumber ekonomi untuk penerusan kehidupan peneroka-peneroka, iaitu hasil daripada pembangunan tanah itu sendiri. Tetapi tentu sekali cadangan seperti itu adalah sesuatu yang baik yang FELDA boleh timbang. Sekiranya

baik, ianya boleh diperkembangkan terus tidak semestinya oleh pihak FELDA.

**Puan Ling Chooi Sieng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar sebelum mengadakan industri-industri kecil di rancangan Felda Kerajaan mesti menentukan rancangan-rancangan Felda mempunyai kemudahan asas. Sepanjang pengetahuan saya banyak rancangan-rancangan Felda belum mendapat bekalan letrik. Kalau Yang Berhormat sedar, sila memberitahu dalam tempoh berapa tahun rancangan-rancangan tersebut di seluruh Malaysia akan mendapat kemudahan asas yang saya sebutkan tadi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa soalan itu tidak bersangkut.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan itu kalau Tuan Yang di-Pertua kata tidak bersangkut, terima kasih.

#### PERDA—PERANCANGAN KAWASAN

**3. Tuan Haji Mohd. Subky bin Haji Abdul Raof** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada pihak Kementerian sudah mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mendapatkan kawasan Dewan Undangan Negeri Bayan Lepas dijadikan sebahagian daripada Perancangan Kawasan yang boleh dimajukan oleh PERDA.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Subky bin Haji Raof.

**Tuan Haji Mohd. Subky bin Haji Abdul Raof:** Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 3.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Kemajuan Tanah.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Cepat sangat, saya ingat ada satu soalan sebelum daripada ini.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan PERDA yang telah berkuatkuasa mulai 1 Jun 1983 ialah seluruh kawasan di luar kawasan metropolitan George Town dan Butterworth/Bukit Mertajam. Tetapi kawasan ini tidak termasuk kawasan-kawasan yang diwartakan sebagai kawasan-kawasan bandar, kawasan tadahan air, hutan-hutan simpan, kawasan-kawasan perkuburan, rizab-rizab sungai, tepi-tepi pantai dan pulau-pulau.

Bagi kawasan Dewan Undangan Negeri Bayan Lepas lebih kurang 1/3 daripada kawasan tersebut adalah termasuk di dalam kawasan Wilayah PERDA dan 2/3 lagi adalah termasuk dalam kawasan metropolitan. Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah belum ataupun belum bercadang untuk membincang dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya kawasan Dewan Undangan Negeri Bayan Lepas dimasukkan ke dalam kawasan PERDA. Kementerian saya percaya Kerajaan Negeri boleh membawa kemajuan bagi kawasan tersebut.

Bagaimanapun, kawasan Dewan Undangan Negeri Bayan Lepas yang kini diluar kawasan PERDA boleh dimajukan oleh PERDA sekiranya diminta oleh Kerajaan Negeri dan diwartakan sebagai kawasan PERDA.

**Tuan Teoh Teik Huat:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Setiausaha Parlimen memberitahu apakah kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh PERDA di kawasan PERDA itu buat masa sekarang?

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, memang sudah terang bahawa ianya berkaitan dengan pembangunan dan kemajuan tanah. Sedikit sahaja kalau pun ada aktiviti yang berkaitan dengan perniagaan.

#### PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI—MATLAMAT/ OBJEKTIF

**4. Tuan Teoh Teik Huat** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian ini bagi menyekat Perbadanan-perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri (SEDCs) yang tidak menguntungkan dari seterusnya merugikan wang-wang orang awam dan adakah terdapat sebarang cadangan-cadangan untuk menutup mana-mana SEDCs. Jika ia, yang mana satukah.

**Menteri Perusahaan Awam (Dato Napsiah binti Omar):** Tuan Yang di-Pertua, matlamat dan objektif penubuhan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri perlulah dilihat dari dua aspek, iaitu aspek komersial dan tanggungjawab dalam aspek pembangunan negeri. Dengan kata lain, matlamat penubuhan PKEN-PKEN bukanlah semata-mata untuk memperolehi keuntungan sahaja. Oleh itu pengukuran prestasi PKEN-PKEN tidaklah seharusnya dilihat dari aspek untung/rugi sahaja, sebaliknya pengiktirafan terhadap sumbangan dari aspek sosial perlu juga diambilkira.

Secara keseluruhannya Kerajaan berpuas hati dengan peranan yang telah dimainkan oleh PKEN-PKEN. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan telah dapat menyumbangkan ke arah pembangunan sosio-ekonomi di peringkat negeri dengan penglibatan di dalam pelbagai sektor. Walaupun masih terdapat projek-projek yang mengalami kerugian masih terdapat kebbaikannya dinilai dari pengalaman dan kemahiran yang diperolehi daripada penglibatan dalam bidang-bidang berkenaan dan juga dari segi kesan sampingan seperti pengwujudan peluang pekerjaan dan pembangunan infrastruktur hasil dari aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Dengan yang demikian, Kerajaan tidak bercadang

untuk menutup PKEN-PKEN yang mengalami kerugian, sebaliknya beberapa langkah telah diambil dan dirancang bagi menyekat PKEN-PKEN yang tidak menguntungkan dari terus mengalami kerugian dengan usaha-usaha seperti:

- (i) mengkaji semula strategi dan perancangan korporat supaya sesuai dengan kehendak dan suasana ekonomi dan sosial semasa;
- (ii) menyusun semula struktur organisasi di mana sesuai supaya mencerminkan dengan lebih jelas aktiviti dan peranan komersial dan sosial;
- (iii) menggalak dan mewujudkan pelaburan dan aktiviti-aktiviti ekonomi yang viable serta memperolehi teknologi baru, meningkatkan pengetahuan dan kepakaran di dalam bidang-bidang seperti aquaculture, perumahan pasang siap dan bidang-bidang pertanian kontan;
- (iv) menggalakkan budaya dan amalan perniagaan supaya syarikat beroperasi sebagai satu "business entity";
- (v) menswastakan syarikat-syarikat di mana sesuai selaras dengan dasar Kerajaan; dan
- (vi) membuat kajian terhadap beberapa buah syarikat yang ditubuhkan oleh PKEN-PKEN yang sedang menghadapi masalah untuk di-baikpulih.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya Menteri yang berkenaan memandangkan jawapan daripada beliau itu tadi bahawa tujuan untuk menubuhkan PKEN ini bukanlah semata-mata untuk mengira sama ada ia rugi atau

untung. Tetapi saya ingin tanya sama ada beliau sedar bahawa adalah anih sekiranya sesuatu PKEN ataupun agensi-agensi lain yang ditubuhkan senantiasa menghadapi kerugian dan sama ada pihak berkuasa berkenaan telah mengenalpasti faktor-faktor utama yang menyebabkan kerugian ini. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasinya dan bolehkah Yang Berhormat memberitahu sehingga hari ini tentang jumlah kerugian yang telah dialami oleh PKEN-PKEN dan agensi-agensi lain yang berkenaan?

**Dato Napsiah binti Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah ada angka-angka yang terperinci seperti mana yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Tetapi saya ingin menyatakan di sini tidak semua PKEN itu mengalami kerugian, misalnya PKEN di negeri Johor tahun ini juga mencatat keuntungan sebanyak \$71.1 juta. Begitu jugalah PKNS Selangor mendapat keuntungan \$69 juta. Jadi di dalam apa sahaja perusahaan ataupun perniagaan kita memang ada kerugian dan keuntungan. Dan saya memandangkan mungkin universally, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, memanglah bila disebut tentang perusahaan awam ini seluruh dunia memang orang ingatkan hanya merugikan sahaja. Tetapi di sebaliknya kalau kita kaji betul-betul sepertimana yang pernah saya katakan di dalam kerugian itu memang ada keuntungan. Keuntungan dari segi kita mengalami pengalaman-pengalaman baru di dalam bidang-bidang perniagaan yang mungkin pihak swasta belum lagi berani untuk menerokai. Jadi adalah terpulang kepada pihak Kerajaan untuk menerokai bidang-bidang ini dan memberi peluang pekerjaan kepada rakyat dan memberi juga mereka ini peluang-peluang untuk meningkatkan kemahiran mereka. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengkajinya daripada segi itu dan

bukan sahaja daripada untung dan rugi. Di dalam perniagaan juga, dengan izin, you can't win all the time, you win some and you lose some. Sekian, terima kasih.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu berapakah jumlah anak-anak syarikat Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang telah diswastakan. Kita juga tahu bahawa ada juga terdapat sebahagian besar anak-anak syarikat ini mengalami kerugian melainkan sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri iaitu Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor dan Selangor telah mendapat keuntungan yang baik. Tetapi saya ingin tahu dari segi syarikat-syarikat yang rugi ini mengapakah mereka mengalami kerugian. Yang keduanya, sepertimana Yang Berhormat mengatakan, dengan izin, "We win some, we lose some, we cannot win all the time," tetapi soalnya sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat awal-awal tadi, matlamat penubuhan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri ini ialah pertamanya dari segi komersial, keduanya dari segi pembangunan negeri dan ketiganya juga memberi peluang pekerjaan. Tetapi persoalan saya, bagaimanakah pekerjaan-pekerjaan dapat terus diwujudkan jika sekiranya anak-anak syarikat terus mengalami kerugian. Jadi, saya ingin tahu sama ada Kerajaan mempunyai jadual tertentu untuk menswastakan syarikat-syarikat yang mana difikirkan boleh diswastakan. Itu sahaja, terima kasih.

**Dato Napsiah binti Omar:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan hari ini ialah berkenaan dengan PKEN, bukan anak-anak syarikatnya. Tetapi walau bagaimanapun, memandangkan kawan sahabat baik saya bertanya, insya Allah, saya akan cuba jawab. Bilangan syarikat yang saya ketahui hari ini adalah sebanyak 353 anak syarikat di bawah PKEN di seluruh

negara kita. Daripada ini saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat iaitu yang dimiliki penuh adalah sebanyak 107 syarikat, usahasama—82, bersekutu—110 dan pelaburan—54. Dan dari beberapa anak-anak syarikat ini tadi yang mana ada dalam pengetahuan saya, ada juga yang telah pun diswastakan di mana sekiranya kawan perniagaan anak syarikat ini tadi telah mempunyai keupayaan daripada segi kewangan dan juga kebolehan untuk mengendalikan perusahaan itu memanglah kita memberi mereka peluang untuk mengambilalih share ataupun ekuiti syarikat PKEN itu untuk memberi peluang kepada pihak rakan perniagaan itu untuk mengambilalih. Saya tidak ada angka yang tepat dan kalau tidak silap saya, seratus lebih syarikat yang telah pun diambilalih oleh rakan perniagaan.

Saya ingin juga sekali lagi hendak menyatakan di sini iaitu tidak semua anak syarikat ini rugi. Sebenarnya ada juga beberapa buah anak syarikat ini yang telah pun diambilalih oleh PNB dan ini menunjukkan kemampuan dan kebolehan pegawai-pegawai yang mengendalikan syarikat-syarikat ini. Kerana syarikat-syarikat itu berjaya maka PNB mengambilalih syarikat-syarikat itu.

## INDUSTRI KECIL

**5. Tuan Law Lai Heng** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) setakat ini berapa banyakkah kawasan industri kecil yang disediakan di setiap negeri; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang mewujudkan kawasan industri di tiap-tiap daerah dan bagaimanakah kemajuan yang telah dapat dicapai.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat):** Tuan Yang di-Pertua, sehingga Januari

1989, sejumlah 98 kawasan industri telah disediakan di seluruh negara yang boleh digunakan oleh industri kecil/ ringan. Jumlah kawasan mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan Kawasan Industri yang boleh digunakan oleh Industri Kecil/ Ringan</i>
Johor Darul Takzim	14
Melaka	5
Negeri Sembilan Darul Khusus	5
Selangor Darul Ehsan	22
Perak Darul Ridzuan	11
Pulau Pinang	2
Kedah Darul Aman	6
Perlis Indera Kayangan	2
Pahang Darul Makmur	7
Terengganu Darul Iman	9
Kelantan Darul Naim	4
Sarawak	5
Sabah	4
<i>Wilayah Persekutuan:</i>	
Kuala Lumpur	1
Labuan	1
Jumlah	98

Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk membangunkan kawasan perindustrian di semua daerah di negara memandangkan bukan semua daerah adalah sesuai untuk dijadikan kawasan perindustrian, khususnya daerah-daerah yang terpencil dan tidak mempunyai kemudahan-kemudahan asas yang baik. Walau bagaimanapun, rancangan untuk memajukan

kawasan-kawasan industri di tiap-tiap negeri mengikut kesesuaian kawasan itu akan diteruskan.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:**

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha Kerajaan untuk mewujudkan 98 kawasan-kawasan perindustrian kecil di seluruh negara, berapakah perbelanjaan yang telah digunakan oleh pihak Kerajaan itu setakat ini bagaimanakah pulangan balik daripada pelaburan Kerajaan dan setelah mewujudkan begitu banyak kawasan-kawasan industri kecil di negara kita ini? Yang kedua, bagaimanakah pengagihan penggunaan kawasan industri kecil ini dari segi bumiputera dan bukan bumiputera? Setakat ini berapa jumlah bumiputera yang telah ditempatkan dan berapa jumlah bukan bumiputera dan berapa tempat yang belum lagi diagihkan kepada mereka?

**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terlibat banyak butir-butir dan saya harap Yang Berhormat yang berkenaan boleh bagi saya notis lain kali.

**Tuan Lau Dak Kee:** Speaker, soalan tambahan. Menurut jawapan daripada Timbalan Menteri dikatakan ada 98 kawasan-kawasan perindustrian kecil. Bolehkah Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini apa maknanya, macam mana kita tafsirkan industri kecil, modalnya berapa, pekerjaanya berapa, yang boleh dianggap seperti industri kecil? Selain daripada ini, adakah ini termasuk industri micro atau tidak, dengan dua, tiga orang itu adakah ianya dikatakan industri kecil dan apakah kelayakannya mereka dapat ditempatkan di kawasan-kawasan industri kecil?

**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya hendak menerangkan sedikit mengenai 98 kawasan industri ini. Saya kata tadi 98

kawasan industri ini boleh digunakan oleh industri kecil, bukan untuk industri kecil sahaja. Kita ada definisi untuk industri kecil ini, dan garis panduan kita adalah bahawa modal syarikat itu atau shareholders' fund, dengan izin, tidak melebihi \$500,000 dan pekerja-pekerjanya tidak melebihi 75. Itulah garis panduan untuk syarikat kecil.

### LAPISAN OZONE—HASIL KAJIAN

**6. Tuan Ngoi Thiam Woh** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah pihak Kementerianya telah menjalankan penyiasatan ke atas keadaan lapisan ozone (ozone layer) di ruang angkasa negara kita, jika ya, apakah keadaan sekarang dan jika tidak, mengapa.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze):** Tuan Yang di-Pertua, ya, tetapi hanya kajian secara ad hoc telah dijalankan oleh Perkhidmatan Kaji-cuaca Malaysia bersama-sama dengan Dr. Mohamed Elyas dari Jabatan Fizik Universiti Sains Malaysia (USM).

Kajian itu telah dilakukan ke atas kawasan Kuala Lumpur dalam tahun 1981 dan 1982. Kajian itu menunjukkan bahawa lebih banyak lagi perlu dijalankan, tetapi data yang telah diperolehi adalah berguna untuk kajian-kajian pada masa depan.

**Puan Ling Chooi Sieng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan yang mulia ini sama ada cuaca panas seperti "heat wave" yang kita alami kadangkala ada kaitan dengan lapisan ozone yang saya faham telah semakin nipis?

**Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze:** Kajian ini adalah berkaitan dengan keadaan tersebut tadi tetapi seperti saya katakan tadi, kita belum lagi menjalankan kajian ini sepenuhnya.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan supaya melindungi lapisan ozone di negara kita ini dan adakah Kerajaan telah mengadakan pasukan khas untuk mengawal kegunaan CFC di negara ini dan adakah Kerajaan telah menandatangani satu Convention di Geneva untuk mengawal kegunaan CFC serta bahan-bahan yang boleh merosakkan lapisan ozone?

**Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah memutuskan supaya menjadi "party" kepada "Protocol Montreal". Setakat ini kita masih belum menandatangani Protocol berkenaan kerana beberapa formaliti perlu dipenuhi dan ini sedang dalam urusan Kementerian Luar Negeri. Saya ingin juga memaklumkan bahawa suatu Jawatankuasa Kebangsaan mengenai Perlindungan Lapisan Ozon telah ditubuhkan di bawah Jabatan Alam Sekitar dan dianggotai oleh jabatan-jabatan yang berkaitan, pihak kilang-kilang, pembekal-pembekal dan universiti bagi mengkaji dan mengambil tindakan yang perlu melindungi lapisan ozon.

Selanjutnya kerja-kerja sedang dijalankan untuk menentukan dan menetapkan sistem tarif kod Kastam bagi bahan-bahan yang diimport itu dan di mana perlu undang-undang yang sedia ada akan dipinda dan dikemaskinikan. Kerajaan juga menggalakkan industri-industri baru menggunakan bahan-bahan dan teknologi alternatif selaras dengan hasrat dan matlamat untuk melindungi lapisan ozon.

### LEBUHRAYA TIMUR-BARAT—JUMLAH PERBELANJAAN

**7. Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Kerjaraya menyatakan berapakah jumlahnya perbelanjaan asal, dan

perbelanjaan penambahan pembinaan "East-West Highway". Berapakah perbelanjaannya pada tiap-tiap tahun sejak tahun 1982 untuk membaiki East-West Highway. Berapakah lagi perbelanjaannya yang dianggarkan pada tahun 1989 dan 1990 untuk memastikan lebuh raya ini mencapai mutu yang memuaskan hati.

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhah Wan):** Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan pembinaan Jalanraya Timur-Barat sejak pembinaannya dimulakan pada tahun 1970 hingga mula dibuka kepada lalu-lintas pada tahun 1982 adalah berjumlah lebih kurang \$288.20 juta. Sebaik sahaja ia dibuka kepada lalulintas, jalanraya tersebut telah menunjukkan tanda-tanda kegagalan pada cerun-cerun kerana musim tengkujuh yang teruk pada tahun-tahun 1981, 1982 dan 1983. Bagi mengelakkan jalanraya tersebut menjadi lebih buruk lagi, Kerajaan telah mengambil langkah segera untuk membaiki cerun-cerun di sepanjang jalanraya tersebut yang menelan perbelanjaan yang banyak.

Dari tahun 1982 hingga 1987, jumlah perbelanjaan adalah lebih kurang \$241.6 juta yang digunakan bagi kerja-kerja membaiki cerun, menurap semula muka jalan dan bagi penyelenggaraan biasa yang dijalankan dari semasa ke semasa. Perbelanjaan bagi tiap-tiap tahun dari 1982 hingga 1987 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Perbelanjaan (Juta)</i>
1982	\$39.32
1983	\$51.32
1984	\$46.36
1985	\$56.44
1986	\$33.38
1987	\$14.76

Adalah dijangkakan pada tahun 1989 dan 1990 sebanyak \$38 juta lagi akan dibelanjakan bagi kerja-kerja memperbaiki dan memperkuatkan cerun-cerun berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalanraya Timur-Barat pada keseluruhannya adalah sepanjang 116 Kilometer melalui kawasan bergunung-ganang yang sukar dan berhutan tebal, yang mana melibatkan jumlah pembinaan struktur yang banyak seperti jambatan, viaduct, dengan izin, pemotongan bukit dan membaiki cerun-cerun dan tambakan.

Walau bagaimanapun, bagi mengurangkan kos pembinaan, Kerajaan telah mengurangkan jumlah pembinaan struktur kepada jumlah yang minima. Pembinaan struktur-struktur hanya dilakukan di kawasan-kawasan yang tidak dapat dielakkan sahaja. Ini telah menyebabkan berlakunya keruntuhan tanah dan kegagalan cerun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesukaran pembinaan dan sabotaj komunis pada awal tujuh-puluhan (70an) telah melewati pelaksanaan projek Timur-Barat merupakan kejayaan pertama Jabatan Kerjaraya mengendalikan pembinaan perojek jalanraya yang besar dan sukar di dalam negara. Kejayaan ini saya rasa patut diberi pujian dan penghargaan oleh semua.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri sedia maklum, Lebuh raya Timur-Barat masih belum lengkap kerana ia berhenti di Jeli, Kelantan dan Gerik, Perak sahaja. Ingin saya bertanya kepada Yang Berhormat bilakah bahagian dari Gerik ke Butterworth akan dibina oleh Kerajaan?

**Tuan Luhah Wan:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, jalan di bahagian barat dari Gerik ke Butterworth ianya akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam dan setakat ini proses pengambilan tanah sedang dijalankan daripada

Kulim ke Butterworth. Kos keseluruhan daripada Gerik ke Butterworth adalah dijangka lebih kurang \$370 juta.

**Dr Chen Man Hin:** Soalan tambahan. Tiap-tiap tahun, Tuan Yang di-Pertua, kita dengar perbelanjaan untuk membaiki atau repair East-West Highway itu meningkat beratus-ratus juta. Oleh sebab jalan itu adalah melalui bukit-bukit atau gunung-ganang, saya rasa bahawa teknologi untuk highway di dalam gunung-ganang adalah lain. Adakah Kerajaan berminat untuk hantar pakar-pakar kita pergi melawat negara-negara lain di sana?. Saya ingat teknologi di sana lebih cekap dan matang.

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan ada juga memberi peluang kepada pakar-pakar kita untuk membuat lawatan sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, bukan hanya di Switzerland sahaja. Kalau kita menumpu kepada satu tempat sahaja tentu sekali keadaannya tidak sama dengan keadaan di Malaysia kerana di sini adalah negara tropika dan di sana kadangkala ada masa panas, ada masa sejuk dan sebagainya.

#### **JALAN RAYA BEAUFORT/ KUALA PENYU/MENUMBOK— PEMBAIKAN**

**8. Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapakah jumlah wang yang diperuntukan bagi maksud pembaikan atau road maintenance bagi jalanraya yang menghubungkan Beaufort-Kuala Penyu dan Menumbok. Apakah jenis kerja pembaikan yang dijalankan sepanjang tahun dan setakat ini berapakah jumlah wang yang telah dibelanjakan.

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan ini ialah bahawa pada masa ini jalan raya

Beaufort/Kuala Penyu/Menumbok adalah jalan Persekutuan. Jalan ini sedang diselenggarakan melalui satu kontrak berpenggal "term contract" selama tiga tahun mulai 1hb Januari 1988 hingga 31hb Disember 1990. Kos perbelanjaan bagi projek ini adalah dianggarkan berjumlah \$15 juta. Bagi maksud ini, peruntukan yang diberi pada tiap tahun adalah sebanyak \$5 juta untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skop kerja bagi kontrak yang saya sebutkan tadi adalah merangkumi semua kerja penyelenggaraan biasa seeperti berikut:

- (1) Menggredkan permukaan dan bahu jalan;
- (2) Memotong rumput;
- (3) Menampal lopak jalan;
- (4) Pembersihan longkang dan perparitan;
- (5) Pembersihan tanah runtuh;
- (6) Pembaharuan permukaan jalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah perbelanjaan sehingga sekarang bagi kontrak tersebut ialah sejumlah lebih kurang \$7.2 juta.

**Tuan Nurnikman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada sidang Dewan Rakyat yang lalu, Yang Berhormat Menteri Kerja Raya berjanji melawat Sabah dan akhir bulan April untuk meninjau keadaan jalan raya tersebut dan jalan-jalan raya lain di Sabah.

Saya ingin bertanya oleh kerana pada sidang Dewan Rakyat pada bulan April yang lalu Menteri berkenaan berjanji iaitu dia berkata "sedikit boleh tolong untuk jalan raya Beaufort/Menumbok/Kuala Penyu." Di sini, saya ingin tahu, apakah jenis pertolongan yang sedikit itu dan adakah ia sudah ditunaikan dengan komitmen yang ikhlas.

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di-Pertua, saya mungkin tidak berapa sedar janji Yang Berhormat Menteri kepada Dewan ini, jadi saya minta maaf saya tidak dapat memberi jaminan seperti yang telah pun diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri itu. Jadi saya tidak boleh memberi jawapan yang tepat tentang perkara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr Tan Seng Giaw.

*(Soalan No. 9 Y.B. Dr Tan Seng Giaw tidak hadir).*

#### MAHKAMAH AGUNG— PERSIDANGAN

**10. Tuan Gerard Math Lee Min** minta Menteri Kehakiman menyatakan adakah Mahkamah Agung merancang untuk bersidang di Kuala Lumpur sahaja, dan jika begitu, apakah sebabnya.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kahakiman (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini Mahkamah Agung hanya bersidang di Kuala Lumpur bagi kes-kes di Semenanjung. Sementara bagi kes-kes mahkamah di Sabah dan Sarawak, ia mengadakan persidangannya di Kuching dan Kota Kinabalu. Langkah ini bukan sahaja untuk menjimatkan masa dan perbelanjaan Kerajaan tetapi juga menjimatkan kos dalam guaman.

#### PROJEK HALACARA BARU LABUH BANTING, SEBERANG PERAI UTARA

**11. Tuan Haji Mohamed Yusoff bin Haji Abdul Latiff** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

(a) sejauh manakah pencapaian dasar dalam kontek menghapuskan kemiskinan seperti

yang disarankan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 10hb April 1984 dengan mengujudkan berbagai program di antaranya program Kampung Hala Cara Baru di Labuh Banting di dalam kawasan Parlimen Tasek Gelugor;

- (b) adakah tercapai maksud dan matlamat program itu sehingga kini; dan
- (c) sekiranya belum tercapai apakah gejala-gejala atau halangan-halangan yang dihadapi.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Perlaksanaan Projek Halacara Baru Labuh Banting, Seberang Perai Utara Pulau Pinang telah berjaya menyediakan asas pembangunan ekonomi pertanian di kawasan yang berkenaan. Infrastruktur pengairan telah disediakan dan siap pada tahun 1987 dengan perbelanjaan sebanyak \$1.5 juta. Infrastruktur ini telah membolehkan 215 hektar sawah-sawah padi dapat diusahakan dan mengatasi masalah tanah terbiar. Kesannya tanah-tanah terbiar tersebut mengeluarkan hasil padi dan pendapatan kepada petani-petani.

Di samping itu, projek-projek yang dilaksanakan di kawasan ini juga telah dapat mengujudkan peluang-peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan penduduk. Sebagai contoh, projek kolam ikan di Kampung Labuh Banting yang melibatkan 24 orang penduduk telah berjaya menambah sumber pendapatan sampingan sebanyak lebih kurang \$50.00 seorang sebulan.

Projek anyaman mengkuang dan memproses mengkuang telah berjaya meningkat sumber pendapatan di antara \$100-\$400 sebulan kepada 38 orang penduduk. Manakala bengkel tembikar telah memberi peluang pekerjaan kepada 8 orang penduduk.

(b) Pada masa ini, program tersebut adalah di peringkat awal pelaksanaan. Oleh itu, sukar untuk menyatakan tahap pencapaian. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya projek Halacara Baru telah berjaya menyediakan peluang-peluang pekerjaan dan sumber-sumber pendapatan dan seterusnya dapat mengurangkan masalah kemiskinan. Memandangkan kejayaan/kebaikan program ini, Kerajaan sememangnya bercadang untuk meluaskan program ini keseluruhan kampung-kampung tradisional di negara ini.

(c) Tiada gejala-gejala dan halangan-halangan yang besar dihadapi dalam pelaksanaan projek Halacara Baru di Lebuh Banting. Walau bagaimanapun, untuk mengatasi masalah-masalah kecil usaha-usaha penerangan mengenai program-program ini kepada penduduk-penduduk yang terlibat akan diteruskan dari masa ke semasa.

#### SKIM PEMBINAAN GERAI TEPI JALAN

12. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan Dasar dan Cara Pelaksanaan Skim Pembinaan Gerai Tepi Jalan di negara ini. Apakah

matlamat jangka panjang Kerajaan bagi menentukan skim ini tidak bersifat sementara dan sebaliknya mempunyai implikasi yang kukuh ke arah membantu pertumbuhan ekonomi negara.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang mempunyai hasrat supaya gerai/restoran yang indah dan bersih dibina di tepi jalan raya. Namun begitu, setakat ini Kementerian saya hanya sedang mengkaji perkara ini dan belum ada dasar yang tetap mengenainya.

**Tuan Yang di-Pertua,** Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar.

*(Soalan No. 13 Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang.

*(Soalan No. 14 Y.B. Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah.

*(Soalan No. 15 Y.B. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Tan Kok Wai.

*(Soalan No. 16 Y.B. Tuan Tan Kok Wai tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ting Chek Ming. Kita boleh habis soalan-soalan hari ini.

*(Soalan No. 17 Y.B. Tuan Ting Chek Ming tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Hu Sepang.

*(Soalan No. 18 Y.B. Tuan Hu Sepang tidak hadir)*

## PELAJARAN BAHASA CINA

**19. Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa waktu bagi mata pelajaran bahasa Cina yang dijadualkan ke dalam masa tetap telah dikurangkan sejak pelaksanaan rancangan KBSM tahun 1988, jika sedar, apakah langkah Kementerian Pendidikan untuk mengatasinya.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, waktu bagi mata pelajaran bahasa Cina sebenarnya tidak dikurangkan. Malahan peruntukan masa bagi bahasa Cina telah ditambah kepada tiga waktu iaitu 120 minit dalam seminggu. Satu waktu dijalankan dalam jadual waktu biasa, dan dua lagi dalam jadual waktu lanjutan. Mata pelajaran lain iaitu Pendidikan Islam dan Kemahiran Hidup juga telah dimasukkan ke dalam jadual waktu lanjutan tersebut.

**Tuan Liew Ah Kim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan sedar bahawa ada banyak penuntut-penuntut yang mengalami kesulitan transport untuk pergi ke sekolah apabila mereka ada mata pelajaran bahasa Cina di waktu luar biasa. Adakah Kementerian yang berkenaan mencadangkan mengambil langkah-langkah supaya mengatasi segala masalah yang penuntut-penuntut mengalami atau menghadapinya.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa pelajar-pelajar bukan sahaja menghadapi kesulitan untuk mengikuti pelajaran bahasa Cina tetapi ramai mereka menghadapi kesulitan hendak mengikuti pelajaran seperti Kemahiran Hidup ada 4 jadual waktu dan Pendidikan Islam 3 jadual waktu dalam jadual waktu lanjutan. Pada

tahun ini ia melibatkan pelajar di tingkatan satu sahaja dan sebab itu banyak bas-bas sekolah tidak hendak membawa mereka sebab segelintir pelajar sahaja. Pada tahun hadapan ia akan melibatkan tingkatan satu dan dua dan kita yakin ramai pelajar-pelajar perlu menggunakan bas sekolah untuk pergi ke sekolah dan dalam tempoh dua tahun lagi ramai mereka akan menggunakan bas sekolah itu. Kita yakin bahawa kesulitan ini akan diatasi selepas efluxion of time, dengan izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Jawah anak Gerang.

*(Soalan No. 20 Y.B. Tuan Jawah anak Gerang tidak hadir).*

## RISDA—BANTUAN KAMBING BIRI-BIR!

**21. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan berapa ramai pekebun kecil yang mendapat bantuan dari ternakan kambing dari RISDA dan berapa banyak kambing yang telah diberikan sejak projek tersebut dirancang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Adam bin Abdul Kadir):** Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31hb Disember, 1988, RISDA telah memberi bantuan sebanyak 11,505 ekor kambing biri-biri kepada 1,829 orang pekebun kecil di seluruh negara di bawah projek Sistem Perkebunan Bersepadu (SEPERDU).

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah dasar pemberian kambing-kambing itu kepada yang memohon?

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, kita tiada dasar dalam perkara ini, tetapi kita memberi kemudahan di mana kawasan-kawasan pekebun kecil itu didapati sesuai diperlihara dengan kambing biri-biri dan motivasi pekebun-pekebun kecil itu sanggup memelihara kambing biri-biri dan kebetulan pula kita mempunyai supply ataupun ada stok untuk diberikan.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, saya sangat gembira di atas usaha Kerajaan memberi bantuan dan galakan kepada pekebun-pekebun kecil ini, tetapi banyak pekebun-pekebun kecil RISDA di tempat lain tidak mendapat bantuan seperti mana yang terdapat kepada pekebun-pekebun kecil di Teluk Pasu baru-baru ini, mereka mendapat basikal, mereka mendapat ganti rumah dan sebagainya.

Saya mengambil kesempatan ini, Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan bercadang untuk memberi bantuan basikal juga dan berbagai-bagai lagi kepada ahli-ahli pekebun-pekebun kecil di seluruh negara termasuk di kawasan saya? Kalau ianya bercadang, saya akan balik pada minggu ini untuk membuat pendaftaran yang demikian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tetapi soalan asalnya dia tanya kambing bukan basikal. *(Ketawa)*

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu berkaki dua tetapi yang kita jawab ini ialah kambing yang berkaki empat. *(Ketawa)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato Dr Affifudin bin Haji Omar.

*(Soalan No. 22 Y.B. Dato Dr Affifuddin bin Haji Omar tidak hadir).*

### CUKAI JALAN KENDERAAN— PENURUNAN

**23. Tuan Maidom P. Pansai** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bahawa baru-baru ini Menteri Perhubungan dan Kerjaraya Sabah (atas persetujuan Menteri Pengangkutan Malaysia) telah mengumumkan penurunan cukai jalan kenderaan 4 × 4 bermula pada 12hb Mei, 1989 di antara \$1,631.00 kepada \$3,631.00. Mengapakah penurunan tersebut tidak melibatkan semua jenis kenderaan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat dari Kota Belud telah maklum, bahawa Kerajaan telah pun menurunkan kadar cukai jalan bagi kenderaan-kenderaan persendirian pacu 4 roda yang berenjin diesel baru-baru ini setelah kajian dijalankan yang mengambil kira alasan-alasan yang kukuh daripada pemillik-pemilik dan pengusaha kederaan di negari tersebut. Kementerian Pengangkutan akan menjalankan kajian ke atas kenderaan-kenderaan yang didapati membayar cukai jalan yang lebih tinggi, bukan sahaja di Sabah tetapi juga merangkumi Sarawak, jika dibandingkan dengan kadar bagi jenis-jenis kenderaan yang sama di Semenanjung.

Sebagaimana penurunan kadar bagi kenderaan-kenderaan persendirian pacu 4 roda berenjin diesel di Sabah, hasil kajian-kajian atas kenderaan-kenderaan lain juga dirundingkan dengan agensi pusat berkenaan sebelum keputusan muktamad dibuat oleh pihak Kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut selesai.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi soalan No. 9, 13 hingga 18, 20, 22 dan 24 hingga 69 adalah diberi di bawah ini).

### BESI KELULI/SIMEN TEMPATAN—PENGELUARAN

9. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bagi setiap pengeluar besi keluli dan simen tempatan yang utama, senaraikan pengeluar-pengeluar ini (secara berasingan) dengan maklumat-maklumat seperti berikut:

- (a) jumlah keluaran tahunan bagi lima tahun yang lepas;
- (b) bahagian pasaran tempatan yang dikuasai masing-masing;
- (c) jualan tahunan tempatan diukur dalam tan metrik;
- (d) jualan tahunan ke luar negeri diukur dalam metrik;
- (e) peratusan hakmilik kerajaan pusat/negeri (jika ada).

Apakah jumlah permintaan tahunan tempatan bagi lima tahun yang lepas? Bagi simen, berapa banyak tan metrikkah yang diimport setiap tahun dalam tempoh masa yang sama?

#### Dato' Kok Wee kiat:

- (a) Kerajaan berpendapat adalah tidak wajar untuk memaklumkan maklumat-maklumat terperinci mengenai pengeluaran, pemasaran, pengeksportan dan bahagian pasaran (market share) tiap-tiap syarikat pengeluar simen dan besi keluli di negara ini kerana maklumat-maklumat ini merupakan "trade secret" kepada syarikat-syarikat berkenaan. Walau bagaimanapun, maklumat mengenai pengeluaran, jualan ke luar negeri (eksport) dan jualan tempatan

simen dan besi keluli secara keseluruhannya oleh pengeluar-pengeluar tempatan bagi lima tahun yang lepas adalah seperti berikut:

<i>Simen</i>			
<i>Tahun</i>	<i>Pengeluaran</i>	<i>Jualan Tempatan</i>	<i>Jualan Ke Luar Negeri (Eksport)</i>
(Unit: Tonne)			
1984	4,280,124	4,410,984	—
1985	4,323,240	4,341,746	—
1986	3,509,247	3,405,581	130,966
1987	3,105,562	2,837,974	229,493
1988	3,814,787	3,310,194	545,915

<i>Besi Keluli</i>			
<i>Tahun</i>	<i>Pengeluaran</i>	<i>Jualan Tempatan</i>	<i>Jualan Ke Luar Negeri (Eksport)</i>
(Unit: Tonne)			
1984	786,085	799,380	—
1985	560,405	569,898	5,648
1986	373,972	416,111	51,832
1987	377,946	300,934	106,085
1988	434,449	344,332	107,662

- (b) Peratusan hakmilik Kerajaan Pusat/Negeri di dalam syarikat-syarikat pengeluar simen dan besi keluli adalah seperti berikut:

<i>Simen</i>	
Nama Syarikat	Peratus (%)
Cement Industries of Malaysia Berhad (CIMA)	58.8% (PKEN Perlis)
Kedah Cement Sdn. Bhd.	35% HICOM 25% PKEN Kedah

Perak Hanjoong Simen Sdn. Bhd.	60% PKEN Perak
Cement Industries Sabah Sdn. Bhd. (CIS)	50% PKEN Sabah 20% Sabah Port Authority

*Besi Keluli*

PERWA- JA Sdn. Bhd.	81% Kerajaan Pusat 19% Kerajaan Negeri
------------------------	---

MALA- YAWA- TA	46% Kerajaan Pusat
ANTARA	39% Kerajaan Negeri 36.98 Bank Pempa- ngunan

SABAH GAS	100% Kerajaan Negeri
--------------	----------------------

- (c) Jumlah permintaan tahunan tempatan bagi simen dan besi keluli dalam lima tahun yang lepas adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Permintaan Tahunan Tempatan	
	(Unit: Tonne)	
	Simen	Besi Keluli
1984	4,410,984	799,380
1985	4,341,746	569,898
1986	3,402,581	416,111
1987	2,837,974	300,934
1988	3,310,194	344,332

- (d) Jumlah pengimportan tahunan simen dalam lima tahun yang lepas adalah seperti berikut:

Tahun	Kuantiti
	(Unit: Tonne)
1984	805,090
1985	389,798
1986	46,639
1987	40,649
1988	33,941

## CUKAI DAN JUAL BELI EMAS—KAJIAN

**13. Tuan Haji Abdul Rahman Bakar** minta Menteri Perusahaan Utama menjelaskan tentang:

- (a) apakah Kerajaan tidak berhasrat untuk menggubal satu-satu Akta/Peraturan Percukaian dan Jual Beli Emas yang meliputi semua peringkat dan golongan yang berurusanniaga emas di Malaysia;
- (b) bagaimanakah kedudukan dan potensi galian emas di seluruh negara. Berapa luaskah kawasan tersebut, di mana dan berapa jumlah simpanan emas yang dianggarkan; dan
- (c) sampai bilakah Kerajaan akan menutup Lubok Mandi kepada orang ramai dari mendulang emas dan apakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk mengadakan aktiviti melombong secara sistematik.

### Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali):

- (a) perkara berhubung dengan Percukaian dan Jual Beli Emas akan dikaji di dalam proses penggubalan Dasar Pembangunan Mineral yang sedang dijalankan sekarang ini. Melalui usaha ini kesemua perundangan dan peraturan yang berkaitan dengan sumber mineral akan diseragamkan.
- (b) pengeluaran emas dari seluruh negara dari tahun 1988 adalah sebanyak 2,928,222 gram dengan sebahagian besarnya adalah dari Lombong Tembaga Mamut di Sabah. Berdasarkan kerja-kerja penyiasatan yang dijalankan, kawasan seluas 18,000 km persegi telah disempadankan (delineated)

sebagai berpotensi mengandungi emas, pecahan anggaran kawasan mengikut negeri adalah seperti berikut:

Pahang	6,200km persegi	
Kelantan	5,800	,,
N. Sembilan	2,000	,,
Johor	2,500	,,
Terengganu	850	,,
Perak	450	,,
Selangor	200	,,

Bagi Negeri Sarawak dan Sabah, kerja-kerja penyiasatan masih lagi dijalankan dan adalah terlalu awal untuk diberikan sebarang maklumat yang bermakna.

Daripada lombong-lombong emas yang sedia ada dan berpotensi, simpanan emas adalah dianggarkan sekurang-kurangnya 77 tan metrik dengan nilai semasa kira-kira \$2,700 juta. Walau bagaimanapun, data untuk lain-lain kawasan yang berpotensi masih belum diperolehi. Berdasarkan kepada angka-angka yang sedia ada, Malaysia mempunyai potensi yang baik di dalam perlombongan emas.

- (c) menyentuh mengenai penutupan kawasan mendulang emas Lubok Mandi, perkara tersebut adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri Terengganu. Kementerian ini difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Terengganu telah pun menubuhkan satu jawatankuasa untuk mengkaji alternatif-alternatif untuk membolehkan kawasan Lubok Mandi dibuka semula untuk aktiviti mendulang. Sementara itu, Kementerian ini juga difahamkan bahawa pihak Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri telah diarahkan membuat kajian

untuk melombong kawasan tersebut dan setakat ini pihak Malaysia Mining Corporation sedang menjalankan kajian awal.

#### SKIM PINJAMAN KHAS PERTANIAN

**14. Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang** minta Menteri Pertanian menyatakan bagaimana perkembangan Skim Pinjaman Khas Pertanian:

- (a) berapakah jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan oleh Bank Pertanian pada tahun 1988 sehingga Mei 1989 kepada NAFAS, PPN mengikut negeri-negeri dan PPK; dan
- (b) apakah Kementerian Pertanian tidak bercadang untuk melepaskan skim pinjaman yang sebelum ini diserahkan kepada LPP dan sekarang ditindik kepada Bank Pertanian. Kalau tidak bercadang kenapa dan sekiranya bercadang bila?

#### Timbalan Menteri Pertanian (Dato' S. Subramaniam):

- (a) jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan oleh Bank Pertanian Malaysia di bawah Program Skim Pinjaman Khas Pertanian (SPKP) kepada NAFAS, PPN dan PPK pada tahun 1988 sehingga Mei 1989 adalah seperti berikut—

Pertubuhan	Nilai (\$)
NAFAS	Tiada pinjaman yang dikeluarkan
Pertubuhan Peladang Negeri PPN:	
1. Selangor ..	54,000
2. Pahang ..	44,300
3. Perak ..	80,000
	<hr/> 378,300
Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK)	7,434,577
JUMLAH ..	<hr/> 7,812,877

(b) Skim Pinjaman Khas Pertanian diperkenalkan dalam tahun 1986. Skim ini adalah menggantikan beberapa skim subsidi dan skim kredit pertanian yang dahulunya dilaksanakan oleh Jabatan/Agensi di bawah Kementerian Pertanian. Skim ini diletakkan di bawah pengendalian BPM. Buat masa ini Kementerian Pertanian tidak bercadang menyerahkan urusan pengendalian program SPKP ini kepada LPP atas sebab-sebab berikut:

- (i) SPKP diletakkan di bawah Bank Pertanian Malaysia adalah bertujuan untuk memusatkan aktiviti pemberian pinjaman pertanian di bawah satu agensi. Dengan cara ini, ianya dapat mengelak cara pemrosesan pinjaman yang tidak seragam sekiranya pemberian pinjaman diserahkan kepada Jabatan/Agensi sendiri mengendalikannya. Di atas hakikat inilah maka Kementerian Kewangan dalam tahun 1985 telah memutuskan supaya kemudahan pinjaman ini dipusatkan di bawah pengurusan BPM mulai tahun 1986.
- (ii) Kementerian mendapati BPM mempunyai kemudahan dan kemampuan untuk menjayakan program ini. Pengalaman yang ada di kalangan pegawai dan kakitangan BPM dapat membantu petani-petani mengusahakan projek-projek yang berdayamaju, menyesuaikan bayaran balik pinjaman berdasarkan kemampuan projek dan juga mengawasi kemajuan pelaksanaan projek.

## KEMALANGAN JALAN RAYA

**15. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) memandangkan kemalangan jalan raya yang begitu tinggi sering berlaku di Malaysia ini tidakkah ada cara pihak Kerajaan mencari jalan agar kemalangan-kemalangan yang berlaku dapat dikurangkan; dan
- (b) baru-baru ini telah berlaku kemalangan di dalam terowong Lebuhraya KL-Karak. Tidakkah ada cadangan supaya satu terowong lagi dapat dibina bagi membolehkan terowong untuk satu laluan sahaja dan satu lagi untuk laluan yang lain yang mana tidak seperti hari ini satu terowong untuk dua laluan dan ini akan membanyakkan lagi kemalangan yang berlaku di dalam terowong tersebut sebagaimana yang telah berlaku baru-baru ini.

**Tuan Luhut Wan:**

- (a) Kementerian Kerja Raya sememangnya menyedari peningkatan kemalangan jalan raya, oleh itu langkah-langkah tertentu senantiasa diambil untuk mengelakkan atau mengurangkan dari berlakunya kemalangan di jalan-jalan raya di negara ini. Di antara langkah-langkah yang diambil ialah seperti meletakkan tanda-tanda jalan di bahagian yang merbahaya di jalan raya untuk mengingatkan para pemandu supaya senantiasa berawas dan juga meluruskan jalan-jalan selekoh yang dianggap merbahaya. Untuk makluman yang berhormat juga, Kementerian telah menyenaraikan selekoh-selekoh yang bahaya dan tindakan sedang diambil untuk memperbaikinya mengikut keu-

tamaan dan peruntukan yang diluluskan. Suka saya menarik perhatian Yang Berhormat, mengikut laporan Polis Diraja Malaysia, sebanyak 93% kemalangan di Semenanjung Malaysia adalah berpunca dari kecuaiian pemandu-pemandu. Oleh itu kemalangan jalan raya akan dapat dikurangkan dengan berkesan sekiranya pemandu-pemandu mematuhi Arahan Papan Tanda dan memandu dengan cermat dan penuh timbang rasa.

- (b) untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian memang ada rancangan bukan sahaja untuk membina satu lagi terowong seperti yang dianjurkan oleh Yang Berhormat, bahkan juga Kementerian berca-dang untuk melebarkan lebuh-raya berkenaan kepada lebuh-raya berkembar dua hala. Walau bagaimanapun, rancangan itu tidak dapat dijalankan sekarang oleh kerana peruntukan belum diperolehi.

#### **CUKAI JUALAN ATAS BAHAN BINAAN**

**16. Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pengena cukai jualan 5% ke atas beberapa bahan binaan telah menyebabkan kenaikan harga rumah-rumah dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow):** Memang benar pada amnya harga rumah-rumah telah meningkat sedikit akan tetapi kenaikan ini bukan semata-matanya disebabkan oleh pengenaan cukai jualan ke atas beberapa jenis bahan-bahan binaan.

Kenaikan harga ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti pertambahan dalam permintaan barang-barang seperti besi keluli, konkrit "readymix" kayu dan barang-barang yang diimport. Pengenaan cukai jualan 5% adalah ke atas barang-barang seperti lantai "parquet", berbagai jenis ubin atap dan ubin dinding, kelengkapan tandas seperti tempat duduk tandas dan penutupnya, pintu tingkap dan rangka yang diperbuat daripada aluminium yang hanya digunakan untuk rumah-rumah kos tinggi. Oleh kerana barang-barang yang digunakan di dalam pembinaan rumah kos rendah tidak dikenakan cukai jualan, pengenaan cukai jualan 5% tidak menjejaskan harga rumah kos rendah.

#### **MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL DI KUALA LUMPUR— PERBELANJAAN**

**17. Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Luar Negeri menyatakan berapakah kos untuk mengadakan Persidangan Komanwel di Kuala Lumpur dan tujuan menjadi Tuan Rumah seNegara mengalami kesusahan kewangan, masalah hak kebebasan kemanusiaan tahanan tanpa bicara di bawah ISA dan kebebasan terhad bagi tahanan operasi Lalang.

**Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Jumlah perbelanjaan untuk mengadakan Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel belum dapat dipastikan lagi kerana terdapat lagi perkara-perkara yang masih belum diambil kira dan dibelanjakan. Walau bagaimanapun Y.A.B. Perdana Menteri telah mengarah supaya perbelanjaan untuk mengadakan mesyuarat ini adalah sederhana sahaja dan tidak keterlaluan, iaitu dalam lengkongan \$36 juta ringgit.

Tujuan utama mengadakan mesyuarat ini ialah untuk menonjolkan negara Malaysia di kalangan antarabangsa dan secara tidak langsung mendapat dividen dari segi politik dan ekonomi.

Pertamanya dengan mengadakan mesyuarat ini akan menunjukkan kepada dunia luar bahawa Malaysia adalah negara yang stabil dan aman sehinggakan mesyuarat yang sebesar dan penting ini dapat diadakan dengan selamat di negeri ini.

Keduanya mesyuarat ini akan memberikan publisiti meluas kepada negara dan ini akan menarik lebih banyak kemasukan pelancong-pelancong ke Malaysia selaras dengan tujuan "Tahun Melawat Malaysia" pada tahun 1990.

Ketiganya dengan publisiti yang meluas juga diharapkan dapat menambah pelaburan asing dan perdagangan luar Malaysia selaras dengan dasar-dasar Kerajaan masa-masa ini.

Keempatnya, dengan kemudahan-kemudahan kita yang bermutu tinggi, seperti Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) serta hotel-hotel kita yang bertaraf antarabangsa akan menjadikan Kuala Lumpur sebagai Pusat Konvensyen Antarabangsa (International Convention Centre).

Dengan itu adalah wajar sekiranya kita berbelanja sedikit untuk mendapat keuntungan yang besar hasil dari mesyuarat ini.

Masalah hak kebebasan kemanusiaan tidak timbul memandangkan Malaysia mengamalkan dasar-dasar yang demokratik dan liberal seperti pilihanraya yang terbuka dan kebebasan yang penuh untuk bertindak.

Tahanan tanpa bicara di bawah ISA ialah untuk menjamin keselamatan negara dari anasir-anasir yang ingin merosakkan kestabilan, keamanan serta nama baik dan imej negara.

Kebebasan terhad di bawah tahanan Operasi Lalang juga tidak berkaitan lagi memandangkan semua tahanan tersebut telah dibebaskan dengan sepenuhnya tanpa syarat.

### LAPISAN OZONE OLEH CHLORO-FLUOROCARBON

**18. Tuan Hu Sepang** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan kedudukan Kerajaan mengenai tuduhan saintifik bahawa alat-alat hawa dingin dan kan-kan aerosol yang menggunakan CFC (Chloro-Fluorocarbon) mencairkan lapisan ozone udara serta membahayakan nyawa di dunia dengan membenarkan pancutan "ultra-violet rays" yang merbahaya dari matahari kerana Malaysia adalah pengeluar kedua terbesar alat-alat hawa dingin di dunia dan bagaimanakah dakwaan ini akan menjejaskan pengeksportan produk kita ini.

**Dato' Kok Wee Kiat:** Masalah hakisan lapisan ozone yang disebabkan oleh Chloro-Fluorocarbon (CFC) adalah masalah sejagat yang tidak sahaja melibatkan Malaysia. Isu ini sebenarnya telah mula dibincangkan di peringkat antarabangsa semenjak tahun tujuh puluhan lagi. Sebagai satu usaha bagi mengatasi masalah ini, satu konvensyen mengenai perlindungan lapisan ozone telah digubal pada tahun 1985, dengan izin (Vienna Convention for The Protection of Ozone Layer) dan pelaksanaan konvensyen ini adalah melalui satu protokol yang digelar dengan izin "Montreal Protocol on Substances That Deplete the Ozone Layer".

Kerajaan telah bersetuju supaya Malaysia menandatangani Protokol Montreal ini. Tujuan kita menandatangani Protokol ini antara lain adalah untuk menjamin bahawa eksport keluaran-keluaran yang menggunakan CFC seperti alat-alat

hawa dingin tidak dikenakan sekatan oleh negara-negara yang menjadi ahli kepada Protokol tersebut. Di antara negara-negara ahli Protokol tersebut yang mengimport keluaran-keluaran tempatan yang menggunakan CFC ialah negara-negara EEC, Jepun dan Amerika Syarikat.

Memandangkan bahawa Malaysia akan menjadi ahli kepada Protokol Montreal, maka pengeksportan keluaran-keluaran yang terlibat dengan CFC tidaklah terjejas sebagaimana yang diperuntukkan oleh Protokol tersebut.

#### BERITA BAHASA IBAN

**20. Tuan Jawah anak Gerang** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) sama ada Berita Bahasa Iban dapat disiarkan melalui Televisyen Malaysia; dan
- (b) sebab-sebab mengapa TV Malaysia tidak menyiarkan harga-harga barang utama seperti getah, koko dan lada hitam.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jeffrey):**

- (a) Kementerian Penerangan tidaklah dapat menyiarkan berita dalam bahasa suku kaum-kaum tertentu melainkan Bahasa Kebangsaan, Inggeris, Cina dan Tamil. Jika ia dilakukan sudah tentu suku kaum lain juga akan meminta layanan yang sama dan Malaysia akan kehilangan identiti sebagai saluran TV nasional. Matlamat integrasi nasional akan terjejas. Cukuplah jika Radio Malaysia Sarawak siaran tempatan saja yang menyiarkan juga berita peringkat nasional dan laporan Parlimen yang diterjemah ke Bahasa Iban sebagai bahasa perhubungan di peringkat tempatan. Isu-isu semasa baik di peringkat negeri mahupun negara digunakan juga

dalam rancangan-rancangan lain dalam Bahasa Iban. Itu sajalah yang telah dilakukan pada masa ini.

- (b) TV Malaysia hanya menyiarkan harga saham dan pasaran hadapan komoditi yang dikeluarkan oleh Bursa Saham dan pasaran hadapan komoditi. Untuk menampung keperluan para petani dan pekebun kecil di Sarawak; Radio Malaysia Sarawak sentiasa menyiarkan harga barang utama seperti getah, kelapa kering, koko dan lada hitam yang dikeluarkan oleh FAMA dan Lembaga Pemasaran Lada Sarawak.

#### MAS—HAK TRAFIK BARU TAMBAHAN

**22. Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh MAS untuk menghadapi permintaan tempat duduk untuk penerbangan di rantau Pacific Basin yang sedang meningkat pesat pada masa ini dan terus akan berganda di dalam tahun 1990an. Berapa banyakkah landing rights yang sedang diusahakan oleh MAS di rantau ini khususnya dan di seluruh dunia amnya.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail):** Usaha-usaha untuk mendapatkan hak-hak trafik baru dan tambahan merupakan satu tindakan berterusan yang diambil oleh pihak Kerajaan melalui rundingan-rundingan Perjanjian Udara.

Selaras dengan ini, bagi kawasan Pacific Basin, MAS sememangnya telah dan akan melaksanakan beberapa perkhidmatan baru dan tambahan bagi menampung permintaan yang dijangka akan meningkat.

Di antara perkhidmatan baru yang telah diadakan di kawasan Pacific Basin ialah penerbangan ke Fukuoka

di Jepun dan Guangzhou (Canton) di Republik Rakyat China pada Jun 1989, penerbangan ketiga ke Seoul juga pada Jun 1989 dan dua lagi penerbangan tambahan iaitu penerbangan keempat dan kelima ke Los Angeles pada akhir tahun 1989.

Selain dari itu MAS telah juga melancarkan perkhidmatan ke destinasi baru di Eropah, iaitu Zurich dan juga mengadakan penerbangan tambahan iaitu penerbangan ke enam ke London pada Jun 1989. MAS juga mempunyai rancangan untuk mengadakan perkhidmatan ke destinasi-destinasi baru seperti Istanbul, Brussels dan Kaherah. MAS juga mempunyai rancangan untuk mengadakan perkhidmatan ke destinasi-destinasi baru di Kanada dan New Zealand dan Kementerian Pengangkutan kini adalah di dalam usaha untuk mendapatkan hak-hak trafik berkaitan melalui rundingan-rundingan udara dengan negara-negara berkenaan.

#### BAS MINI YANG BEROPERASI

**24. Tuan Ong Tee Keat** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (i) bilangan lesen bas mini yang masih sah sekarang;
- (ii) sama ada Kementerian beliau bercadang menamatkan pembekuan lesen bas mini. Jika ya, berapa yang akan di keluarkan untuk menampung keperluan semasa. Jika tidak, apa sebabnya.

**Dato Napsiah binti Omar:**

- (i) Bilangan lesen bas mini yang masih sah dan beroperasi di Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan Shah Alam sekarang ialah 488.
- (ii) Kementerian saya telah menjalankan satu kajian mengenai bas mini di Kuala

Lumpur dan kawasan persekitarannya. Tujuan kajian ialah untuk mengkaji semula peranan dan status industri pengangkutan bas mini, membuat penilaian dari segi kecukupan, kecekapan, keberkesanan, daya maju dan untuk menentukan kedudukan keperluan perkhidmatan bas mini di Kuala Lumpur. Pakarunding untuk kajian telah pun mengemukakan laporannya kepada Kementerian. Sama ada Kementerian akan menamatkan pembekuan lesen bas mini adalah bergantung kepada penemuan kajian tersebut Kementerian saya sedang meneliti kajian tersebut dan adalah dijangka satu keputusan akan dibuat tidak berapa lama lagi.

#### HARGA KOKO DI PASARAN DUNIA

**25. Tuan Douglas Uggah Embas** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk menstabilkan (to stabilize) harga koko yang kian merosot.

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Harga koko adalah dipengaruhi oleh pasaran dunia yang sama pada masa ini ketidakseimbangan bekalan dan permintaan menyebabkan pertambahan stok koko dunia. Sementara harga koko yang rendah pada masa kini menggalakkan permintaan dan penggunaan koko serta keluarannya, namun tidak dapat dijangkakan bilakah ketidakseimbangan (structural imbalance) dalam penawaran akan dapat diatasi dan keadaan pasaran koko dunia pulih semula. Seperti Ahli Yang Berhormat maklum usaha-usaha untuk menstabilkan harga koko melalui mekanisme perjanjian Koko Antarabangsa juga menghadapi kegagalan.

2. Walaupun Kerajaan tidak boleh menstabilkan harga koko secara langsung tetapi Kerajaan menjalankan pelbagai program untuk mengurangkan kesan kelembapan harga ke atas penanam koko. Antara program berkenaan ialah meningkatkan mutu biji koko Malaysia melalui pelaksanaan skim mengged koko oleh FAMA iaitu Gred Piawai Koko Malaysia (SMC) yang bertujuan mengawal mutu biji koko yang dipasarkan di pasaran antarabangsa.

3. Kerajaan juga melalui FAMA dan Jabatan Pertanian menjalankan kegiatan pengembangan bagi menunjukkan petani-petani berhubung dengan amalan pengendalian dan pemprosesan biji koko yang betul bagi meningkatkan mutu keluaran. Dengan demikian mutu biji koko Malaysia akan dapat dipertingkatkan dan para pengeluar koko akan mendapat harga yang lebih baik.

4. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah menubuhkan Lembaga Koko Malaysia yang akan memperkukuhkan lagi penyelidikan dan pembangunan koko serta memperbaiki lagi amalan serta kawalan mutu, pemprosesan dan pemasaran supaya industri koko Malaysia bukan sahaja menjadi kos efisien, tetapi lebih mampu bersaing di pasaran antarabangsa. Dengan penubuhan Lembaga Koko Malaysia juga diharapkan usaha yang lebih giat akan ditumpukan bagi meningkatkan promosi pasaran terutama bagi meneroka pasaran baru seperti Jepun, Korea, Eropah Timur dan China di samping pasaran EEC dan Amerika Syarikat.

#### JAWATANKUASA KABINET MENGENAI PENYELEWENGAN— LAPORAN

26. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan apakah yang telah dicapai setakat ini oleh

Jawatankuasa Kabinet Mengenai Penyelewengan Dalam Pentadbiran Kerajaan dengan memberi butir-butir bilangan orang termasuk kakitangan Kerajaan, Menteri, bekas Menteri/ Timbalan Menteri, bekas-bekas Timbalan Menteri serta Menteri Besar atau bekas-bekas Menteri Besar yang telah disiasat sejauh ini oleh Jawatankuasa bagi tuduhan rasuah dan penyelewengan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman):** Sebagaimana yang telah dijelaskan pada Mesyuarat yang lalu, Jawatankuasa ini ditubuhkan aialah untuk mencari jalan bagi mengelakkan penyelewengan dalam pengurusan Kerajaan dan memastikan tindakan tatatertib diambil secara berkesan oleh pihak yang terlibat.

Jawatankuasa berkenaan telah menyampaikan laporan-laporan dan perakuan-perakuannya kepada Kabinet. Oleh kerana perakuan-perakuan tersebut adalah lebih berbentuk tindakan-tindakan pentadbiran, hanya Jabatan-jabatan dan pihak tertentu sahaja yang diberitahu supaya mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memperbaiki keadaan.

#### KEMPEN KEBERSIHAN

27. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan setakat manakah kejayaan yang telah dicapai dalam kempen kebersihan di kalangan Pihakberkuasa Tempatan-Pihakberkuasa Tempatan terutama sekali di ibu-ibu negeri seluruh negara. Sejauh manakah kesedaran sivik mengenai kebersihan kesejahteraan dan kemudahan awam serta peningkatan kesedaran itu pada keseluruhannya.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Lee Kim Sai):** Kempen kebersihan yang telah

dilancarkan di kalangan Pihakberkuasa Tempatan terutama di ibu-ibu negeri seluruh negara dalam beberapa tahun yang lalu telah dapat memperlihatkan hasilnya yang boleh dibanggakan. Tahap kebersihan secara keseluruhannya telah meningkat dan orang ramai telah mula sedar tentang tanggungjawab mereka untuk turut bekerjasama di dalam soal menjaga kebersihan ini.

Adalah sukar untuk diukur secara peratusan darjah kebersihan yang telah dapat dicapai, walau bagaimanapun, kita dapat lihat bahawa tahap kebersihan serta sikap yang telah ditunjuk oleh orang ramai sejak tahun-tahun kebelakangan ini adalah amat menggalakkan. Pihakberkuasa Tempatan, terutama Majlis-majlis Perbandaran telah mengambil daya usaha yang gigih untuk memastikan kawasan Majlis mereka adalah sentiasa bersih, walaupun mereka menghadapi masalah akibat daripada kekurangan kakitangan dan jua kewangan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga, sedang berusaha untuk memperhebatkan lagi usaha-usaha meningkatkan tahap kebersihan di seluruh negara dengan kerjasama daripada lain-lain Kementerian dan agensi kerajaan yang berkaitan untuk mengubah sikap dan menyedarkan rakyat supaya menjadikan soal penjagaan kebersihan sebagai satu amalan hidup seharian dan tanggungjawab bersama.

#### **PERUMAHAN YANG TERBENGKALAI**

**28. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan terdapat 243 projek perumahan terbengkalai yang melibatkan 51,711 buah rumah dan 23,566 pembeli dan difahamkan bahawa pihak Kementerian telah menyenaraihitamkan 24 pemaju dari jumlah 243 projek perumahan yang terbengkalai itu dan

berapakah jumlah pemaju yang terlibat dan apakah tindakan terhadap pemaju-pemaju yang terlibat.

**Tuan Lee Kim Sai:** Kementerian telah menyenaraihitamkan 24 syarikat pemaju perumahan yang melibatkan 93 orang pengarah sehingga kini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak kesemua 24 syarikat pemaju tersebut terdiri daripada pemaju yang mana projek mereka telah terbengkalai. Pemaju-pemaju dan syarikat berkenaan tidak akan dipertimbangkan untuk mendapat Lesen Pemaju di masa hadapan. Kementerian akan menyemak rekod untuk memastikan bahawa tiap-tiap permohonan tidak ada nama-nama pengarah yang telah disenaraihitamkan.

#### **BAYARAN TOL DI SARAWAK/ SABAH**

**29. Tuan Haji Bujang Bin Haji Ulis** Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) bilakah jalan pertama di Sarawak di letakkan Tol oleh Kerajaan dan apakah nama jalan yang dimaksudkan itu, kalau ada;
- (b) bagaimanakah cara-cara Pengutipan itu akan dilakukan sama ada sama dengan di Semenanjung Malaysia dari segi bayaran dan sebagainya;
- (c) adakah hasil kutipan itu nanti akan dibahagikan kepada kerajaan negeri tersebut dan kalau ada, berapa dari segi peratus; dan
- (d) bagaimanakah Kementerian Kerjaraya Persekutuan hendak menjaga dan mengawasi jalan-jalan Persekutuan di Sarawak dari segi "maintenance" dan sebagainya dan berapakah anggaran perbelanjaannya nanti tiap-tiap tahun.

**Tuan Luhah Wan:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan mengenai Tol di Sarawak dan Sabah sentiasa dibangkitkan di Dewan yang mulia ini. Pada masa kini pihak kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk mengemukakan Tol bagi jalan-jalan di Sabah dan Sarawak. Oleh itu soalan Yang Berhormat bagi A dan B tidak timbul.

Berkenaan dengan soalan (d) suka saya memberitahu pada masa ini Ibu Pejabat JKR Malaysia sedang menyelaras semua aktiviti-aktiviti penyelenggaraan jalan persekutuan di Negeri Sarawak. Pihak Jabatan Kerjaraya Sarawak bertindak sebagai agen pelaksana bagi semua kerja penyelenggaraan Jalan Persekutuan di Negeri Sarawak. Ibu Pejabat JKR Malaysia dengan kerjasama daripada Jabatan Kerjaraya Sarawak merancang dan meluluskan semua program aktiviti penyelenggaraan bagi Negeri tersebut. Peruntukan khas sebanyak \$25 juta diberi pada tiap-tiap tahun kepada Negeri Sarawak bagi menjayakan program aktiviti penyelenggaraan tersebut.

#### FELDA—PENEROKA JUAL HASIL LADANG

**30. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan mengapa pihak FELDA menghalang peneroka-peneroka FELDA dari menjualkan hasil mereka kepada pihak swasta.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Adam bin Kadir):** Setiap orang yang ingin menjadi peneroka FELDA terlebih dahulu mereka mesti menandatangani Surat Perjanjian Peneroka yang antara lain mensyaratkan peneroka mesti tinggal di dalam kawasan rancangan bersama keluarganya, menjalankan kerja-kerja

mengikut arahan, berkelakuan baik, menjelaskan bayaran kembali hutang FELDA dan menjual hasil ladang kepada FELDA.

Langkah mewajibkan peneroka menjual hasil ladang kepada FELDA serta menghalang penjualan kepada swasta adalah bertujuan:

- (i) peneroka mendapat pulangan yang maksima daripada harga yang tinggi;
- (ii) jaminan pembelian hasil secara keseluruhan walaupun keupayaan kilang tidak mencukupi;
- (iii) mengelakkan risiko daripada diperalatkan oleh orang tengah; dan
- (iv) menjamin bayaran kembali hutang-hutang FELDA daripada peneroka.

#### PETANI DI KAWASAN PASIR MAS—BANTUAN

**31. Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah program baru Kementerian Pertanian untuk membantu dan meningkat pendapatan petani-petani di kawasan Pasir Mas? Berapakah jumlah bilangan petani dan jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh Bank Pertanian kepada petani-petani Pasir Mas sepanjang tahun 1988 sehingga Mei, 1989 serta kegiatan KADA, LPP dan FAMA.

**Dato' S. Subramaniam:** Kementerian Pertanian buat masa ini belum mempunyai program-program baru untuk petani-petani di kawasan Pasir Mas. Kementerian mendapati usaha-usaha untuk meningkatkan pendapatan petani-petani di kawasan Pasir Mas dapat dijayakan menerusi program-program yang sedia ada. Untuk tujuan ini, kesemua Jabatan dan Agensi Pertanian yang beroperasi di kawasan tersebut dari semasa ke semasa telah menggiatkan usaha secara bersepadu bagi memastikan

kejayaan program-program yang sedia ada. Kemajuan pelaksanaan dan pembangunan projek-projek pertanian tersebut sentiasa dikaji dan diawasi oleh Jawatankuasa Penyelaras Perhubungan dan Perancangan Antara Agensi-agensi Pertanian Peringkat Daerah (JPPAAD) Pasir Mas yang mana Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh seorang pegawai kanan dari Kementerian Pertanian. Di bawah program yang sedia ada, Kementerian Pertanian sedang memberi perhatian kepada beberapa projek-projek yang baru untuk kawasan tersebut seperti projek pemeliharaan belut dan ikan keli, pemeliharaan lebah madu, tanaman melon wangi dan betik eksotika. Di samping itu, pihak FAMA sedang membuat kajian untuk mengadakan sebuah pasar tani bagi kawasan berkenaan bagi membolehkan petani-petani memasarkan hasil-hasil pertanian mereka dan seterusnya dapat menambahkan pendapatan mereka.

Bilangan petani dan jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh Bank Pertanian Malaysia kepada petani-petani Pasir Mas sepanjang 1988 sehingga Mei 1989 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Pinjaman</i>	<i>Bilangan Petani</i>
1988	\$4,811,000	1,510 orang
1989 (hingga Mei)	\$4,818,000	1,229 orang
Jumlah ..	\$9,629,000	2,739 orang

Berhubung dengan soalan yang Berhormat mengenai kegiatan KADA, LPP dan FAMA, berikut sukalah saya kemukakan secara ringkas:

(a) *Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)*

- (i) Membekalkan infrastruktur, terutamanya bekalan air untuk penanaman padi melalui pengairan Pasir Mas dan Pengairan Lemal.

(ii) Mengadakan kemudahan-kemudahan jalan, jambatan dan pengangkutan.

(iii) Mengendalikan perjalanan Pertubuhan-pertubuhan Peladang Kawasan Alor Mas, Kubang Bunut dan Kubang Sepat.

(iv) Mengadakan kemudahan-kemudahan lain berkaitan dengan penanaman padi seperti:

(a) Pusat Penyediaan benih di Tedong.

(b) Kemudahan kejenteraan ladang bagi membekalkan perkhidmatan kejenteraan kepada petani-petani di Pasir Mas dan Tumpat.

(b) *Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)*

(i) Membantu dan mengawasi perjalanan Pertubuhan Peladang di luar kawasan KADA untuk menjalankan projek-projek supaya dapat berdikari dan berdayamaju. Projek-projek yang dijalankan ialah:

(a) Projek Padi Berkelompok.

(b) Pemasaran padi secara bersepadu.

(c) Pemulihan tanah sawah terbiar.

(d) Menggalakkan ahli-ahli menyimpan.

(e) Mengadakan aktiviti-aktiviti sosial dan kebajikan untuk ahli-ahli.

(c) *Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)*

- (i) Merancang penubuhan pasar-pasar tani di Tendong dan Kampong Jias.
- (ii) Membaiki amalan pasaran melalui pendidikan pasaran.
- (iii) Membimbing petani-petani menerusi kempen pendidikan.
- (iv) Menambah maklumat-maklumat pasaran dari segi pengesanan maklumat, analisa harga, pemetaan pasaran, pengesanan bekalan dan kajian aliran barangan.
- (v) Urusniaga melibatkan belian dan jualan komoditi-komoditi.

**BEKALAN ELEKTRIK DI KG. BESAR, BUKIT MERTAJAM**

**32. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah pertolongan yang akan diberikan oleh pihak LLN untuk membekalkan letrik kepada 34 keluarga di Kg. Besar, Bukit Mertajam yang tidak dapat kebenaran tuan tanah untuk menanam tiang-tiang letrik memandangkan mereka terlibat adalah dari golongan pendapatan rendah dan sangat memerlukan kemudahan asas ini. (Sila rujuk kepada surat Ismail Lathifi b. Teh. Penolong Jurutera (Pembinaan) LLN Butterworth bertarikh 19-9-1987 dengan tuj. BUT.17/2/15(C)).

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga Telekom dan Pos (Tuan Ong Tin Kim):** Lembaga Letrik Negara (LLN) adalah agensi pelaksana bagi projek-projek Bekalan Elektrik Luar Bandar. Berhubung dengan bekalan elektrik kepada 34 keluarga di Kg. Besar, Berapit, LLN telah pun

mengemukakan anggaran kos projek yang berjumlah \$25,000 kepada Kerajaan untuk kelulusannya.

Walau bagaimanapun sekiranya terdapat masalah-masalah tanah untuk memberi bekalan elektrik ke kampung tersebut LLN akan mengambil tindakan sewajarnya seperti mendapatkan bantuan ahli politik tempatan atau pegawai daerah atau Ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung bagi menyelesaikan masalah tersebut.

**LAPANGAN TERBANG TAWAU—  
MEMANJANGKAN LANDASAN**

**33. Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah yang telah menyebabkan tayar kapal terbang Boeing pecah apabila mendarat di Lapangan Terbang Tawau pada 5 Mei 1989:

- (a) adakah rancangan untuk memanjangkan Lapangan Terbang tersebut; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil bagi memastikan perkara seperti di atas tidak berulang lagi.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Kejadian pecahnya tayar pesawat B737 di Lapangan Terbang Tawau pada 5 Mei 1989 adalah disebabkan oleh kerosakan alat kawalan penggerak kelajuan (wheel speed sensor). Kerosakan alat kawalan ini telah mengakibatkan brek roda sebelah kiri (left main wheel brake) melekat (brake Jammed) hingga menyebabkan tayar pecah.

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk memanjangkan landasan di Tawau. Landasan yang sedia ada berupaya menampung operasi B737. Ianya tidak dapat dipanjangkan

lagi kerana "geographical constraints" di tapak tersebut itu.

- (b) Kejadian di mana tayar pesawat pecah semasa mendarat di Lapangan Terbang Tawau pada 5 Mei 1989 adalah suatu kejadian terencil (isolated cases) yang tidak diduga. Pihak Penerbangan Malaysia (MAS) sentiasa mematuhi dan mengikut prosidur-prosidur penyenggaraan bagi mengelakkan berlakunya kejadian-kejadian yang tidak diingini. Rekabentuk serta juga keupayaan sistem roda sesebuah pesawat dibina dan diuji mengikut piawaian yang tertentu supaya pendaratan sesebuah pesawat dapat dijalankan dengan selamat.

#### **TORNADO—PEMBELIAN SENJATA**

**34. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) bagaimana Kerajaan boleh bersetuju membeli senjata "Tornado" dari Britain sedangkan Mirage adalah lebih terkenal di kalangan antara-bangsa;
- (b) sila turunkan syarat-syarat umum yang dipersetujui dengan Britain dalam kontrak pembelian senjata itu; dan
- (c) sila jelaskan faedah-faedah lain dari pertahanan yang diperolehi oleh Malaysia dari pembelian senjata itu.

**Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj):** Soalan ini telah pun dijawab pada 19-9-89 ketika menjawab soalan dari Ahli Y.B. Sandakan, saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi kepada jawapan tersebut.

#### **PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI**

**35. Tuan Haji Mohamad bin Yaacob** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah tindakan kepada pemaju-pemaju projek perumahan yang terbengkalai. Setakat ini berapakah projek yang terbengkalai. Dan berapa ramai pembeli-pembeli yang tidak dapat menduduki rumah yang dijalankan itu.

**Tuan Lee Kim Sai:** Sekiranya projek-projek yang terbengkalai disebabkan penyelewengan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan menyiasat perkara ini. Berdasarkan apa yang didapati, nama-nama syarikat dan nama-nama Ahli Lembaga Pengarah mungkin boleh disenaraihitamkan. Dalam hal ini, pemaju-pemaju dan syarikat-syarikat berkenaan tidak akan dipertimbangkan untuk mendapat Lesen Pemaju di masa hadapan.

Setakat ini jumlah projek perumahan yang terbengkalai adalah sebanyak 243 projek dan ini melibatkan 33,566 pembeli-pembeli.

#### **KESATUAN SEKERJA MAJIKAN/KESATUAN SEKERJA PEKERJA**

**36. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Buruh menyatakan:

- (i) berapa banyak majikan-majikan dan pekerja-pekerja yang telah didaftarkan sebagai kesatuan sekerja setakat pada 31-5-1989;
- (ii) sama ada majikan-majikan dilarang dari membentuk satu kesatuan sekerja dalam perusahaan yang sama;
- (iii) sama ada kakitangan-kakitangan dari kesatuan sekerja majikan dan pemimpin-pemimpin mereka menyertai Dewan Undangan Negeri, Parlimen dan Dewan Negara;

- (iv) sama ada penyertaan mereka akan menjejaskan kepentingan golongan pekerja negeri ini; dan
- (v) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk melindungi kepentingan golongan pekerja.

**Menteri Buruh (Dato' Lim Ah Lek):**

- (i) Bilangan Kesatuan Sekerja Majikan dan Kesatuan Pekerja yang didaftarkan sehingga 31 Mac 1989 adalah seperti berikut:

<i>Sektor</i>	<i>Bil. Kesatuan</i>
Kesatuan Sekerja Majikan	18
Kesatuan Sekerja Pekerja	403
Persekutuan Kesatuan Sekerja	3
Jumlah ..	424

- (ii) Majikan-majikan tidak dilarang dari membentuk satu kesatuan sekerja dalam perusahaan yang sama. Untuk makluman Yang Berhormat, Persatuan Pengeluar-pengeluar Pertanian Malaya (MAPA) Persatuan Majikan-majikan Perlombongan Malaya (MMEA) dan Persatuan Bank-bank Perdagangan Malaya (MCBA) adalah pertubuhan-pertubuhan majikan yang didaftarkan di bawah Akta Kesatuan Sekerja 1959.
- (iii) Kakitangan-kakitangan dari kesatuan sekerja mahupun dari kesatuan majikan atau pekerja-pekerjanya boleh menyertai Dewan Undangan Negeri, Parlimen dan Dewan Negara.
- (iv) Pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja adalah dipilih oleh pekerja-pekerja sesebuah kesatuan sekerja untuk mewakili mereka dalam semua perkara berkaitan dengan perhubungan perusahaan. Adalah tanggungjawab pemimpin yang

dipilih itu untuk berkhidmat dengan jujur memperjuangkan kepentingan ahli-ahli kesatuannya di mana perlu. Tetapi akhir-akhir ini ada terdapat pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja yang cuba memperalatkan kesatuan sekerjanya untuk kepentingan politik. Perbuatan ini adalah bercanggah dengan tujuan asal kewujudan kesatuan sekerja untuk memberi perlindungan kepada kaum pekerja.

- (v) Dengan hak dan kebebasan untuk memilih pemimpin mereka sendiri adalah ditegaskan bahawa kaum pekerja sendiri perlu mengawasi akan tingkah laku dan tindakan pemimpin-pemimpin mereka yang boleh menjejaskan kedudukan dan kepentingan kaum pekerja.

**PROTON JENIS MEWAH**

**37. Tuan S. S. Subramaniam** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah Proton akan mengemukakan suatu kereta yang lebih mewah yang boleh diperolehi oleh golongan berada. Bolehkah kereta jenis mewah seperti ini boleh mendapat pasaran di luar negeri dan jika boleh manakah negara-negara yang mungkin boleh menjadi pasaran untuk kereta tersebut. Adakah Kerajaan berhasrat untuk mengemukakan kereta tersebut kepada semua jabatan-jabatan Kerajaan dan kakitangan Kerajaan yang meliputi Menteri-menteri dan Timbalan Menteri.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Untuk makluman Yang Berhormat, PROTON belum ada cadangan untuk mengeluarkan kereta jenis mewah. Oleh yang demikian tiada kajian khas dijalankan mengenai pasaran kereta tersebut sama ada di dalam atau di luar negeri.

### LEBUHRAYA—KAWALAN RONDAAN

**38. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah tindakan dan kawalan-kawalan di Lebuhraya Raya yang telah, sedang dan akan diambil bagi mengelak kecurian-kecurian tanda-tanda jalan dan besi aluminium bercahaya (Luminous) yang telah dicuri dan dikopak di Lebuhraya-lebuhraya khasnya di Lebuhraya Ipoh Changkat Jering.

**Tuan Luhut Wan:** Pasokan Peronda Lebuhraya Lembaga Lebuhraya Malaysia dan Polis Peronda Lebuhraya telah ditugaskan mengawasi dan menangkap pencuri-pencuri yang tidak bertanggungjawab dan tindakan undang-undang diambil. Untuk Lebuhraya Ipoh—Changkat Jering, Polis Peronda yang berpangkalan di Butterworth telah dan akan sentiasa membuat rondaan di Lebuhraya berkenaan untuk mengatasi masalah kecurian sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Sehubungan dengan ini, pihak syarikat PLUS. Bhd. telah diminta memperbaiki dan mengganti segera peralatan-peralatan di Lebuhraya yang rosak atau hilang supaya para pengguna merasa sentiasa selamat semasa memandu di Lebuhraya. Pihak PLUS juga diminta mengadakan kempen menjaga harta-harta awam di sepanjang Lebuhraya.

1. Menggeredkan permukaan dan bahu jalan
2. Memotong rumput
3. Menampal lopak jalan
4. Pembersihan longkang dan perparitan
5. Pembersihan tanah runtuh
6. Membaharui permukaan jalan

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah perbelanjaan sehingga sekarang bagi kontrak tersebut ialah sejumlah lebih kurang \$7.2 juta.

### TAHANAN ISA YANG DIBEBASKAN

**39. Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan tahanan yang dibebaskan oleh Kerajaan yang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri di atas syor Lembaga Penasihat dalam 5 tahun yang lalu.

**Menteri Dalam Negeri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Bilangan tahanan yang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 yang dibebaskan oleh Kerajaan di atas syor Lembaga Penasihat dalam tempoh masa 5 tahun yang lalu iaitu dari bulan Mei 1984 hingga Mei 1989 adalah berjumlah 269 orang.

### DATUK SERI S. SAMY VELLU— SIASATAN PECAH AMANAH

**40. Tuan P. Patto** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apa jenis tindakan telah diambil oleh pihak Polis atas aduan polis oleh Encik R. Perumal (K/P No: 1414822) di Balai Polis Kampung Rapat, Ipoh, Perak pada 9hb Mac, 1989 mengenai penyelewengan dan pecah amanah yang dilakukan oleh Menteri Kerja Raya yang juga Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu, bersabit dengan penjualan tiket-tiket loteri Institut Kemajuan Pelajaran Maju (MIED) dalam tahun 1987 bernilai \$5,830,220.00 di mana beliau dikatakan belum lagi menyelesaikan bayaran sebanyak \$3,250,638.56 yang merupakan wang yang dikutip daripada rakyat dengan menjual tiket-tiket loteri tersebut; dan jika tindakan

belum diambil, apakah sebab-sebabnya; dan apakah sebabnya pihak polis masih belum mencatat sebarang keterangan daripada Encik R. Perumal yang membuat aduan tersebut.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pihak Polis telah membuka satu Kertas Siasatan berkaitan dengan laporan yang dibuat oleh Encik R. Perumal (K/P No: 1414822) pada 9 Mac 1989. Butir-butir Kertas Siasatan adalah seperti berikut:

No. Repot : (D5) IP 257/89

Balai : Dang Wangi (Repot 9928/89)

Seksyen : 409 Kanun Keseksaan

Ekoran daripada langkah ini, Encik R. Perumal akan dipanggil untuk dirakamkan percakapannya berkaitan dengan laporan yang dibuat.

#### KEMALANGAN KAPAL TERBANG DI LEBUHRAYA—SIASATAN

**41. Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah puncanya yang menyebabkan nahas kapal terbang yang berlaku di lebuhraya dekat Lapangan Terbang Antarabangsa Subang baru-baru ini; dan

- (a) usaha-usaha untuk mengelakkan tragedi seperti itu berulang lagi; dan
- (b) berapa pampasan dan bantuan telah dan akan diberi kepada keluarga-keluarga mangsa tersebut.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Sebuah Lembaga Penyiasat yang diketuai oleh Inspektor Kemalangan Penerbangan, Jabatan Penerbangan Awam telah pun ditubuhkan. Lembaga Penyiasat masih menjalankan siasatannya ke atas

kemalangan yang berlaku itu. Lapornya hanya akan diperolehi setelah Lembaga Penyiasat selesai menjalankan penyiasatannya itu nanti. Oleh yang demikian punca nahas tersebut hanya akan diketahui apabila laporan kemalangan itu diterima oleh Kementerian.

(a) Untuk maklumat Yang Berhormat laporan kemalangan yang akan disediakan kelak akan juga mengesyorkan langkah-langkah yang sesuai untuk mengelakkan kemalangan seperti yang berlaku. Kementerian Pengangkutan akan mengambil tindakan perlu ke atas langkah-langkah itu sebaik sahaja laporan itu diterima.

(b) Untuk maklumat Yang Berhormat juga perkara pampasan dan bantuan kepada keluarga-keluarga mangsa nahas tersebut masih lagi dalam penyiasatan dan kajian Kementerian yang berkenaan.

#### PENSYARAH YANG DIBELASAH OLEH POLIS

**42. Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan yang telah diambil terhadap laporan polis oleh seorang pensyarah, Encik Yi Wei Li dan Encik Wong Tee Lian di Balai Polis Ampang pada hujung bulan Mei 1989 bahawa mereka telah dibelasah oleh 10 orang anggota polis yang menyerbu masuk ke rumah mereka tanpa waran.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, laporan tersebut telah diklasifikasikan di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan (dengan sengaja menyebabkan cedera). Siasatan yang dijalankan oleh Polis hampir selesai. Sekiranya hasil

siasatan kelak menunjukkan bahawa anggota polis yang terlibat menyalahi undang-undang dan peraturan-peraturan yang ditetapkan maka tindakan yang sewajarnya akan diambil terhadap mereka.

### SENJATAPI DILAPORKAN HILANG

**43. Tuan Hu Sepang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah senjata api yang hilang oleh anggota-anggota pasukan keselamatan. Anggota-anggota Polis, Pegawai-pegawai Kastam dan lain-lain pegawai yang memiliki senjata api yang dikeluarkan oleh Kerajaan sejak tahun 1986 hingga Mei 1989, dan nyatakan berapa daripada senjata api ini yang didapati semula dan apakah tindakan yang diambil terhadap mereka yang hilang senjata api.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah senjata api anggota Pasukan Keselamatan yang dilaporkan hilang bagi tahun 1986 hingga bulan Mei 1989 ialah sebanyak 42 pucuk. Dari jumlah tersebut 10 pucuk telah dapat ditemui semula, dan usaha mencari yang lain masih lagi diteruskan.

Berikutan dari kejadian itu, seramai 7 orang anggota Pasukan Keselamatan telah dikenakan tindakan tatatertib, dan pada waktu ini 19 kes lagi masih dalam siasatan dan tindakan sewajarnya akan diambil berdasarkan kepada hasil siasatan tersebut.

Manakala 16 kes telah ditutup tanpa tindakan lanjut iaitu NFA (No Further Action)—dengan izin. Ini ialah kerana kehilangan tersebut tidak disengajakan seperti dicuri atau hilang semasa kemalangan di kawasan perairan dan sebagainya.

### ANGKATAN PERPADUAN UMMAH—PENDAFTARAN

**44. Tuan Ong Tee Keat** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) tarikh permohonan pendaftaran Angkatan Perpaduan Ummah dikemukakan; dan
- (ii) sama ada keahlian Angkatan yang diura-urakan itu terbuka kepada semua kaum.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:**

- (i) Permohonan untuk mendaftarkan Angkatan Perpaduan Ummah dikemukakan pada 7 Mac 1989; dan
- (ii) Keahlian pertubuhan itu mengikut undang-undang tuibuhnya yang dicadangkan adalah terbuka kepada Warganegara Malaysia daripada semua kaum.

### LAPANGAN TERBANG ANTARA- BANGSA SUBANG—MEMPER- TINGKATKAN

**45. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) memandangkan bahawa Lapangan Terbang Antarabangsa perlu dipertingkatkan dan dimodenkan supaya setanding dengan lapangan terbang antarabangsa yang lain, apakah langkah yang telah diambil dan memberi butir-butir projek-projek yang telah dijalankan atau hendak dijalankan, tarikh jangka siap dan amaun perbelanjaan terlibat;
- (b) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memodenkan dan mengemaskinkan Sistem Kawalan Trafik

Udara di Subang seperti menggantikan "Primary Radar System" yang ada sekarang dengan "Secondary Surveillance Radar" bagi memastikan kawalan pergerakan kapal-terbang-kapalterbang secara lebih cekap dan tepat.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:**

(a) Di antara langkah-langkah yang sedang diambil untuk mempertingkatkan Lapangan Terbang Antarabangsa Subang ialah:

— Projek pemanjangan landasan (runway) terbang dari 11,400 kepada 12,000 kaki adalah bagi menampung pendaratan pesawat jenis B747-400. Di samping pemanjangan landasan kerja-kerja bagi mempertingkatkan sistem landasan dan taxiway juga dijalankan. Kerja-kerja pemanjangan landasan ini yang telah bermula pada Julai 1988 dijangka siap pada Julai 1989.

— mempertingkatkan sistem "conveyorbelt" di Balai Tiba (Arrival Hall) antarabangsa yang dijangka akan siap pada bulan September 1989.

— Satu lagi projek yang akan dijalankan ialah pemasangan 2 buah aerobridges tambahan di Bangunan Terminal 1 Lapangan Terbang Antarabangsa Subang. Projek ini dijadual siap pada Mac 1990.

— kerja-kerja pembinaan Emporium Bebas Cukai telah siap pada bulan Jun 1989. Adalah dijangkakan bahawa Emporium Bebas

Cukai ini akan dibuka pada penghujung Ogos/awal September 1989.

— Selain dari itu Kementerian pada masa ini sedang juga mengkaji beberapa opsyen untuk mengatasi masalah kesesakan di Bangunan Terminal I yang berlaku pada waktu sibuk.

(b) Berkenaan dengan peningkatan sistem kawalan trafik udara, sukacita saya memaklumkan bahawa Kerajaan adalah dalam proses melaksanakan Pelan Induknya yang melibatkan pemasangan alat kelengkapan radar baru dan alat-alat penerbangan dan pandu arah bagi keperluan penerbangan awam di seluruh negara. Ini termasuk pembinaan kompleks Pusat Kawalan Trafik Udara yang baru bagi Lapangan Terbang Antarabangsa Subang Kuala Lumpur, alat "Secondary Surveillance Radar—SSR" untuk lapangan-lapangan terbang utama. Projek ini dijangka siap pada penghujung 1991/awal 1992.

**PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DI SEKOLAH-SEKOLAH**

**46. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa** minta Menteri Pendidikan menyatakan iaitu memandangkan bahawa penerapan nilai-nilai Islam telah pun diutamakan ke sekolah-sekolah, tetapi malangnya guru-guru bagi mata pelajaran Ugama di Kelantan Khas masih lebih jauh daripada mencukupi, malah boleh dikatakan ada sekolah-sekolah yang tidak mempunyai guru Ugama:

(a) bilakah pihak Kementerian akan mengisi kekosongan guru-guru Ugama di Sekolah bagi memenuhi keperluan kanak-kanak dan sekolah; dan

- (b) apakah langkah bagi mempercepat proses pengambilan guru-guru ini.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa menyedari tentang berlakunya kekurangan guru-guru bagi mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah rendah di Malaysia khususnya di negeri Kelantan;

- (a) Bagi mengatasi masalah ini, arahan telah diberikan kepada Pengarah Pendidikan Negeri Kelantan bagi mengisi jawatan-jawatan guru agama dengan guru-guru sandaran, sehinggalah guru-guru terlatih dapat dihantar bagi memenuhi kekurangan ini di sekolah-sekolah rendah.
- (b) Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan rancangan untuk memberi kursus perguruan kepada lebih ramai calon guru agama di maktab-maktab yang ada supaya memenuhi keperluan dan kekosongan yang ada.

Jabatan Pendidikan Negeri telah diarahkan supaya guru-guru sementara yang berkecukupan dapat diambil untuk berkhidmat di sekolah berkenaan.

#### **KBSR—PELAKSANAAN**

**47. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa** minta Menteri Pendidikan menyatakan pihak Kementerian Pendidikan telah melaksanakan KBSR pada tahun 1984 dengan matlamat pencapaian kecerdasan kanak-kanak sekolah akan lebih berjaya. Tetapi sesudah penilaian UPSR diadakan didapati pencapaian itu tidak memuaskan. Ini adakah

kerana ramai murid dalam satu-satu darjah dan melebihi angka yang ditetapkan:

- (a) adakah pihak Kementerian akan mengkaji semula sistem KBSR ini ataupun pihak Kementerian akan mengurangkan bilangan murid dari 50 orang ke angka yang ditetapkan iaitu 35 orang sedarjah;
- (b) adakah guru-guru KBSR ini diberi latihan secukupnya dalam bidang tersebut; dan
- (c) apakah langkah dan tindakan Kementerian bagi memastikan pencapaian matlamat yang dijangka itu tercapai.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Pihak Kementerian sedang dan akan menjalankan penilaian ke atas pelaksanaan KBSR secara bertulis, di setiap peringkat. Langkah-langkah akan diambil untuk membaiki sistem tersebut sekiranya perlu. Untuk makluman, Kementerian ini tidak menetapkan bilangan murid seramai 35 orang bagi satu kelas dalam sistem KBSR.
- (b) Guru-guru KBSR sudahpun diberi latihan yang secukupnya.
- (c) Berbagai langkah dan tindakan telah diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk memastikan matlamat KBSR tercapai. Di antara langkah-langkah tersebut adalah:
- (i) Pusat Perkembangan Kurikulum telah melatih kakitangan Penting (KP) di peringkat pusat.
- (ii) Kakitangan Penting (KP) tersebut bertugas mengendalikan kursus-kursus KBSR di peringkat

negeri, bahagian dan daerah dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri, Jabatan Pendidikan Bahagian Daerah.

- (iii) Guru Besar/Pentadbiran sekolah juga telah diberikan kursus tentang KBSR sama ada di peringkat pusat, negeri dan bahagian/daerah.
- (iv) Bimbingan dan pengurusan telah diberi kepada pegawai-pegawai daripada bahagian-bahagian Kementerian, Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan, Jabatan Pendidikan Negeri dan daerah.
- (v) Jawatankuasa-jawatankuasa telah ditubuhkan di setiap negeri dan daerah, dan langkah-langkah telah diambil untuk memastikan kejayaan KBSR.

#### SEKOLAH AGAMA—KEKURANGAN AGAMA

**48. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Pendidikan adakah Kementerian sedar tentang kesulitan besar yang sedang dihadapi oleh sekolah-sekolah Agama di negara ini iaitu dari segi:

- (a) terlalu kurangnya guru-guru agama; dan
- (b) terlalu daifnya kemudahan di sekolah-sekolah agama dan sudahkah Kerajaan mengenalpasti masalah dan cara mengatasinya.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya terdapat 3 jenis sekolah agama di Malaysia, iaitu sekolah agama di bawah Kementerian Pendidikan, sekolah agama di bawah

pentadbiran Kerajaan Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri dan sekolah-sekolah Agama yang didirikan oleh rakyat, yang dinamakan Sekolah Agama Rakyat. Kedua-dua jenis sekolah Agama yang pertama dan kedua mempunyai kemudahan yang sama seperti sekolah Kerajaan yang lain serta dibekalkan dengan tenaga pengajar yang mencukupi. Bagi Sekolah Agama Rakyat yang dimasukkan ke dalam kategori yang ketiga itu menghadapi kekurangan tenaga pengajar serta kemudahan lain. Sebenarnya sekolah ini adalah didirikan oleh rakyat dan didaftarkan di bawah Jabatan Agama Islam Negeri-negeri. Ia terletak di luar bidang kuasa Kementerian Pendidikan. Walau bagaimanapun Kementerian telah memberi bantuan khas kepada sekolah-sekolah ini untuk meringankan masalah yang dihadapi terutamanya bantuan membayar gaji guru-guru. Kementerian Pendidikan bercadang untuk mendirikan lebih banyak Sekolah Menengah Kebangsaan Agama yang mempunyai segala kemudahan bagi memenuhi keperluan rakyat.

#### KAMPUNG BARU—PEMBANGUNAN

**49. Tuan Law Lai Heng** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) sebab-sebab urusan kemajuan Kampung-kampung Baru yang dahulunya di bawah kelolaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dipindahkan ke Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan kemudian dipindah balik ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan:
- (a) Samada pemindahan ini bererti kegagalan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk memelihara

kepentingan Kampung-kampung Baru dan juga samada peruntukan lebih banyak akan diberi kepada Kampung-kampung Baru;

- (c) Jumlah peruntukan untuk pembangunan Kampung-kampung Baru dalam tempoh Rancangan Malaysia Lelima dan apakah Kampung-kampung Baru yang akan mendapat faedah daripada peruntukan.

**Tuan Lee Kim Sai:**

- (a) dan (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perpindahan ataupun penyerahan semula sesuatu Jabatan Kerajaan daripada satu Kementerian ke Kementerian lain adalah merupakan satu pertukaran pentadbiran yang sentiasa diamalkan oleh Kerajaan bagi menyesuaikan dan memantapkan lagi peranan Jabatan itu bersesuaian dengan perkembangan terbaru. Oleh yang demikian, Persoalan Ahli Yang Berhormat berkenaan kegagalan pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar bagi memelihara kepentingan Kampung-kampung Baru tidak timbul.

- (c) Di bawah Rancangan Malaysia Kelima peruntukan terakhir sebanyak \$8 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan untuk pembangunan Kampung-kampung Baru. Peruntukan Pembangunan yang diperuntukkan oleh Kerajaan Pusat adalah pada lazimnya digunakan untuk pelaksanaan projek-projek kecil yang berbentuk infrastruktur dan kemudahan-kemudahan asas bagi Kampung-kampung Baru yang masih mundur. Perun-

tukan ini adalah sebagai peruntukan tambahan selain daripada rancangan-rancangan pembangunan yang dijalankan oleh Kementerian-kementerian serta agensi-agensi pelaksanaan Kerajaan yang lain seperti Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Jabatan Kerjaraya, Lembaga Letrik Negara, Jabatan Bekalan Air, Jabatan Parit dan Taliair dan Kerajaan-Kerajaan Negeri dalam memajukan Kampung-kampung Baru. Saya suka menegaskan di sini bahawa peruntukan adalah diluluskan berdasarkan kepada keperluan semasa dan setempat.

**TV DAN RADIO DIJADIKAN PERBADANAN**

**50. Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Menteri Penerangan menyatakan apakah benar Jabatan Penyiaran termasuk TV dan Radio (RTM) akan dijadikan taraf Perbadanan. Jika benar, bila dan apakah rasionalnya.

**Tuan Railey bin Jaffrey:** Kementerian Penerangan memang mempunyai cadangan untuk menukar status R.T.M. kepada sebuah Perbadanan. Tetapi cadangan tersebut adalah dalam kajian yang teliti sebelumnya dikemukakan kepada Kerajaan.

Tujuan utama membuat cadangan itu adalah supaya R.T.M. diserahkan kuasa-kuasa Kewangan dan kuasa Pengambilan untuk pengurusan yang lebih berkesan. Dengan bertindak sebagai sebuah Koperasi, diharapkan kecekapan dan produktiviti dapat ditingkatkan dengan membawa peningkatan hasil-hasil kepada Kerajaan, mengurangkan kos dan tenaga pekerja dan menggunakan segala sumber-sumber dengan lebih

efisien, ia juga akan membolehkan R.T.M. menggunakan teknologi moden setaraf dengan stesen-stesen pemancar televisyen swasta yang termoden di dunia.

### PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN

**51. Tuan chian Heng Kai** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah benar sama ada pendapatan bulanan isi keluarga sebanyak \$200 dianggap sebagai kriteria garisan kemiskinan dalam tahun 1988. Jika tidak benar, nyatakan angka yang sebenar; dan
- (b) kenapa Kerajaan enggan mengumumkan kriteria garisan kemiskinan bagi setiap tahun untuk pengetahuan umum.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):**

- (a) Tidak benar pendapatan garis kemiskinan (PGK) pada tahun 1988 ialah \$200 sebulan. Untuk

makluman Ahli Yang Berhormat, pendapatan garis kemiskinan pada tahun 1988 adalah sebanyak \$357 sebulan bagi sesebuah isirumah seramai 5.14 orang di Semenanjung Malaysia, \$530 bagi sesebuah isirumah seramai 5.36 di Sabah dan \$438 bagi sesebuah isirumah seramai 5.24 di Sarawak. Jumlah PGK ini ditentukan dengan mengambilkira bukan sahaja keperluan makanan tetapi juga keperluan-keperluan lain seperti pakaian dan alas kaki, sewa tempat kediaman, bahanapi dan tenaga, pengangkutan dan perhubungan, kesihatan, pelajaran dan rekreasi.

- (b) Asas pengiraan atau kriteria PGK ini sebenarnya telahpun diumumkan sejak Rancangan Malaysia Ketiga lagi. Ia terus dijelaskan dalam dokumen-dokumen kemudiannya. Apa yang tidak diumumkan ialah nilai PGK sahaja. Bagaimanapun, menerusi dokumen Kajian Separuh penggal rancangan Malaysia Kelima angka-angka ini telahpun dijelaskan.

#### Nota Tambahan

Nilai dan peratus pendapatan garis kemiskinan pada tahun 1988 mengikut komponen-komponen adalah seperti berikut:

	<i>Semenanjung Malaysia</i>		<i>Sabah</i>		<i>Sarawak</i>	
	\$	%	\$	%	\$	%
1. Perbelanjaan makanan	218.86	(61.0)	259.05	(48.8)	249.96	(57.1)
2. Pakaian dan alas kaki . .	31.85	(8.9)	36.37	(6.9)	32.07	(7.3)
3. Perbelanjaan-perbelanjaan lain:						
(a) Sewa, bahanapi dan kuasa . . . .	48.40	(13.5)	129.73	(24.5)	43.16	(9.9)
(b) Perkakas dan kelengkapan rumah	8.39	(2.3)	16.11	(3.0)	14.45	(3.3)

	<i>Semenanjung Malaysia</i>		<i>Sabah</i>		<i>Sarawak</i>	
	\$	%	\$	%	\$	%
(c) Perubatan dan perbelanjaan kesihatan	4.10	(1.1)	5.65	(1.0)	25.55	(5.8)
(d) Pengangkutan dan perhubungan ..	21.99	(6.1)	39.01	(7.1)	30.72	(7.0)
(e) Rekreasi, pendidikan dan perkhidmatan kebudayaan	8.05	(2.2)	19.32	(3.5)	21.59	(4.9)
4. Margin keselamatan (5%)	17.08		25.26		20.87	
Jumlah ..	358.72	(100.0)	530.50	(100.0)	438.10	(100.0)

#### PEGAWAI KEGIATAN SENI DAN BUDAYA

52. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) berapa ramaikah kakitangan Kementerian yang perjawatannya khusus tentang kegiatan seni dan budaya, dan apakah jenis khidmat yang mereka laksanakan;
- (b) di tahun-tahun lalu kakitangan yang beragama Islam yang terlibat di bahagian hiburan cuti dari kegiatan sepanjang bulan puasa; tetapi sedarkah Y.B. Menteri bahawa mereka dimestikan bertugas pada sebelah malam dalam bulan puasa yang lalu untuk melayan pelancong asing. Mengapa polisi ini berubah;

- (c) waktu mereka bertugas waktu biasa umat Islam menunaikan solat tarawih. Dapatkah dijelaskan bahawa amalan-amalan Islam dalam bulan puasa seolah-olah tidak termasuk dalam aspek kebudayaan di negara ini; dan
- (d) dapatkah Y.B. Menteri berjanji bahawa satu dasar akan digubal bagi memastikan kegiatan rasmi Kementerian tidak menghalang kakitangan Islam dari beramal dalam bulan puasa.

#### Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Raman bin Suliman):

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kakitangan Kementerian yang khusus tentang kegiatan seni dan budaya dan jenis khidmat mereka adalah seperti berikut:

<i>Kumpulan</i>	<i>Bilangan</i>	<i>Jenis Khidmat</i>
A	52	sebagai penyelidik, penyelaras, pengurus program-program kebudayaan
B	40	pembantu kepada pegawai-pegawai kumpulan A di atas di dalam menyelia program-program di atas dan ahli muzik

<i>Kumpulan</i>	<i>Bilangan</i>	<i>Jenis Khidmat</i>
C	48	kumpulan perkeranian, jurulatih senibudaya, pemuzik, juruteknik, jurutrengkas
D	73	penari, pembantu am rendah, jurutaip dan kakitangan sokongan yang lain seperti tukang jahit, pembantu pentas, juru pakaian dan penyelia alat
Jumlah ..	213	

(b) dan (c) Saya minta izin untuk menjawab soalan (b) dan (c) dalam satu jawapan. Dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa di tahun-tahun lalu kakitangan yang beragama Islam yang terlibat di bahagian hiburan cuti dari kegiatan sepanjang bulan puasa adalah tidak benar. Sebenarnya pada tahun-tahun yang lalu mereka tidak mengadakan persembahan pada sebelah malam kerana kurang permintaan tetapi mereka masih lagi menjalankan tugas dan menjalani latihan ringan serta mengadakan kajian di dalam aspek tarian di Kompleks Budaya Negara. Saya sedar bahawa dalam bulan puasa yang lalu mereka bertugas pada sebelah malam untuk memperkenalkan kesenian tradisi negara ini. Mereka mengadakan persembahan kesenian dalam masa yang singkat adanya permintaan dari pihak industri pelancongan.

Kementerian juga tidak mengabaikan amalan-amalan Islam dalam bulan puasa. Kementerian tidak memaksa tetapi menggalakkan kakitangannya menghormati dan membuat amalan dalam bulan puasa kerana amalan-amalan Islam bukan sahaja termasuk dalam aspek kebudayaan tetapi yang lebih utama ialah

amalan dalam pegangan agama. Perlu ditegaskan bahawa Kementerian tidak pernah menghalang kakitangan daripada beramal dalam bulan puasa dan Kementerian juga tidak mengabaikan tugas dan tanggungjawab terhadap pembangunan negara.

(d) Ingin saya tegaskan bahawa tidak perlu satu dasar digubal kerana sebagaimana yang saya katakan tadi bahawa Kementerian tidak pernah menghalang kakitangan Islam dari beramal dalam bulan puasa dan tidak pernah pula kegiatan rasmi Kementerian menghalang tujuan tersebut.

#### **PENJUAL MERCUN/BUNGA API—TINDAKAN**

**53. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan Kementerian ini kepada penjual mercun, bunga api dan membakar mercun buatan sediri yang merbahaya. Lebih-lebih lagi perkara ini dilakukan di bulan Ramadan dan seterusnya pada Hari Raya Idulfitri.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan yang boleh diambil kepada penjual mercun, bunga api dan membakar mercun

buatan sendiri yang merbahaya adalah di bawah peruntukan Ordinan Kesalahan-kesalahan Kecil 1955 dan Kaedah-kaedah Bahan Letupan (Cap 200). Tetapi ini adalah tertakluk kepada dasar Kerajaan sama ada kelonggaran pengharaman pembakaran mercun itu diberikan atau tidak pada sesuatu musim perayaan.

Sejak bulan Mei 1989 yang lalu iaitu pada Hari Raya Puasa, Kerajaan telah tidak memberikan kelonggaran pembakaran mercun (kecuali bunga api). Sebanyak 39 kes kesalahan telah dihadapkan ke Mahkamah, 34 kes telah selesai dan telah dikenakan hukuman denda tidak melebihi \$100.00, manakala 5 kes lagi masih menunggu keputusan mahkamah.

#### IKLAN RTM—HASIL KUTIPAN

**54. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Penerangan menyatakan jumlah amaun iklan yang diperolehi oleh TV 1 dan TV 2 bagi tempoh setiap tahun dari 1985 hingga 1988, dan menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang untuk menurunkan bayaran lesen TV demi kepentingan golongan berpendapatan rendah.

**Tuan Railey bin Jaffrey:** Hasil kutipan iklan yang diperolehi oleh RTM melalui Rangkaian Pertama dan Rangkaian Kedua dari tahun 1985 hingga 1988 adalah seperti berikut:

1985	—	\$71,232,000.00
1986	—	\$59,142,000.00
1987	—	\$56,089,000.00
1988	—	\$78,974,000.00

Kerajaan pada masa ini tidaklah bercadang untuk menaikkan atau menurunkan kadar bayaran lesen TV, walaupun baru-baru ini Kerajaan telah menghapuskan pengambilan lesen Radio. Adalah difikirkan kadar lesen TV yang dikenakan sekarang adalah munasabah sungguhpun kos penyediaan program-program TV dan harga

sewaan filem dan lain-lain kian meningkat. Ini adalah kerana Kerajaan berhasrat untuk memberikan program yang sebaik-baiknya untuk rakyat tanpa menambah bayaran lesen yang dikenakan terhadap mereka.

#### BANK NEGARA MENYELAMATKAN BANK/SYARIKAT KEWANGAN

**55. Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah perbelanjaan Bank Negara setakat ini menyelamatkan institusi-institusi Bank-bank dan Kewangan daripada kebangkrapan. Mengapakah Bank Negara menyelamatkan institusi-institusi sebegini dengan wang rakyat dan negara. Adakah cadangan Kementeriannya dan Bank Negara menyelamatkan pelanggan-pelanggan institusi-institusi Bank-bank dan Kewangan yang tidak mampu membayar hutang mereka. Adakah Bank-bank dan Institusi-institusi Kewangan juga diarahkan dengan rasmi membantu dan menyelamatkan pelanggan mereka yang alami kerugian besar.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Jumlah wang yang disumbangkan oleh Bank Negara untuk menyelamatkan Bank dan Syarikat Kewangan sehingga ini ialah sebanyak \$1,081 juta yang terdiri dari sumbangan ekuiti sebanyak \$671.7 juta untuk bank-bank dan \$8.0 juta untuk syarikat kewangan sementara \$401.3 juta dalam bentuk pinjaman.

Bank Negara sebagai pengawal dan pengawas institusi-institusi kewangan adalah bertanggungjawab untuk memastikan kestabilan kewangan dan mengukuhkan struktur kewangan negara. Dengan demikian, tugas menyelamatkan institusi-institusi kewangan yang bermasalah adalah merupakan salah satu tugas yang perlu dijalankan oleh Bank Negara bagi menghalang kesan-kesan negatif ke

atas sistem kewangan negara. Apabila institusi-institusi tersebut telah pulih, Bank Negara akan menjual kembali pelaburannya kepada pihak-pihak yang berminat dan seterusnya mendapat kembali jumlah wang yang dibelanjakan itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Bank Negara tidak boleh terlibat secara langsung untuk menyelamatkan pelanggan bank yang tidak mampu membayar hutang mereka. Bagaimanapun, Bank Negara sentiasa menasihatkan semua institusi-institusi kewangan supaya lebih bersimpati terhadap pelanggan-pelanggan mereka terutama mereka yang mempunyai projek-projek yang berdayamaju tetapi menghadapi masalah untuk membayar balik pinjaman akibat kemerosotan ekonomi negara.

Bank Negara Malaysia juga telah menggesa institusi-institusi kewangan supaya memberi perhatian yang serius ke arah memulihkan perniagaan pelanggan-pelanggan mereka dan jika perlu, menukarkan sebahagian daripada pinjaman mereka kepada ekuiti di dalam syarikat-syarikat pelanggan mereka.

#### **BIASISWA YANG DITAWARKAN**

**56. Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah biasiswa-biasiswa yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia kepada anak-anak pegawai-pegawai kanan Kementeriannya yang berpangkat Pengarah Pendidikan Negeri, yang berpangkat Superscale D, C, B dan A dan berpangkat penolong Setiausaha, Timbalan Setiausaha dan Ketua Setiausaha Kementeriannya, dan Setiausaha Parlimen, Timbalan Menteri dan Menteri Pendidikan pada tahun 1985, 1986, 1987 dan 1988 kepada Negara Great Britain. Apakah peratusan nilainya biasiswa-biasiswa sebegini daripada jumlah semua barisan-barisan Kerajaan Persekutuan

kepada negara Great Britain pada tiap-tiap tahun. Apakah kriteria-kriteria pilihan untuk golongan ini.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tawaran biasiswa oleh Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan tidak menyimpan rekod termasuk lain-lain Kementerian mengenai bilangan biasiswa yang telah ditawarkan kepada anak-anak pegawai kanan Kementerian Pendidikan dari tahun 1985 hingga tahun 1988.

Tidak ada perbezaan kriteria dalam memberikan tawaran biasiswa oleh Kementerian Pendidikan kepada semua calon yang memohon dan ianya dilaksanakan tanpa mengira latar belakang keluarga mereka.

#### **LEBUHRAYA AIR KEROH-PAGOH—PENGUNAAN SIMEN**

**57. Tuan Haji Mohd Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Kerjaraya menyatakan bahawa separuh jalan dari Air Keroh-Tangkap dibina dengan simen dan kurang sesuai, kenapakah perkara ini berlaku dan adakah percubaan itu akan diteruskan atau diberhentikan.

**Tuan Luhut Wan:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jarak Lebuhraya Air Keroh-Pagoh adalah sepanjang lebih kurang 56 km, yang mana sepanjang 20 km dibina dengan menggunakan simen konkrit. Teknik pembinaan jalan simen yang digunakan dengan izin "Continuous Reinforce Concrete Pavement" (CRCP). Bahagian lebuhraya yang dibina dengan konkrit simen ini memang telah dirancang terlebih dahulu dan ianya memang sesuai dibina di bahagian tersebut.

Di Dalam konsesi perjalanan penswastaaan Lebuhraya Utara-Selatan, kerajaan telah mensyaratkan supaya 30% lebuhraya berkenaan dibina menggunakan konkrit simen

yang mana cara ini telah pun digunakan secara meluas di negara-negara Eropah. Langkah ini juga dapat menggalakkan penggunaan bahan-bahan tempatan khususnya simen dan batu-batan. Oleh itu beberapa bahagian lebuhraya akan terus dibina dengan menggunakan simen berdasarkan perjanjian konsesi yang telah ditandatangani. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara kebaikan jalan simen berbanding dengan jalan bitumen ialah, kos penyelenggaraannya adalah kurang, mempunyai jangka hayat yang panjang, memberi daya tahan gelinciran yang baik dan pandangan yang baik di waktu malam. Ciri-ciri tersebut akan menjamin dan meningkatkan lagi keselamatan pemandu di lebuhraya berkenaan.

#### ASEAN DEFENCE COMMUNITY— CADANGAN

**58. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Pertahanan menyatakan cadangan untuk “ASEAN Defence Community” di mana ia akan bertentangan dengan konsep ASEAN sebagai satu pertubuhan bukan ekonomi.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Kementerian Pertahanan berpendapat pada ketika ini ASEAN tidak memerlukan pengwujudan sebarang Kumpulan Pertahanan (Defence Community). Kementerian ini juga berpendapat bahawa kerjasama pertahanan dua hala antara negara ASEAN sekarang adalah lebih baik dan praktikal. Ianya selaras dengan semangat kerjasama ASEAN dan pada masa yang sama tidak bertentangan dengan konsep pertubuhan itu.

#### MAKTAB PERGURUAN— KELAYAKAN MASUK

**59. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin** minta Menteri Pendidikan menyatakan kelulusan asas yang

diperlukan oleh pelatih-pelatih untuk memasuki Maktab Perguruan dan adakah peraturan baru yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian bahawa pelatih-pelatih yang mempunyai STPM sahaja diterima memasuki Maktab dilaksanakan tahun ini atau tahun hadapan.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan masih menggunakan Sijil SPM/MCE/SPVM sebagai kelayakan asas untuk masuk ke maktab-maktab perguruan. Walau bagaimanapun pegang Sijil Penuh STP/HSC/STPM akan diberi keutamaan jika mata pelajarannya bersesuaian dengan kursus yang dipohon dan syarat-syarat lain dipenuhi. Dengan ini bermakna bukan pemegang Sijil STPM sahaja akan diterima masuk ke maktab-maktab perguruan.

*(Soalan No. 60. Sila lihat jawapan No. 1 pada 20-6-89)*

#### RAPAT UMUM—KEBENARAN

**61. Tuan P. Patto** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan telah menerima dan menimbang satu cadangan daripada Suruhanjaya Pilihanraya bahawa rapat umum harus dibenarkan dalam pilihanraya umum ataupun pilihanraya kecil memandangkan ianya menjadi satu-satu unsur penting dalam proses demokrasi, jika ya, apakah keputusan Kerajaan atas cadangan itu, dengan memberi sebab-sebab kenapa keputusan itu dibuat.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Kementerian saya telah difahamkan bahawa Suruhanjaya tidak pernah mencadangkan supaya rapat-rapat umum dibenarkan dalam mana-mana pilihanraya umum atau pilihanraya kecil. Cuma pandangan yang diberikan oleh pihak Suruhanjaya Pilihanraya ialah kajian perlu dibuat terlebih dahulu dari aspek-aspek

keselamatan negara dengan teliti jika sekiranya rapat-rapat umum hendak diadakan semula. Memandangkan pihak Suruhanjaya Pilihanraya tidak pernah membuat cadangan-cadangan seumpama itu sepertimana dakwaan Ahli Yang Berhormat maka jawapan kepada pertanyaan mengenai keputusan sama ada Kerajaan hendak membenarkan rapat-rapat umum diadakan atau sebaliknya tidak timbul lagi.

#### TAHANAN ISA YANG DIANIAYA

**62. Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan keputusan siasatan ke atas surat-surat sumpah bekas tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Yechua Jamaluddin bin Othman, Encik Chow Chee Keong, Cik Patricia Lourdes Irene, dan Encik Rahman Hamzah (yang masih ditahan di bawah ISA) bahawa mereka telah dianiayai oleh anggota-anggota Cawangan Khas semasa disoal. Sila nyatakan tindakan yang diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab dan kalau tiada sila berikan sebab.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Hasil dari siasatan yang dijangka oleh pihak Polis berdasarkan affidavit yang dikemukakan oleh Yeshua Jamaluddin @ Jamaluddin Othman dan Chow Chee Keong menunjukkan bahawa tidak ada sebarang bukti bahawa kekerasan atau penyalahgunaan kuasa telah dilakukan ke atas mereka seperti yang didakwa.

Mengenai Patricia Lourdes Irene, setakat yang ada dalam rekod Polis, tidak ada laporan yang diterima dari beliau menyatakan beliau telah dianiayai oleh anggota-anggota Cawangan Khas semasa disoalsiasat. Dengan demikian, tidak ada sebarang penyiasatan dibuat.

Menyentuh affidavit Haji Abdul Rahman Hamzah beliau telah membuat satu laporan Polis di Balai

Polis Jalan Tun Razak pada 4 Mei 89. Siasatan Polis ke atas laporan ini sedang berjalan.

#### ORANG ASLI DALAM PASUKAN POLIS

**63. Dr Abdul Hadi bin Derani** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa ramai orang asli yang sedang berkhidmat dalam Polis Diraja Malaysia termasuk Pasukan Polis Hutan seperti Batalion Senoi Praaq dan adakah Kementerian memberi kemudahan-kemudahan istimewa kepada mereka selepas berhenti berkhidmat.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Untuk makluman ahli Yang Berhormat, jumlah orang asli yang sedang berkhidmat dalam Pasukan Polis Diraja Malaysia termasuk Pasukan Polis Hutan ialah seramai 1,334 orang. Mereka adalah berhak mendapat segala kemudahan sebagaimana yang diperolehi oleh anggota-anggota polis biasa apabila mereka berhenti berkhidmat.

#### KERAJAAN SEMENTARA MUJAHIDEEN DI AFGHANISTAN

**64. Dr V. David** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

(a) adakah sebarang unsur perbezaan pendapat di antara Kementerian Luar Negeri dengan Jemaah Menteri mengenai perkara pengiktirafan Mujahideen di Afghanistan;

(b) jemaah Menteri telah mengiktiraf kedudukan Mujahideen tetapi Kementerian Luar Negeri telah mengumumkan bahawa Kementerian akan menimbangkan perkara ini sebelum sebarang keputusan diambil; dan

(c) bolehkah Yang Berhormat Menteri Luar Negeri menerangkan perkara ini dengan terperinci.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:**

- (a) Sukacita saya memaklumkan kepada Dewan Yang mulia ini, bahawa tidak ada sebarang perbezaan pendapat di antara Kementerian Luar Negeri dan Jemaah Menteri berhubung dengan soal pengiktirafan kerajaan sementara Afghanistan Mujahideen tersebut.
- (b) Memandangkan bahawa soalan kedua dan ketiga oleh Yang Berhormat ini adalah berhubungkait secara langsung, saya sukacita mengambil kesempatan di sini untuk menjawab sekaligus kedua-dua soalan berkenaan. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Jemaah Menteri telah bersetuju mengiktiraf Kerajaan Sementara Afghanistan dalam sidang kabinet pada 12hb April 1989. Keputusan ini diambil setelah pertimbangan dibuat ke atas taklimat dari Menteri Luar Kerajaan sementara Afghanistan, Encik Gulbuddin Hekmatyar mengenai kedudukan kerajaan semmentaranya itu serta keadaan politik di Afghanistan semasa lawatan beliau ke Malaysia, pada 10-11 April 1989. Di samping itu, Jemaah Menteri telah juga menimbangkan dengan terperinci maklumbalas yang telah dikemukakan oleh Kementerian Luar Negeri mengenai kedudukan semasa di Afghanistan, dengan bantuan dan kerjasama dari perwakilan-perwakilan kita di luar negeri antara lain daripada Islamabad, Pakistan serta Perwakilan Tetap kita di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di New York. Langkah yang telah diambil ini adalah sesuai serta sejajar dengan kenyataan Menteri Luar Negeri pada 11 April 1989 yang antara lainnya menekankan

kajian yang mendalam perlu dibuat terlebih dahulu sebelum sebarang keputusan di ambil.

Pengiktirafan itu telah dibuat bagi membantu process penyelesaian secara damai terhadap masalah di Afghanistan.

**KELUARAN MINYAK MENTAH**

**65. Tuan Haji Abdul Rahman** minta Perdana Menteri menyatakan tentang kedudukan PETRONAS:

- (a) berapakah jumlah keluaran tong minyak sehari, sebulan dan setahun untuk tahun 1987 dan 1988 dan berapakah jangkaan untuk 1990;
- (b) berapakah nilai ringgit dari penjualannya dan berapakah "royalty" yang diberikan kepada negeri-negeri, di mana minyak digali/didapati. Dan berapakah pula untuk Kerajaan Persekutuan;
- (c) berapakah bilangan pekerja tempatan di bidang profesional. Dan bilakah jawatan-jawatan tersebut akan diisi dengan anak-anak tempatan yang ramai penganggur; dan
- (d) berapakah gaji Pengerusi PETRONAS dan Presiden PETRONAS sebulan.

**Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud:**

- (a) Jumlah keluaran minyak mentah pada tahun 1987, 1988 dan jangkaan bagi tahun 1990 adalah seperti berikut:

Tahun	Tong Sehari	Tong Sebulan	Tong Setahun
1987	478,000	14.5 juta	174 juta
1988	522,000	15.9 juta	191 juta
1990	570,000	17.3 juta	208 juta

- (b) Nilai jualan minyak mentah bagi tahun 1987 adalah sebanyak Rgt. 8,347 juta dan bagi tahun 1988 pula sebanyak Rgt. 7,984 juta.

Royalti yang diterima oleh Kerajaan-kerjaan negeri yang mengeluarkan minyak dan gas adalah sebanyak 5% daripada pengeluarannya dan 5% lagi diterima oleh Kerajaan Pusat. Jumlah royalti yang diterima mengikut negeri bagi tahun 1987 dan 1988 adalah seperti berikut:

**BAYARAN ROYALTI MINYAK  
DAN GAS (JUTA RINGGIT)**

Tahun	Sabah	Sarawak	Tereng- ganu	Kerajaan Pusat	Jumlah
1987	75	161	245	482	963
1988	69	150	247	466	932

- (c) Daripada sejumlah 1,245 kakitangan profesional yang bekerja di PETRONAS, seramai 1,193 orang (96%) adalah rakyat tempatan. Kebanyakan kakitangan-kakitangan asing yang diambil bekerja secara kontrak adalah penasihat/konsultan untuk melatih kakitangan tempatan. Pengambilan pakar-pakar asing ini perlu bagi memastikan PETRONAS memperoleh teknologi dan kepakaran-kepakaran terbaharu di dalam industri petroleum. Memandangkan pembaharuan dalam teknologi petroleum berlaku dengan cepat dan berterusan maka perlulah PETRONAS mengambil pakar-pakar asing tersebut daripada masa ke semasa.
- (d) Pada amnya, gaji yang diterima oleh pegawai-pegawai PETRONAS adalah mengikut kontrak yang dipersetujui di antara PETRONAS dan pegawai-pegawai berkenaan. Pada kebiasaannya, maklumat mengenai gaji yang diterima oleh pegawai-pegawai ini tidak

diumumkan kepada orang ramai kerana ianya dianggap sulit dan persendirian. Gaji Pengerusi dan Presiden PETRONAS adalah setanding dengan gaji yang dibayar oleh syarikat-syarikat lain yang setaraf.

**PENYAKIT AIDS**

**66. Tuan Samson Chin Chee Tsu** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) kemajuan dan kejayaan Jabatan Kesihatan sejak tahun 1986 di dalam menghalang merebaknya penyakit AIDS di negara ini; dan
- (b) jumlah kos yang telah dibelanjakan hingga ke hari ini di dalam pencegahan penyakit membunuh ini.

**Menteri Kesihatan (Tuan Ng Cheng Kiat):**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara kemajuan yang telah dicapai oleh Kementerian Kesihatan di dalam usaha mencegah merebaknya penyakit AIDS di negara ini ialah:
- (1) Perlaksanaan kempen memberi makluman dan pelajaran kesihatan yang secukupnya kepada orang ramai, kakitangan perubatan dan kesihatan, golongan berisiko tinggi dan juga pesakit AIDS. Sehingga Mac 1989 Kementerian Kesihatan telahpun mengeluarkan 135,000 poster, 582,000 risalah dan 250,000 buku kecil mengenai penyakit AIDS.
  - (2) Penubuhan 46 buah pusat saringan di seluruh negara untuk memastikan semua darah yang didermakan

ke Tabung-tabung Darah adalah bebas daripada antibodi terhadap kuman virus AIDS.

- (3) Penggunaan hanya hasil-hasil darah (blood products) yang telah dirawat dengan bahang panas (heat treated) sahaja. Pembelian ini pula dibuat melalui satu punca sahaja iaitu melalui Pembelian Pusat (Central Purchase).
- (4) Pengawasan melalui undang-undang di mana di bawah Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988, semua bentuk jangkitan virus AIDS perlu diberitahu kepada pihak yang berwajib. Selain daripada itu, Seksyen 12 Sub-Seksyen 2 Akta yang sama pula mempunyai peruntukan di mana adalah menjadi kesalahan sekiranya mereka yang dijangkit virus AIDS melakukan apa-apa perbuatan yang boleh merebak penyakit ini.
- (5) Penubuhan di peringkat Kementerian, sebuah Pasukan Pertugas AIDS dan Jawatankuasa Teknikal Jangkitkan HIV. Jawatankuasa Penyelaras Jangkitan HIV pula diwujudkan di peringkat negeri-negeri.
- (6) Merumus dan mengedarkan "Pelan Tindakan Pencegahan dan Kawalan Penyakit AIDS" untuk kegunaan kakitangan perubatan dan kesihatan seluruh negara.
- (7) Memberi rawatan perubatan termasuk kaunselling perubatan mengenai penyakit AIDS, cara-cara ia merebak dan cara-cara ia boleh dielakkan kepada semua yang dijangkiti virus AIDS. Penyiasatan susulan juga dijalankan untuk menentukan punca jangkitan serta "contact-contact" pesakit.
- (8) Menjalankan ujian darah untuk antibodi terhadap virus AIDS di kalangan mereka yang berisiko tinggi, seperti banduan, penagih dadah yang menggunakan suntikan dan pelacur.
- (9) Memberi latihan khusus mengenai penyakit AIDS kepada kakitangan perubatan dan kesihatan yang berkenaan.
- (10) Mengadakan kerjasama dan pertukaran maklumat serta pengalaman berkenaan penyakit AIDS terutama dengan negara-negara jiran dan juga pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Hasil usaha ini, Kementerian telah berjaya sejauh ini mengesan 8 kes AIDS di negara ini. Walau bagaimanapun, perangkaan ini adalah kecil jika dibandingkan dengan negara-negara barat, mahupun negara jiran.

- (b) Peruntukan kewangan adalah mencukupi untuk usaha-usaha mencegah dan mengawal penyakit AIDS. Bagaimanapun, Kementerian tidak mempunyai angka yang tepat berapa banyak telah dibelanjakan khas untuk

mencegah dan mengawal penyakit AIDS. Ini adalah disebabkan pencegahan dan pengawalan penyakit ini adalah dijalankan sebagai satu "integrated program" di mana semua peruntukan kewangan dan kakitangan adalah disatukan untuk kegunaan bersama bagi mengawal dan mencegah penyakit-penyakit berjangkit yang lain. Di peringkat ini, peraturan ini adalah difikir memadai.

#### **ANGKATAN TENTERA— MAKANAN YANG DIBEKALKAN**

**67. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib** minta Menteri Pertahanan menyatakan berita yang mengatakan bahawa sebanyak 14 jenis makanan yang dibekalkan kepada Angkatan Tentera (ATM) dikenalpasti tidak mengikut peraturan kerana berkulat, kurang bermutu dan mengandungi tiruan:

- (a) apakah tindakan telah diambil kepada pemborong yang membekalkan bahan-bahan ini; dan
- (b) apakah usaha bagi mengatasi segala rupa bentuk penyelewengan ini tidak berulang lagi.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau yang dijadualkan pada 28 Jun 1989 kerana kesemua pertanyaan ini mengenai perkara yang sama.

Semua jenis makanan yang dibekalkan kepada anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia, sama ada mentah basah atau kering dan makanan ransum mempunyai spesifikasi tertentu dan dibekalkan

oleh kontraktor-kontraktor yang mengikat kontrak dengan Kerajaan. Dakwaan yang mengatakan bahawa anggota-anggota ATM telah dibekalkan dengan makanan yang berkulat, kurang bermutu dan mengandungi bahan tiruan adalah tidak benar. Ini adalah kerana kesemua 14 jenis makanan yang dimaksudkan itu terlebih dahulu dihantar ke Jabatan Kimia untuk ujian mutu sebelum bahan-bahan tersebut digunakan oleh Angkatan Tentera. Hanya makanan yang lulus ujian tersebut sahaja akan dibekalkan kepada Angkatan Tentera. Kerajaan akan menolak perbekalan makanan yang rendah mutu atau tidak menepati spesifikasi yang ditetapkan.

Oleh yang demikian tidak timbul soal tindakan terhadap pemborong-pemborong, kerana makanan yang tidak lulus ujian kimia dengan sendirinya akan ditolak dan pihak Kerajaan berhak membeli daripada punca-punca lain.

#### **MARA—MELUASKAN PROGRAM KEMAHIRAN**

**68. Tuan Haji Mohamed Sam Sailan** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada MARA bercadang untuk meluaskan sistem pendidikan kemahirannya kepada sekurang-kurangnya sebuah institusi bagi tiap-tiap daerah di seluruh negara. Kalau ya, nyatakan berapa banyak institusi yang telah didirikan, ramai belia yang terlibat dan jurusan-jurusan yang ditawarkan.

Adakah MARA bersetuju pe-nekanan kepada kemahiran dalam jurusan-jurusan tertentu lebih memberikan kesan dan perlu diutamakan untuk membantu belia-belia Bumiputera ke lapangan berdikari dan berniaga.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):**

- (a) MARA memang bercadang untuk memperluaskan program kemahirannya selaras dengan keperluan tenaga mahir di masa hadapan yang dijangka akan meningkat disebabkan dasar perindustrian negara.
- (b) Memang menjadi hasrat MARA untuk menubuhkan sebuah cawangan pusat latihan kemahiran (yang lebih dikenali dengan nama GIATMARA) bagi tiap-tiap daerah di seluruh negara. Tetapi pelaksanaan pengujudan pusat-pusat ini dijangka mengambil masa disebabkan beberapa faktor yang mempengaruhi pelaksanaan sesuatu projek seperti peruntukan kewangan, tenaga pengajar dan sebagainya.
- (c) Setakat bulan Mac, 1989 sebanyak 15 buah pusat GIATMARA telah beroperasi di seluruh negara. Jumlah pelatih sedia ada di pusat-pusat tersebut (Mac 1989) ialah 1,186 orang manakala yang telah tamat ialah 2,597 orang.
- (d) Jurusan yang ditawarkan di Pusat GIATMARA adalah seperti berikut:
- (i) Bangunan;
  - (ii) Elektrik;
  - (iii) Kerja-kerja logam;
  - (iv) Otomotif;
  - (v) Pertukaran Kayu/Pera-  
bot; dan
  - (vi) Elektronik.
- (e) Penekanan kepada latihan kemahiran dalam jurusan-jurusan tertentu yang akan lebih memberikan kesan dalam membantu belia-belia Bumiputera berdikari dan

memupuk semangat keusahawanan sehingga mereka boleh berniaga memang menjadi keutamaan dasar MARA. Sehubungan dengan itu kursus-kursus di pusat GIATMARA ini dijalankan hanya untuk tempoh 6 bulan. Disamping itu kursus-kursus yang sesuai dengan kegiatan ekonomi dan pembangunan di masyarakat persekitaran. Dengan demikian, belia-belia di daerah berkenaan dapat dilatih dan apabila tamat mereka akan dengan mudah menjalankan sesuatu usahaniaga di daerah mereka sendiri. Ini diharap akan mengurangkan penghijrahan belia-belia ke bandar-bandar.

**SIJIL KEMAHIRAN TENTERA—  
PENGIKTIRAFAN**

**69. Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Pertahanan menyatakan berapa jenis Sijil Kemahiran Tentera telah dan akan diakui oleh Kabinet yang setaraf dengan Sijil-sijil Kemahiran badan-bandar lain dan sektor swasta, dan:

- (a) mengapa Sijil Kemahiran Tentera itu mengambil masa begitu panjang untuk diakui tarafnya;
- (b) usaha-usaha untuk menjamin pemegang-pemegang sijil tersebut dapat diterima dengan baik selepas mereka bersara nanti.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Kerajaan telah pun memberi pengiktirafan melalui Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan kepada empat Sijil Teknisyen Tentera Laut Di Raja Malaysia sebagai setaraf dengan Sijil Kejuruteraan daripada Politeknik Ungku Omar bagi maksud perlantikan ke jawatan-jawatan yang bersesuaian dalam Perkhidmatan Awam. Sijil-sijil itu ialah Sijil Juruteknik Kejuruteraan

Tentera (Pembinaan Kapal), Sijil Juruteknik Kejuruteraan Jentera (Kuasa Gerak), Sijil Juruteknik Kejuruteraan Elektrik (Perhubungan dan Elektronik), dan Sijil Juruteknik Kejuruteraan Elektrik (Kuasa dan Persenjataan). Bagi anggota-anggota tentera laut yang mempunyai sijil-sijil berkenaan mereka adalah dianggap layak untuk perlantikan sebarang jawatan yang bersesuaian dengan kelayakan itu di dalam Perkhidmatan Awam apabila mereka tamat perkhidmatan daripada tentera laut.

Pada masa ini Kementerian Pertahanan sedang menyediakan satu Kertas Jemaah Menteri bagi mendapatkan pengiktirafan kepada 22 jenis ketukangan tentera daripada lima cawangan tentera iaitu Kor Jurutera Elektrik dan Jentera, Kor Jurutera. Kor Semboyan dan Kor Ordnans yang ada berkaitan dengan 27 piawai ketukangan kebangsaan yang ditetapkan oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan. Ketukangan-ketukangan itu adalah meliputi lapan bidang yang besar iaitu di bidang Automatif, Bangunan, Kerja Kayu, Elektrik dan Elektronik Mekanikal, Percetakan, Jahitan dan Pembuat Alas dan Lukisan Pelan. Kertas Jemaah Menteri yang berkenaan akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri tidak berapa lama lagi.

Kementerian Pertahanan mengambil masa yang agak panjang semasa membuat kajian bagi menentukan sejauh mana ketukangan tentera ada kesamaan dengan Ketukangan Kebangsaan memandangkan terhadap 167 jenis ketukangan daripada 21 Kor/Cawangan-cawangan Tentera Darat. Laut dan Udara untuk dibuat perbandingan dengan 53 jenis piawai Ketukangan Kebangsaan. Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian

Pertahanan telah menyelesaikan kajian itu dalam tempoh satu tahun mulai bulan Jun, 1988 yang lalu.

Saya mempunyai keyakinan bahawa pemegang Sijil Ketukangan Angkatan Tentera yang telah dan akan mendapat pengiktirafan Kerajaan akan diterima baik oleh pihak berkuasa awam dan juga pihak berkuasa swasta apabila bekas-bekas perajurit yang mempunyai sijil-sijil yang berkenaan memohon sebarang pekerjaan yang bersesuaian. Saya rasa Yang Berhormat juga bersetuju dengan saya bahawa penerimaan oleh pihak majikan sama ada Kerajaan ataupun swasta akan bergantung bukan sahaja kepada sijil-sijil yang ada pada mereka tetapi juga kecekapan, dedikasi, sikap positif, minat dan rajin yang dimiliki oleh masing-masing bekas perajurit. Saya berharap dengan usaha-usaha ini Kerajaan dapat membantu mereka mendapatkan pekerjaan yang sesuai selepas seseorang anggota tentera itu bersara.

## RANG UNDANG-UNDANG RANG UNDANG-UNDANG KESE- LAMATAN DALAM NEGERI (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.06 ptg.

**Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi yang terbuka, bersikap liberal dan di mana wujudnya kebebasan, maka sudah tentulah rakyat Malaysia bebas melahirkan pendapat, pandangan dan fikiran mereka. Ini adalah bukti bahawa

Malaysia mengamalkan demokrasi. Demokrasi memberi berbagai-bagai kebebasan kepada individu-individu dan golongan-golongan di negara ini dalam menjalankan kegiatan-kegiatan dan tugas-tugas mereka. Malangnya kebebasan ini kerap kali disalahgunakan oleh individu-individu dan pihak-pihak tertentu untuk kepentingan mereka. Mereka ini menggunakan kebebasan demokrasi untuk mengancam demokrasi itu sendiri. Dalam hal ini kita rakyat Malaysia yang mendukung demokrasi hendaklah sentiasa berjaga-jaga supaya demokrasi tidak diperalatkan untuk mengancam demokrasi itu sendiri dan kebaikan yang diharapkan daripadanya.

Memanglah sukar bagi kita menjamin bahawa keadaan negara sentiasa aman kerana terdapat berbagai bentuk ancaman secara berterusan. Atas dasar itu, maka Kerajaan sentiasa memberi keutamaan kepada kewajipan mengawasi dan memelihara keselamatan ketenteraman awam. Justeru itu Akta Keselamatan Dalam Negeri digubal dan dirangka dengan demikian rupa untuk meliputi bukan sahaja ancaman-ancaman sub-versif komunis tetapi juga apa-apa bentuk ancaman yang boleh mengganggu-gugat ketenteraman awam dan menimbulkan mudarat kepada keselamatan negara. Kerajaan tidaklah dapat berkompromi dengan mana-mana pihak sekalipun dalam soal melaksanakan kewajipan keselamatan negara kerana inilah yang akan menjadi asas sama ada negara terus maju dan membangun atau sebaliknya.

Kini kita mendapati tuduhan-tuduhan kononnya Kerajaan menyalahgunakan kuasanya di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Begitu juga sering kedengaran bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri tidak wajar wujud lagi dan sepatutnya dimansuhkan. Tuduhan-tuduhan dan kecaman-kecaman ini memang mudah

dibuat oleh mana-mana pihak yang tidak melaksanakan beban dan tanggungjawab untuk memelihara ketenteraman awam dan keselamatan negara yang menjadi kewajipan utama mana-mana Kerajaan. Tuntutan kewajipan ini lebih-lebih lagi dirasai di negara kita yang mempunyai latar belakang masyarakat berbilang kaum, agama, kebudayaan dan adat resam dan kita tidak dapat menyangkal bahawa bentuk masyarakat majmuk sedemikian sentiasa terdedah kepada berbagai bentuk ancaman terhadap kestabilan dan keselamatannya sama ada dari dalam ataupun dari luar. Kita dapat melihat sekarang ini beberapa negara berbilang kaum yang terjerumus dalam rusuhan kaum yang tidak dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membolehkan Kerajaan terus menjalankan tanggungjawab utamanya mengawal dan memelihara keselamatan dalam negeri bagi menjamin keamanan dan kesetabilan negara dengan lebih berkesan, Kerajaan mendapati adalah perlu untuk membuat beberapa pindaan kepada Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama pindaan-pindaan ini dicadangkan adalah untuk menentukan bahawa perintah tahanan yang dibuat oleh Menteri yang memutuskan bahawa seseorang itu mengancam keselamatan negara tidak dipersoalkan di mahkamah. Ini adalah kerana kebelakangan ini, keputusan Menteri mengeluarkan perintah tahanan telah kerap kali dicabar dan dipersoalkan di mahkamah. Sekiranya mahkamah dibiarkan menggantikan keputusan pihak Kerajaan dengan keputusan mahkamah, ini bermakna seolah-olah tanggungjawab bagi keselamatan negara tidak lagi terletak kepada Kerajaan tetapi sebaliknya telah dipertanggungjawabkan kepada mahkamah, yang sebenarnya bukanlah ahli dan pakar dalam bidang keselamatan.

Keputusan-keputusan dan aliran mahkamah di negara-negara asing yang memainkan peranan campurtangan atau, dengan izin, interventionist, menggantikan keputusan-keputusan Eksekutif dengan keputusan-keputusan mahkamah adalah tidak sesuai diikuti, kerana ia bertentangan dengan konsep perasingan kuasa atau, dengan izin, separation of powers antara Eksekutif dan Kehakiman yang menjadi pegangan kita di negara ini. Jika mahkamah boleh menukar atau, dengan izin, reverse keputusan Eksekutif, maka pihak Eksekutif tidak akan dapat membuat apa-apa keputusan kerana khuatir mahkamah akan menukarkan keputusan itu. Dengan itu, pihak Pemerintah tidak dapat bergerak kerana menunggu keputusan-keputusan mahkamah serta rayuan-rayuan kepada mahkamah yang lebih tinggi.

Selain daripada itu, sekiranya keputusan Menteri dipersoalkan oleh Hakim atau mahkamah, adalah sukar untuk pihak Kerajaan mempertahankan perintah tersebut kerana ada perkara-perkara yang rahsia yang bersangkutan dengan keselamatan negara yang tidak dapat didedahkan dalam mahkamah atas sebab-sebab kepentingan keselamatan negara dan juga berhubung dengan negara-negara lain.

Selama ini pihak Kerajaanlah yang bertanggungjawab terhadap perkara-perkara keselamatan negara dan ketenteraman awam. Penggunaan prinsip, dengan izin, subjective test telah membolehkan Kerajaan bertindak dengan berkesan terhadap mereka yang mengancam keselamatan dan kesetabilan negara. Adalah amat perlu kedudukan ini terus dijamin melalui undang-undang kerana pihak Kerajaanlah yang merupakan pihak berkuasa yang paling sesuai dan wajar

untuk menimbang dan meneliti maklumat-maklumat yang tertentu yang diperolehinya dan membuat keputusan tentang tindakan pencegahan demi keselamatan dan kesetabilan negara. Jika pengurusan Kerajaan mengenai keselamatan tidak memberi kebaikan kepada negara dan masyarakat atau merupakan penindasan kepada rakyat, maka Kerajaan itu dapat digantikan melalui proses-proses demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kedudukan yang telah saya huraikan tadi, cadangan pindaan ini dibuat semata-mata untuk menentukan dengan jelas akan peranan dan bidang kuasa Menteri Dalam Negeri dan peranan dan bidang kuasa seorang Hakim mahkamah. Dengan ini, perintah-perintah tahanan yang dibuat oleh Menteri tidak lagi boleh dipersoal atau dipertikaikan di mahkamah melainkan perkara-perkara yang menyentuh soal prosedur sekiranya peruntukan undang-undang tidak dipatuhi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan ini adalah dipercayai peruntukan-peruntukan berkenaan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri akan menjadi lebih jelas lagi serta tidak menimbulkan sebarang keraguan dalam penafsirannya. Dengan yang demikian, melalui pindaan yang dicadangkan ini Kerajaan akan dapat melaksanakan kewajipan utamanya memelihara dan mengawal keselamatan dalam negeri untuk terus menjamin bahawa keamanan dan kesetabilan negara berkekalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Lee Kim Sai):** Saya mohon menyokong usul itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Dalam

Negeri 1960 dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Tanjong.

4.16 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Tanjong):** Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia selepas Operasi Lalang, banyak telah diperkatakan oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan tentang mewujudkan satu Common Law kepunyaan Malaysia yang distinctive. Dengan adanya Rang Undang-undang Akta Keselamatan Dalam Negeri (Pindaan) 1989 di hadapan Dewan yang mulia ini, saya tidak dapat elak daripada bertanya sama ada bidalan atau maxim pertama Common Law di Malaysia yang Kerajaan mahukan ialah bahawa mahkamah-mahkamah Malaysia tidak seharusnya melindungi seseorang individu daripada penahanan yang tidak sah dari segi undang-undang atau tidak munasabah atau, dengan izin, unlawful and unjustifiable detention. (*Tepuk*)

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Ini adalah kali kedua pindaan dibuat kepada Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 semenjak Operasi Lalang dalam bulan Oktober, 1987 di mana Operasi tersebut telah menjadikan demokrasi dan hak-hak manusia satu igauan atau nightmare di Malaysia dan menempatkan Malaysia di kalangan negara-negara yang mencabuli dan memijak hak-hak manusia, rakyatnya.

Dalam tempoh 8 tahun, beliau memegang jawatan sebagai Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat kita tidak pernah menarik fokus dunia terhadap Malaysia seperti berlaku semasa Operasi Lalang. Selepas berlakunya. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, nanti sekejap, ada Ahli yang bangun.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai Petani):** Saya ingin penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat dari Tanjong, tidakkah Yang Berhormat sedar bahawa selepas peristiwa Operasi Lalang itu, maka kedudukan dan kehidupan rakyat di Malaysia merasa lebih aman?

**Tuan Lim Kit Siang:** Sabar, saya akan sampai kepada point itu. Tuan Yang di-Pertua, selepas berlakunya igauan (nightmare) ke atas demokrasi dan hak-hak manusia di Malaysia, Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen dari semua parti harus menimbang bagaimana demokrasi dan hak-hak manusia boleh dilindungi dan dipastikan dengan lebih baik. Sebaliknya, Parlimen kini diminta memberi Menteri Dalam Negeri dan pihak Polis kuasa-kuasa yang luas dan tidak terhad untuk memijak hak-hak manusia rakyat Malaysia. Inilah satu tragedi nasional.

Operasi Lalang merupakan satu sebab yang klasik mengapa Parlimen dan seluruh negara harus memeriksa kembali isu-isu penting seperti demokrasi, hak-hak manusia serta juga Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk memastikan hak-hak demokratik dan hak-hak manusia rakyat Malaysia tidak dicengkam atau dilemaskan oleh undang-undang yang represif dan "draconian" seperti ISA.

Keselamatan Malaysia pada akhirnya harus terletak dalam kebebasan, keharmonian dan perpaduan rakyatnya, tetapi apabila Akta Keselamatan Dalam Negeri digunakan untuk mencengkam dan

melemaskan desent dan pembangkang yang sah dan berpelembagaan, maka Akta Keselamatan Dalam Negeri sudah menjadi satu ancaman terhadap kesejahteraan rakyat dan negara.

Sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri suka bercakap bangga bahawa pentadbirannya telah bermula dengan rekod yang liberal mengenai ISA dengan pembebasan beramai-ramai orang-orang tahanan ISA, namun Operasi Lalang menandakan penggunaan baru ISA untuk menyenyapkan kritik-kritik dan orang-orang yang membantah Kerajaan baikpun dalam arena politik atau di luarnya yang dianggap sebagai melemahkan kuasa dan "power-base" golongan-golongan yang memerintah khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Tidak boleh dipertikaikan bahawa penangkapan besar-besaran yang dilakukan di bawah Operasi Lalang didorong bukan kerana pertimbangan-pertimbangan keselamatan negara. Seperti dikatakan oleh Tunku Abdul Rahman pada bulan November 1987, peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam bulan Oktober 1987 bukan soal, dengan izin, "Chinese against the Government but his (Yang Amat Berhormat Perdana Menteri) own party, UMNO, who are against him. (*Tepuk*)

Saya bercakap tentang peristiwa Operasi Lalang serta penahanan kami termasuk saya sendiri bukan kerana dikuasai oleh kebencian, kemarahan atau kedendaman, dengan izin, not because of rancour, hatred, atau anger, oleh kerana masa depan negara dan rakyat adalah terlalu penting untuk membenarkan diri kita dikuasai oleh perasaan benci, marah dan dendam tetapi kerana kita tidak harus memutarbelitkan peristiwa-peristiwa dan sejarah sekiranya kita ingin mencari satu penyelesaian yang patut dan wajar terhadap masalah-masalah yang menghadapi negara kita.

Saya telah mengakui seringkali bahawa terdapat ketegangan kaum di Malaysia, khususnya di Kuala Lumpur dalam bulan Oktober 1987. Saya juga mengakui bahawa selepas penangkapan di bawah Operasi Lalang, ketegangan kaum di negara telah reda.

Akan tetapi kedua-dua peristiwa ini tidak berkaitan langsung sekali dan untuk menjustifykan penangkapan-penangkapan di bawah Operasi Lalang atas alasan bahawa ianya telah mengurangkan ketegangan kaum di negara ini merupakan satu putarbelitan peristiwa-peristiwa dan sejarah, dengan izin, a distortion of history and events. (*Tepuk*) Ini adalah kerana apa yang mengurangkan ketegangan kaum bukanlah penangkapan-penangkapan di bawah Operasi Lalang tetapi pembatalan Rapat Umum UMNO (*Tepuk*) yang dijadualkan dihadiri oleh setengah juta orang di Stadium Merdeka yang dibina untuk memuatkan 60,000 orang pada 1 November 1987.

Sebenarnya, pemikiran tunggal saya semasa hari-hari pertama saya dikurung seorang diri di lokap saya di Pusat Reman Polis di Batu, Kuala Lumpur, setelah saya ditangkap pada 27 Oktober ialah kebimbangan saya tentang sama ada Rapat Umum UMNO yang dijangka dihadiri oleh setengah juta orang telah berlangsung pada 1 November, dan jika ya, sama ada telah berlaku huru-hara, pertumpahan darah dan anarki.

Pada penghujung bulan Oktober 1987 ketegangan kaum telah berkurang, reda, dan terdapat rasa lega yang boleh dirasai oleh seluruh negara, dengan izin, a sigh of relief, tetapi ini bukan disebabkan oleh penangkapan-penangkapan yang dibuat di bawah Operasi Lalang tetapi kerana Rapat Umum UMNO yang dijadualkan berlangsung pada 1 November telah dibatalkan. (*Tepuk*)

Sekiranya sesiapa yang harus ditahan di bawah ISA kerana menyebabkan ketegangan kaum dalam bulan Oktober 1987, mereka adalah pemimpin-pemimpin UMNO (*Tepuk*) khususnya Ketua Pemuda UMNO, Dato' Najib Tun Razak; Setiausaha Agung UMNO ketika itu, Dato' Sanusi Junid (*Tepuk*)—kedua-dua orang Menteri Kabinet itu yang telah menghasut orang-orang Melayu di seluruh negara supaya menghadiri Rapat Umum UMNO pada 1 November supaya suatu konfrantasi kaum boleh diadakan. Apa yang dituliskan dan dipamirkan dalam pelekat-pelekat di Rapat Umum Pemuda UMNO yang berlangsung di TPCA pada 17hb Oktober, 1987 juga adalah satu rekod umum, diketahui seluruh negara dan dunia.

Kesemua orang-orang tahanan Operasi Lalang khususnya 40 orang yang dikenakan dengan perintah tahanan dua tahun tidak bercakap, berbuat atau bertindak apa-apa untuk menyemarakkan situasi yang wujud dalam bulan Oktober 1987. Malah, saya dalam bulan Oktober itu, secara umum baik di dalam Parlimen atau di luarnya telah menyeru betapa perlunya dikurangkan atau diredakan ketegangan kaum dan kita pun ambil tindakan-tindakan masa itu.

Inilah sebabnya mengapa pihak Cawangan Khas untuk menjustifykan penahanan kami terpaksa memetik ucapan-ucapan kami mengenai isu-isu ke belakang 10 tahun, bukan Oktober 1987, 10 tahun dahulu (*Tepuk*) di mana banyak isu-isu ini tidak lagi jadi isu masa itu, seperti isu Bukit China dalam tahun 1984. Semata-mata untuk menyediakan butir-butir tuduhan terhadap penahanan kami.

Sejarah akan mencatatkan bahawa ketujuh-tujuh orang pemimpin dan Ahli-ahli Parlimen DAP daripada 16 orang pemimpin DAP yang ditahan pada mulanya di bawah Operasi Lalang

dan dikenakan dengan perintah tahanan secara formal dan dihantar ke Pusat Tahanan Kemunting—Ahli-ahli Yang Berhormat dari Jelutong, Kepong, Ipoh, Pasir Pinji, Kota Melaka, Puchung dan saya sendiri tidak ada apa-apa hubungan langsung dengan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam bulan Oktober 1987. (*Tepuk*). Tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menggunakan peluang untuk memangsakan kami kerana kita ada memperjuangkan secara sah untuk hak politik rakyat Malaysia daripada semua kaum untuk demokrasi, keadilan ekonomi dan accountability Kerajaan. Ini adalah sama juga dengan 33 orang tahanan Operasi Lalang yang lain, sama ada mereka itu datang daripada parti-parti pembangkang yang lain atau terdiri daripada kumpulan sosial dan agama. Kesemua mereka ini ditangkap di bawah satu Operasi yang bertujuan semata-mata untuk memberi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri "upper-hand" dalam perebutan kuasa yang hebat dan berterusan yang berlaku dalam UMNO serta juga untuk menyenyap dan menekan kritikan-kritikan dan dissent yang dilihat sebagai melemahkan kuasa politiknya (*Tepuk*).

Di dalam kes saya dan Yang Berhormat dari Jelutong tentulah tidak syak lagi bahawa lagi satu sebab utama penahanan kami ialah kontrak penswastaaan UEM, (*Tepuk*) untuk Lebuhraya Utara Selatan yang begitu kritikal dan penting kepada kewangan UMNO. Oleh kerana Ahli-ahli Parlimen DAP yang ditahan di bawah operasi lalang tidak bersalah dalam menghasut perasaan kebencian perkauman dan menggiatkan ketegangan dan membawa kepada krisis Oktober, 1987. Kita boleh lihat satu patent, terdapat satu corak, dengan izin, capricious, caui, careless dan reckless dalam perumusan alasan-alasan dan tuduhan-tuduhan fakta tahanan kami di bawah ISA seperti

yang telah dinyatakan di dalam berbagai affidavit yang dibuat oleh Ahli-ahli Parlimen DAP dalam permohonan Habeas Corpus. Semasa dalam tahanan terdapat dakwaan-dakwaan yang membayangkan fakta-fakta dan kejadian-kejadian yang tidak pernah wujud atau yang jelas tidak menasabah. Satu ialah Yang Berhormat dari Jelutong, satu charge yang sebenarnya tidak pernah berlaku dan ada pula berlaku di mana pegawai-pegawai Cawangan Khas menarik balik tuduhan-tuduhan di Lembaga Penasihat tetapi kemudian di Mahkamah mereka nafikan.

Di dalam kes Yang Berhormat dari Kota Melaka 4 daripada 5 tuduhan fakta yang digunakan untuk membela tahanan beliau telah ditarikh balik pada perbicaraan pertama di Lembaga Penasihat, tetapi kemudian dinafikan oleh Pegawai Cawangan Khas dalam affidavit di Mahkamah apabila beliau memohon satu writ habeas corpus. Corak perumusan alasan-alasan dan tuduhan-tuduhan fakta untuk tahanan yang begitu capricious, reckless dan careless bukan sahaja terhad kepada Ahli-ahli Parlimen DAP lain-lain orang-orang tahanan Operasi Lalang pun menjadi target dan sasaran. Saya beri tiga contoh, cukup; Dr Kua Kia Soong, Pengarah Pendidikan, Pusat Pendidikan dan Sumber Cina Malaysia. Salah satu daripada tuduhan fakta terhadap beliau untuk penahanan ialah dalam bukunya "Polarisation in Malaysia—The Root Causes", beliau telah dituduh menghasut kebencian perkauman di mana sebenarnya buku ini adalah satu usaha untuk memberi cadangan-cadangan membina untuk mengatasi masalah polarisasi kaum dari sudut non-communal. Harus diperhatikan bahawa buku ini tidak pernah diharamkan di Malaysia berbanding dengan buku Yang Amat Berhormat Perdana Menteri "The Malay Dilemma" yang pernah diharamkan selama 11 tahun oleh kerana mengancam keselamatan negara.

Kedua, Dr Mohd. Nasir Hashim, Pensyarah UKM yang dituduh telah mengakui motif kegiatan-kegiatannya adalah untuk membentuk sebuah Kerajaan "dictatorship of the proletariat". Dr Nasir menyifatkan ini sebagai rekaan semata-mata. Philip Cheong @ Cheong Ah Kow, Penyelia Insurans telah dituduh mengkristianisasi orang-orang Melayu. Philip Cheong telah mencabar secara terbuka apabila masih dalam tahanan kepada Cawangan Khas untuk memberi contoh sahaja di mana beliau ada mengkristianisasikan seorang Melayu, oleh kerana itulah tuduhan beliau di bawah ISA, tetapi sampai sekarang Cawangan Khas tidak boleh memberi satu contoh untuk membuktikan bahawa Philip Cheong ada mengkristianisasikan orang-orang Melayu, sama ada itu patut di bawah ISA, itu lain hal, tetapi itu satu tuduhan tanpa bukti. Adakah Cawangan Khas rela Dewan hari ini memberi satu contoh untuk menunjukkan tidak ada penyalahgunaan kuasa ISA, bukan tidak menggunakan kuasa ISA sewenang-wenangnya yang ada dinafikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tunjuk bukti bercorak capricious, reckless, careless dalam merumuskan alasan-alasan tahanan dan tuduhan-tuduhan fakta menunjukkan apa? Menunjukkan bahawa Operasi Lalang adalah satu operasi politik bukan operasi keselamatan tetapi satu operasi politik, tidak ada kena mengena dengan keamanan. Ketegangan kaum boleh reda pada bulan Oktober tahun 1987 kalau rapat umum UMNO dibatalkan tanpa apa-apa Operasi Lalang.

Pada 23hb Mac, 1988 Kerajaan telah membentangkan kertas putih bertajuk "Ke Arah Memelihara Keselamatan Negara" di dalam Dewan rakyat sebagai mempertahankan penangkapan-penangkapan Operasi Lalang yang dilakukan di bawah ISA. Kertas Putih tersebut adalah secara

terang-terang suatu dokumen politik untuk mempertahankan penyalahgunaan ISA terhadap parti pembangkang yang constitutional, demokratik dan setia serta rakyat Malaysia yang patriotik, demokratik yang berani tunjuk mereka tidak setuju secara terbuka dan secara sah dari segi undang-undang dengan Kerajaan, walau pun betapa berat sebelah laporannya begitu tendencious dan bias terhadap orang-orang tahanan yang ditangkap di bawah Operasi Lalang. Kertas Putih tidak memberikan satu contoh pun di mana kegiatan-kegiatan DAP atau kegiatan-kegiatan orang-orang tahanan yang lain tergolong di bawah salah satu daripada 6 kategori tindakan yang dinyatakan di bawah Perkara 149, Perlembagaan Malaysia untuk mempertahankan penggunaan Akta Keselamatan Dalam Negeri iaitu, dengan izin, 149:

“(a) to cause, or to cause a substantial number or citizens to fear, organised violence against persons or property;” Kita tidak boleh kata atau buat begitu.

“(b) to excite disaffection against the Yang di-Pertuan Agong or any Government in the Federation;” pun tidak kena-mengena untuk kita.

“(c) to promote feelings of ill-will and hostility between different races or other classes of the population likely to cause violence;”. Itu ada—orang UMNO (UMNO Youths).

“(d) to procure the alteration, otherwise than by a lawful means, of anything by law established;”. Lagi tidak ada kena mengena.

“(e) which is prejudicial to the maintenance or the functioning of any supply or service to the public or any class of the public

in the Federation or any part thereof;”. Lagi tidak ada kena mengena.

“(f) which is prejudicial to the public order in, or the security, of the Federation or any part thereof.” Tidak ada bersangkutan-paut.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah disebabkan Kertas Putih tersebut tidak sedia untuk mengakui, Kertas Putih tidak sedia mengakui apa yang seluruh negara dan dunia boleh lihat bahawa keadaan yang amat tegang yang wujud dalam bulan Oktober 1987 seperti dinyatakan dalam Kertas Putih untuk mempertahankan penahanan-penahanan di bawah Operasi Lalang bukan dicipta oleh DAP, PAS, PSRM, Pendidik-pendidik Tionghua, Aliran, EPSM, Perak Anti-Radioactivity Committee atau kumpulan-kumpulan agama, tetapi oleh UMNO dan Pemuda UMNO. (*Tepuk*)

Sekiranya 40 orang tahanan kita di bawah Operasi Lalang yang ditahan secara formal di Kamunting bermula pada Disember 1987 merupakan satu ancaman terhadap keselamatan negara yang begitu besar yang memerlukan satu penangkapan yang begitu unprecedented seperti yang didakwa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pihak Polis, maka kita tidak harus dibebaskan sekarang, tentulah kita masih menjadi ancaman kepada keselamatan negara kalau dakwaan asal itu benar. (*Tepuk*)

40 orang tahanan Operasi Lalang dibebaskan dalam 8 kumpulan, bermula dalam bulan Jun 1988 diikuti pula dalam bulan Julai, Ogos, September dan 2 kumpulan dalam bulan Januari 1989 dan kumpulan terakhir Yang Berhormat dari Kota Melaka dan saya yang terakhir dengan blessing daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. (*Tepuk*) Kita ada 18 bulan. Semua 40 orang dibebaskan daripada 7 bulan kepada 18

bulan. Semalam semua sekatan yang dikenakan ke atas orang-orang tahanan Operasi Lalang telah dibatalkan, walaupun sangat lewat, sangat lambat. Majoriti orang-orang tahanan. . . .

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud:** Yang Berhormat, nanti sekejap.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Saya ingin mendapat penjelasan, sedikit sahaja. Tidakkah Yang Berhormat bercadang untuk mengucap terima kasih kepada Kerajaan pimpinan Perdana Menteri sekarang?

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak cakap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri oleh kerana membebaskan saya oleh kerana saya tidak patut ditahan. (*Tepuk*) Tahanan saya, tahanan 40 orang di bawah Operasi Lalang untuk formal detention, tahanan 106 orang itulah satu kesalahan, itulah satu dosa (*Tepuk*) dan kita tidak boleh cakap terima kasih kepada orang yang buat dosa. (*Tepuk*)

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, dia tidak puas agaknya.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Sedikit sahaja. Tidakkah Yang Berhormat sedar bahawa ucapan terima kasih adalah satu di antara ciri-ciri dan peribadi orang Malaysia?

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya rela bila-bila ucap terima kasih kepada sesiapa, termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas apa-apa yang patut dapat terima kasih. Saya cakap terima kasih oleh kerana Yang Amat Berhormat sudi jumpa saya bila saya

bebas, itu saya cakap terima kasih, tetapi kebebasan ialah hak saya, bukan atas tawaran sesiapa (*Tepuk*) dan kalau tidak cakap terima kasih mahu terus lagi tahan, terus tahan, tidak apa. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada sebut 40 orang tahanan disifatkan sebagai ancaman begitu besar kepada keselamatan negara. Kalau begitu, masa ini tidak patut sudah keluar. Ada orang 7 bulan sudah keluar, kumpulan yang akhir, 18 bulan, oleh kerana majoriti orang-orang tahanan Operasi Lalang tidak mengubah kepercayaan dan pendirian mereka dan mereka mahu terus berjuang membaiki, mengubah masyarakat Malaysia menerusi cara-cara yang demokratik dan berperlembagaan. Mereka tidak ubah dan sekarang sudah keluar, mereka tidak menjadi ancaman kepada keselamatan negara oleh kerana dahulu pun mereka bukan ancaman kepada keselamatan negara Malaysia (*Tepuk*) dan tidak patut ditahan. Tuduhan-tuduhan semua dusta, fitnah dan bohong (*Tepuk*), semacam tuduhan-tuduhan yang dilemparkan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan apabila beliau ditahan di bawah ISA pada tahun 70an bahawa beliau berkomplot mahu menggulingkan Kerajaan yang terpilih, sekarang di mana? Sekarang Menteri Kabinet UMNO. (*Tepuk*) Adakah dia akui? Masa itu dia akui dia sudah salah dan sudah ubah? Tidak, beliau bukan ancaman kepada keselamatan negara selepas kebebasan, sebelum masa tahanan pun bukan ancaman kepada keselamatan negara. Inilah satu penyalahgunaan kuasa ISA masa itu semacam Operasi Lalang yang lebih besar sahaja. (*Tepuk*)

Dengan membebaskan orang-orang tahanan Operasi Lalang ini dalam 8 kumpulan dari Jun 1988 hingga April 1989, dengan 7 hingga 18 bulan, Kerajaan sebenarnya mengakui orang-orang tahanan Operasi Lalang tidak

pernah mengancam keselamatan negara. Maka, disebabkan ini Operasi Lalang merupakan satu pijakan besar ke atas hak-hak manusia oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pihak Polis menerusi Akta Keselamatan Negara dan inilah sebabnya mengapa ia memulakan beberapa cabaran terhadap kesahihan dalam mahkamah menerusi permohonan-permohonan *habeas corpus* dan akhirnya kita menghadapi Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hari ini. (Tepuk)

Permohonan-permohonan *habeas corpus* serta cabaran terhadap penahanan di bawah ISA oleh orang-orang tahanan Operasi Lalang di mana termasyhur, terkemuka ialah daripada kawan saya daripada Jelutong—ada tiga permohonan *habeas corpus*—telah memperlihatkan bahawa Cawangan Khas tidak menghiraukan undang-undang sendiri, termasuk ISA.

Pihak Polis yang menjadi pengawas undang-undang dan ketenteraman awam sendiri pandang hina undang-undang. Orang-orang tahanan telah ditahan secara tidak sah dari segi undang-undang. Ada kekerasan, ada keseksaan yang dilakukan terhadap orang-orang tahanan tertentu. Jaminan-jaminan dan prosedur-prosedur dalam ISA untuk melindungi hak seorang warganegara telah diabaikan ataupun tidak dihiraukan sehingga Kerajaan datang ke Parlimen dalam bulan Julai tahun lalu dalam bentuk Rang Undang-undang ISA 1988 untuk menghalalkan beberapa penahanan-penahanan yang tidak sah dari segi undang-undang yang dilakukan di bawah Operasi Lalang dan satu daripada penahanan yang tidak sah dari segi undang-undang ialah penahanan saya sendiri. Permohonan *habeas corpus* saya yang mencabar kesahan penahanan saya telah dilewatkan sehingga 15hb Julai, 1988

untuk membolehkan Peguam Kanan Persekutuan pergi ke Mahkamah Tinggi Pulau Pinang dengan Akta pindaan yang diwartakan yang baru dicetakkan oleh Pencetak Kerajaan semata-mata untuk mencegah mana-mana perintah tahanan yang efektif daripada dicabar dalam mahkamah.

Maka hakim mendengar permohonan *habeas corpus* saya terpaksa berkata, dengan izin, "I wish to state that had it not been for Act A705—amendment itu—the detention of the applicant in Kuala Lumpur before he was formally detained at the Detention Centre on 21st December 1987 would have become illegal." (Tepuk)

Tuan Yang di-Pertua, apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri membentangkan Rang Undang-undang Pindaan ISA tahun lalu, pada 8hb Julai, 1988, beliau ada kata bahawa pindaan yang dicadangkan ini dipercayai akan menjadikan peruntukan undang-undang berkenaan lebih jelas atau clear-cut serta tidak menimbulkan keraguan dalam penafsirannya.

Beliau betul, oleh kerana Rang Undang-undang pindaan, dan sekarang sudah jadi Akta pindaan ISA 1988, sudah menjadi lebih jelas lebih clear-cut untuk pegawai-pegawai polis bahawa mereka boleh mengeneipkan undang-undang sewenang-wenangnya oleh kerana selepas pindaan ISA 1988, dengan izin, untuk pihak polis, lawlessness under the ISA is the law. (Tepuk)

Apa yang tidak sah dahulu sekarang boleh jadi sah—now clear-cut kepada polis lawlessness is the law—dan dalam ucapan beliau apabila menggulungkan perbincangan itu, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada kata bahawa pindaan itu bersabit dengan perkara teknikal sahaja dan tidak merampas atau melarang hak-hak seorang tahanan buat permohonan kepada mahkamah. Beliau kata permohonan yang berasaskan alasan-alasan teknikal

sahaja yang dilarang, perkara-perkara lain tidak ada kena mengena dengan teknikal tiada ketegahan. Ini satu jaminan yang sangat-sangat berat yang dibuat, serius dibuat di dalam Dewan yang mulia ini bahawa pindaan kepada ISA tahun lalu ialah teknikal sahaja, defective, bukan untuk melarang apa-apa tindakan yang boleh diambil oleh sesiapa atas ISA.

Tetapi dalam April tahun ini dalam satu kes Yang Berhormat dari Jelutong untuk mencabar sah syarat-syarat yang dikenakan kepada beliau di Mahkamah Pulau Pinang, Senior Crown Counsel ada buat satu hujah bahawa mengikut pindaan ISA tahun 1988 semua tindakan dilarang, semua tindakan undang-undang di bawah ISA tidak boleh diambil oleh sesiapa, apa bentuk, apa rupa. Nasib baik itu tidak diterima oleh mahkamah, tetapi ini bukan point, point saya ialah apabila dalam Dewan yang mulia ini bagi pihak Kerajaan Yang Berhormat Timbalan Menteri mewakili Yang Berhormat Menteri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi satu jaminan dalam Dewan ini bahawa pindaan ISA 1988 untuk point-point teknikal sahaja dan tidak melarangkan tindakan-tindakan undang-undang atas ISA, bukan satu ban yang total, selepas menjadi undang-undang Kerajaan melalui pegawai-pegawai undang-undang, Senior Crown Counsel mewakili Kerajaan pergi mahkamah yang ambil pendirian bahawa undang-undang itu adalah merupakan satu larangan yang total terhadap tindakan-tindakan undang-undang. Ini tidak patut dibuat, bukan apa keputusan mahkamah, ini satu impropriety, immorality Kerajaan. (*Tepuk*) Kalau begitu bagaimana . . . .

**Tuan Mohd. Tamarin bin Abdul Ghafar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Tanjong, duduk sekejap! Ada yang bangun.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Terima kasih. Saya ingin bertanya Yang Berhormat dari Tanjong dan kalau boleh mendapat pengesahan sama ada Yang Berhormat dari Tanjong dan parti beliau iaitu DAP bersetuju dengan apa yang sedang berlaku atau yang baru sahaja berlaku di Negeri China di mana pemimpin-pemimpin China bukan saja membicarakan mereka yang bersalah di mahkamah tetapi menembak secara inhuman, dengan izin, dan kalau Yang Berhormat bersetuju, saya ingin tahu mengapakah sehingga ke hari ini Yang Berhormat dan parti DAP tidak membuat bangkangan ataupun kutukan secara terbuka. (*Tepuk*)

Yang keduanya, saya ingin tahu apakah boleh kita samakan apa yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional hari ini seperti sama yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin Cina terhadap rakyatnya di Negeri China itu sendiri? Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita rakyat Malaysia. (*Tepuk*) Yang Berhormat dari Batu Berendam tidak lebih Malaysian daripada saya, saya tidak lebih Malaysian daripada Yang Berhormat dari Batu Berendam, kita sama-sama. Tetapi kita ada pendirian atas apa-apa yang berlaku bukan sahaja di Negeri China tetapi di mana-mana pun, ada pendirian bukan oleh kerana saya seorang Cina, saya seorang Malaysia. (*Tepuk*) Dan di mana-mana pun ada berlaku tindakan yang tidak berperikemanusiaan kita tentang, kita kutuk, kita tiada double standard dan bukan saya tidak keluarkan kenyataan tetapi suratkhbar-suratkhbar dikongkong oleh Barisan Nasional—*Utusan Malaysia, Star, New Straits Times, Utusan Melayu*, saya ada baca jawi, mana ada kenyataan dikeluarkan, salah sendiri, oleh kerana tidak kebebasan akhbar di Malaysia. (*Tepuk*)

Bukan oleh kerana ada berlaku pemerasan atau berlaku penindasan hak-hak manusia baik pun di Negeri

China atau di South Africa kita tidak patut menyuarakan tuntutan-tuntutan rakyat Malaysia mahu satu negara lebih bebas, lebih demokratik, lebih baik, itu tidak ada kena mengena. Ini menunjuk fikiran yang begitu sempit daripada Yang Berhormat dari Batu Berendam.

Tadi sebelum saya dikacau saya ada sebut bagaimana satu Kerajaan dalam Dewan ini boleh beri satu jaminan tetapi di luar melalui Jabatan Peguam Negara buat sebaliknya. Kalau begitu bagaimana kita boleh percaya jaminan, kenyataan Kerajaan bila membentang baik pun Rang Undang-undang atau membuat kenyataan dasar, kita boleh percaya dalam solemn promise di luar buat sebaliknya. (*Tepuk*) Saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri nanti boleh beri satu penjelasan, kenapa ada tentu, Senior Crown Council mewakili Kerajaan bukan mewakili sendiri.

Sekarang kita ada lagi satu Rang Undang-undang ISA di hadapan kita dan mengikut ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan huraian bahawa Rang Undang-undang ini mahu menghapuskan daripada kajian semula kehakiman (judicial review) akan segala tindakan yang dilakukan dan keputusan yang dibuat oleh Yang di-Pertua Agong atau Menteri pada menjalankan kuasa menurut budibicara mereka di bawah akta kecuali mengenai apa-apa kehendak prosedur yang mengawalsedia tindakan atau keputusan itu. Dalam tahun lalu Dewan dengar bahawa mahu meminda ISA supaya prosedur tidak boleh appeal atas prosedur, substantif boleh. Sekarang substantif tidak boleh, prosedur boleh, sungguhpun prosedur pada tahun lalu pun sudah dipinda. Apa yang tinggal ialah sangat sedikit sahaja, apa lagi. (*Tepuk*)

Tujuan Seksyen baru ini ialah untuk mengesahkan semula dengan tegas prinsip bahawa ujian subjektif terpakai bagi menentukan penggunaan

yang wajar akan kuasa oleh Menteri menurut budibicaranya sebagaimana yang ditetapkan di dalam kes Karam Singh lawan Menteri Dalam Negeri yang diikuti dalam kes Theresa Lim Cheng Chee lawan Ketua Polis Negara. Peruntukan ini adalah perlu untuk mengelakkan sebarang kemungkinan untuk mahkamah-mahkamah akan menghentikan keputusan pihak eksekutif dengan keputusan mereka mengenai perkara-perkara bersangkutan dengan keselamatan negara sebagaimana yang telah dilakukan oleh Mahkamah-mahkamah di negara-negara asing tertentu di mana keputusan-keputusan mereka telah berlandaskan keadaan-keadaan yang berlainan sama sekali dengan keadaan-keadaan di Malaysia. Dalam perkara-perkara keselamatan negara dan ketenteraman awam adalah jelas bahawa pihak eksekutif ialah berkuasa yang paling sesuai untuk menimbang maklumat yang ada untuk menentukan langkah-langkah berjaga-jaga yang patut diambil dan mempunyai kata putus di dalam perkara-perkara sedemikian dan bukannya Mahkamah yang hanya dapat menimbang keterangan\* yang dibuktikan di hadapannya.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada ISA nampaknya patut dikutuk dari dua segi. Yang pertama, ia merupakan satu lagi erosion hak-hak asasi di Malaysia. Dan yang kedua, satu langkah yang melemahkan prinsip, pembebasan kehakiman. Daripada kes-kes Operasi Lalang boleh dilihat betapa perlu satu kajian yang menyeluruh diadakan bukan sahaja ISA tetapi kepada law of *habeas corpus*. Oleh kerana di bawah prinsip Karam Singh atau kes Karam Singh tidak boleh mengadakan apa-apa judiciary view, dengan izin, mengenai subjective satisfaction or decision of the executive to detain a person. Whether or not the fact in which order of detention is to be based are sufficient or relevant is a matter to be decided by the Executive. Not relevant also can.

Yang ada ditunjuk dalam banyak kes Operasi Lalang not relevant pun tangkap. Dan ini tidak patut. Apabila ada kes-kes yang sangat nyata tidak ada bersangkut-paut dengan keselamatan negara di mana ada kesilapan-kesilapan substantif, di mana ada penyalahgunaan kuasa. Mahkamah patut ada tanggungjawab, ada kewajipan, ada fungsi untuk menolak perintah tersebut. Tetapi apa yang sangat kita semua khuatir daripada pindaan ini ialah ia berbau dengan tidak percaya (distrust) kepada kehakiman. Nampaknya Eksekutif tidak lagi percaya langsung kepada kehakiman yang ada. Kalau untuk 32 tahun selepas Merdeka kita boleh percaya, beramanahkan sistem kehakiman untuk dibuat keputusan mengenai kes-kes semacam ini tetapi mengapa sekarang kita tidak lagi beri amanah dan kepercayaan kepada Mahkamah-mahkamah? Adakah ini lagi satu langkah yang terbaru di dalam krisis judiciary yang ada tercetus tahun lalu di mana kepercayaan nasional dan antarabangsa sampai sekarang belum kembali. Saya mahu tanya tujuan, niat sebenarnya pindaan ini. Adakah oleh kerana dalam Operasi Lalang masa itu begitu banyak kes *habeas corpus* diadakan. Yang Berhormat dari Jelutong 3, semua 5 orang yang ada. Lain-lain orang tahanan mungkin 20, kes-kes *habeas corpus* yang boleh menunjukkan bahawa di bawah Operasi Lalang, Kerajaan, Polis, Kementerian Dalam Negeri ada salahguna kuasa sewenang-wenangnya menggunakan ISA dengan ternyata mereka mahu sekarang menutup jalan ini supaya di mana akan datang mungkin Operasi Lalang yang kedua semua ini tidak boleh dikemukakan kepada Mahkamah atau dikemukakan ke hadapan orang ramai, tutup.

Kedua, adakah oleh kerana di bawah Operasi Lalang begitu banyak kes *habeas corpus* dan Hakim-hakim yang mengadili kes-kes ini yang sampai sekarang Konservatif nampak begitu maharajalela, penyalahgunaan kuasa yang bermaharajalela memaksa satu

fikiran seluruh apa yang patut dibuat. Dalam kes law *habeas corpus* dari segi kebenaran, keadilan dan Kerajaan takut bahawa Kehakiman kita akan mengikuti keadilan, kebenaran dan mencegah penyalahgunaan kuasa ISA. Dan di hadapan kita ada pindaan ini. Akhirnya pertanyaan saya, adakah ini satu persiapan atau preparatory action untuk menangkap pemimpin-pemimpin UMNO 46? (*Tepuk*) Tetapi Tuan Yang di-Pertua, kita menolak dengan sekuat-kuatnya hujah-hujah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan hujah-hujah Kerajaan bahawa pihak Eksekutif menjadi authority yang mutlak untuk menentukan dalam perkara-perkara keselamatan dalam negeri, keselamatan negara dan ketenteraman awam. Dan tanpa kajian baik pun oleh Mahkamah ataupun Parlimen semacam penggunaan ISA yang dihasratkan oleh pindaan ini. Oleh kerana hujah-hujah ini, dengan izin, strikes at the very root of our constitutional government, pengasingan kuasa, doctrine of separation of powers antara Parlimen, Eksekutif dan Kehakiman.

Penggunaan kuasa Eksekutif di bawah ISA pun patut tertakluk di bawah pemeriksaan atau kajian Kehakiman dan demikian juga Parlimen oleh kerana kalau exercise kuasa ini oleh Eksekutif tanpa kajian oleh sesiapa, baik Kehakiman atau Parlimen, kita sudah menuju kepada arah "Executive Dictatorship". (*Tepuk*)

**Seorang Ahli: Malu.**

**Tuan Lim Kit Siang:** Dan ini bukan parliamentary democracy.

Kalau kita menerima bahawa dalam perkara keselamatan negara dan ketenteraman awam Eksekutif menjadi authority yang mutlak, arbiter yang tidak boleh dicabar tentulah tidak lama lagi di lain-lain bidang, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di

masa yang akan datang berkata, di lain-lain bidang pun Eksekutif patut menjadi final authority, ultimate authority. Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan pindaan ini Kerajaan sebenarnya membuat atau mahu satu doktrin perlembagaan yang sangat merbahaya bahawa kalau mereka meneriakkan magic word: keselamatan negara, ketenteraman awam—mereka tidak boleh diperiksa, maka mereka, dengan izin, “a law unto themselves”.

Kalau mereka kata ini national security, ini public order, “a law unto themselves”. Dan inilah akibatnya. Kalau begitu kita sudah masuk jalan kepada suatu negara yang a full Police state—(*Tepuk*) tanpa check. Demokrasi ertinya checks and balances. Checks and balances, a national security dan public order ialah bahagian yang utama dalam apa juga masyarakat atau apa juga sistem. Kalau checks and balances tidak ada dalam bahagian ini, mana lagi ada demokrasi. (*Tepuk*) Sebab itu kita menolak lagi imputasi bahawa hakim-hakim di Malaysia tidak boleh dipercayai lagi, tidak boleh diamanahkan lagi dengan tanggungjawab “fungsi” kewajipan perlembagaan mereka dan sebab itu kita perlu Rang Undang-undang ini supaya Hakim tidak akan menggantikan keputusan mereka, menggantikan keputusan Eksekutif.

Kita pun menolak lagi satu inference dalam ucapan YAB Perdana Menteri tadi bahawa adalah perkara-perkara tertentu kita tak patut ikut negara-negara yang lain kerana keadaan yang berbeza, di mana dikatakan keadaan yang berlainan sama sekali dengan keadaan di Malaysia. Dan tadi YAB Perdana Menteri pun ada sebut perkara yang semacam ISA perkara domestic affair, hal ehwal dalam negara, tak patut orang luar campur tangan. Dan kita tahu dalam masa Operasi Lalang, dunia pun kutuk dan YAB Perdana Menteri atau Kerajaan

Malaysia kata mereka tak patut sesiapa campur tangan, baikpun negara, organisasi ataupun individu tetapi semua ini ditolak oleh dunia pun. Dan itu patut ditolak oleh dunia, hujah-hujah ini tak boleh diterima, hujah-hujah ini tak munasabah. Oleh kerana kita sebagai manusia, bukan setakat rakyat Malaysia, tetapi sebagai manusia, humanity, (*Tepuk*) sudah sampai satu tahap di mana perjuangan untuk hak-hak asasi, khususnya untuk nyawa, untuk dignity, sudah menjadi suatu hak manusia dan tidak ada sebuah negara atau Kerajaan boleh kata bahawa ia ada hak kedaulatan (sovereign rights) untuk menindas hak asasi rakyat negara mereka. Tidak lagi. Termasuk Malaysia dan mana-mana negara pun termasuk South Africa. Sebab itu kita puji YAB Perdana Menteri oleh kerana kutuk South Africa yang mengamalkan apartheid suppression of human rights, itu bukan domestic affair.

Kenapa South Africa tidak boleh kutuk Malaysia apabila berlaku Operasi Lalang, lain orang kutuk kita tak boleh terima. (*Tepuk*) Hak-hak asasi bukan lagi batasan negara, keturunan, agama, kebudayaan, tetapi sovereign, universal, tidak sovereign lagi—universal. (*Tepuk*) Dan sebab itu kita wajar, baikpun Parlimen, Eksekutif atau Judiciary kita mengikut perkembangan dunia bukan oleh kerana tak sesuai untuk Malaysia.

Bukankah rakyat Malaysia adalah manusia yang ada hak menikmati hak-hak asasi, dan sebenarnya kita ada komitmen, kita ada dalam Perlembagaan kita, kita ada buat perisytiharan komitmen kita kepada fundamental rights. Bukan sahaja dalam Perlembagaan kita, tetapi kita sebagai anggota di dalam Bangsa-bangsa Bersatu di mana kita sekarang menjadi Anggota Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu.

Kita ada menerima universal declaration of human rights apabila kita menjadi anggota United Nations

dan kita ada sokong dengan undi kita pada tahun 1966 International Covenant of Civil and Political Rights 1966. Sungguhpun kita belum tandatangani, belum ratify, tetapi ini menunjukkan kita ada international commitment, kita ada constitutional commitment kita kepada human rights untuk memupuk hak asasi dan sebab itulah menjadi tanggungjawab Eksekutif, Parlimen dan Kehakiman mengikut aliran dunia dalam perkara ini. Kita tak boleh kata ini lain, janganlah kita ikut, janganlah kita hirau, kita sudah menjadi pemimpin, pelopor yang baru di mana kita ada sistem authoritarian yang baru, kita mahu jadi pemimpin baru. Yang mengikut kita negara Fiji, negara-negara semacam Fiji ikut kita, ISA digunakan di Fiji. Pindaan sekarang, mungkin besok di Fiji pun diikuti. *(Tepuk)*

**Seorang Ahli:** Singapore.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mungkin Singapore pun ikut nanti. Atau ini Malaysia ikut Singapore. *(Tepuk)* Malaysia ikut Singapore, Fiji ikut Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, patutlah pindaan ini ditolak, tak patut kita teruskan dengan pindaan yang dikemukakan oleh YAB Perdana Menteri. Sebenarnya, kita patut menumpukan tenaga dan masa kita berbincang untuk membatalkan, memansuhkan Akta Keselamatan Negara 1960. Dalam Bil ini, sungguhpun YAB Perdana Menteri mengatakan ini semata-mata untuk memberi kuasa legislatif kepada prinsip bahawa dalam kes-kes ISA, detention order itu subjective test perlu diadakan, tetapi perkataan-perkataan yang ada dalam Seksyen baru 8b atau 8c mengenai peruntukan ini, yang juga define judicial review begitu luas, sehingga tentulah esok selepas undang-undang ini dicetak, digezet, Kerajaan boleh kata ini sebenarnya satu total larangan lagi kepada *habeas corpus*.

Bahawa selepas pindaan ini tamatlah hak writ *habeas corpus* di Malaysia. Sungguhpun ia kata bukanlah, tidaklah, bukan erti inilah, bukan tujuan itulah, tetapi apa yang ada Clause 8B ini begitu luas. Semacam apa yang berlaku tahun lalu, bukan untuk lain-lain sebab, procedural atau technical sahaja, tetapi ada satu percubaan mahu substantive pun dilarangkan.

Sekarang untuk subjective testlah tetapi "There shall be no judicial review in any court of, and no court shall have or exercise any jurisdiction in respect of, any act done or decision made by the Yang di-Pertuan Agong or the Minister in the exercise of their discretionary power in accordance with this Act, save in regard to any question on compliance with any procedural requirement in this Act governing such act or decision" as left after last year's amendment and so wide. Begitu luas. Saya bimbang ini tentu akan menjadi satu alasan di mana Kerajaan akan cuba mencapai satu tujuan untuk menamatkan *habeas corpus* di Malaysia.

Janganlah oleh kerana ada satu krisis antara Eksekutif atau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Kehakiman hak-hak rakyat Malaysia atas *habeas corpus* hilang.

**Seorang Ahli!** Malu! malu!

**Tuan Lim Kit Siang:** Janganlah kita ada satu maxim pertama Malaysia Common Law bahawa mahkamah kita tidak lagi memberi perlindungan kepada subjects Malaysia supaya mencegah unlawful and unjustifiable detention.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada justifikasi untuk pindaan yang "draconian" ini dan saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh tarik balik. Boleh tarik balikkah? *(Tepuk)* Saya harap Ahli Parlimen Barisan Nasional ikut conscience mereka kalau ada. *(Tepuk)* Jangan ikut "Whip". Kenapa Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri mahu pakai “Whip”? Tengok mereka ada consciencekah—umum, tidak ada “Whip”. “Whip” kalau ditarik balik, boleh ikut hati kecil. Ini ialah satu pindaan yang mustahak, yang ada far-reaching repercussions, Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu kita akan minta satu division kalau diteruskan. Terima kasih. (*Tepuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Kota Setar.

5.23 ptg.

**Dr Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 seperti yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pendapat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa tanggungjawab Kerajaan adalah besar untuk menentukan keamanan di negara ini memandangkan komposisi penduduk-penduduk negara yang berbilang bangsa. Ancaman terhadap ketenteraman awam sentiasa wujud dan boleh mengakibatkan huru-hara pada bila-bila masa sahaja jika isu-isu sensitif dieksploitasikan oleh mana-mana pihak untuk keuntungan atau kepentingan sempit mereka. Kita sudah melihat beberapa peristiwa-peristiwa yang membimbangkan rakyat jelata seperti Peristiwa 13 Mei 1969, keganasan puak pelampau-pelampau agama ajaran sesat di Batu Pahat dan suasana ketegangan pada bulan Oktober 1987 di Kuala Lumpur. Malahan ada lagi beberapa peristiwa yang jika tidak dibendung boleh mencetuskan ketidak stabilan negara. Mujurlah pihak yang bertanggung-

jawab telah bertindak dengan tegas dan wajar hingga keadaan dapat dikawal.

Saya tidak yakin bagaimana pihak berkuasa khususnya pihak polis dapat mengawal keadaan jika tidak diberi kuasa khas seperti peruntukan-peruntukan dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri. Sudah tentu tanpa kuasa-kuasa khas pihak polis tidak dapat membuat apa-apa dan mungkin negara ini sudah lama hancur dan pada ketika itu rakyat jelata yang akan menderita.

Saya juga tidak faham kenapa pihak Pembangkang begitu resah dengan Akta Keselamatan Dalam Negeri ataupun pindaan-pindaan yang dibuat berkenaan dengannya. Hujah-hujah yang dikemukakan oleh Ketua Pembangkang di Dewan yang mulia ini mengelirukan, seolah-olah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan pindaannya dituju hanya terhadap parti Pembangkang dan penyokong-penyokong mereka. Tidakkah pihak Pembangkang khususnya DAP mengakui bahawa tindakan yang diambil serta tahanan-tahanan yang dibuat di dalam Operasi Lalang pada bulan Oktober, 1987 merangkumi semua yang disyaki terlibat dalam keadaan yang mengancam ketenteraman negara. Ini termasuk anggota-anggota parti komponen Barisan Nasional yang menerajui Kerajaan sekarang, bukan semata-mata ahli-ahli DAP walaupun bilangan mereka yang ditahan agak besar. Mungkin kerana mereka yang banyak terlibat dalam usaha mewujudkan suasana yang tidak tenteram.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang di negara kita ini dibuat untuk menjaga keamanan dan kesejahteraan

rakyat. Segala undang-undang yang diluluskan di Parlimen akan berkuatkuasa merangkumi semua rakyat. Oleh itu memang tidak wajar bagi pihak Pembangkang membuat tuduhan bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri ini ditujukan kepada mana-mana pihak tertentu sahaja melainkan pihak Pembangkang berhasrat untuk mencetuskan keadaan yang melanggar dengan ketenteraman awam.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjaga kepentingan orang ramai dan untuk mengawasi pihak-pihak yang sentiasa mengancam ketenteraman awam adalah wajar Akta Keselamatan Dalam Negeri dikekalkan. Malahan pindaan harus dibuat dari masa ke semasa bagi membolehkan pihak Kerajaan yang bertanggungjawab khususnya pihak polis dapat menjalankan tugas mereka dengan teratur dan mengikut undang-undang.

Kita semua sedia maklum bahawa walaupun Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang menandatangani mana-mana perintah tahanan terhadap pihak yang bersalah di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, sebenarnya arahan ini dibuat atas nasihat profesional dari pihak polis. Seseorang pegawai polis yang menjalankan tugasnya dengan baik tidak terpengaruh dengan faktor-faktor ideologi mana-mana parti politik ataupun kepercayaan mana-mana ajaran agama ataupun kepentingan mana-mana kumpulan. Yang menjadi asas laporan dan penilaian mereka adalah soal-soal ketenteraman awam yang mungkin tergugat disebabkan oleh tindakan mana-mana individu atau kumpulan. Oleh itu pihak Pembangkang tidak harus mempersoalkan keputusan yang dibuat oleh Menteri yang bertindak atas nasihat profesional yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Pembangkang telah membuat saranan bahawa mahkamah sahaja yang boleh menentukan keadilan dari segi undang-undang. Saya bersetuju dengan saranan ini asalkan pihak mahkamah membuat interpretasi undang-undang berasaskan apa yang tertulis di dalam buku undang-undang bukan berasaskan kepada amalan-amalan yang tidak kena-mengena dengan perundangan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan pindaan Akta Keselamatan Dalam Negeri ini saya ingin menyatakan bahawa yang paling penting di dalam pengubalan undang-undang ataupun membuat pindaan-pindaan kepadanya yang menjadi ujian bukanlah perkara yang remeh-temeh seperti penahanan segolongan individu yang tertentu, tetapi sama ada undang-undang yang dibuat akan menjamin kesejahteraan rakyat dan kestabilan negara dan pada hari ini pindaan yang dicadangkan oleh Kementerian Dalam Negeri adalah akan menjamin kesejahteraan rakyat dan kestabilan negara. Sekian sahaja, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Pagoh.

5.32 ptg.

**Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh):** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, negara telah mencapai kemerdekaan sejak 1957, kira-kira 32 tahun yang lalu. Kemerdekaan Malaysia dicapai melalui proses yang diplomatik dan bijaksana berlandaskan kerjasama yang harmonis di kalangan masyarakat

majmuk yang wujud di negara ini demi kepentingan bersama. Atas kepentingan bersama, kita sama-sama memperjuangkan hak kita bagi mendapatkan kemerdekaan dan seterusnya mewujudkan dan menegakkan demokrasi di dalam negara ini. Hasil usaha kita yang jujur dan ikhlas, kita dapat mengekalkan demokrasi.

Demokrasi di negara ini dapat wujud sekian lama kerana kita menyesuaikan dengan keadaan dalam negara dan bukan mengimport serta meniru terus demokrasi yang diamalkan di luar. Demokrasi di negara ini tidak tunduk kepada kehendak perseorangan atau individu, sebaliknya demokrasi di negara ini adalah hak ramai dan menjaga kepentingan ramai. Perjuangan yang individualistik dengan tujuan mengambil alih kuasa dengan apa cara sekali pun hatta dengan kekerasan dan mencemar marwah dan nama negara tidak selaras dengan demokrasi yang diamalkan di negara ini. Tindakan setengah-setengah pihak yang terus menerus berusaha ini tidak kenal penat dan tempat sama ada di dalam atau di luar negara. Apa juga isu yang boleh dieksploit akan terus dipergunakan. Mereka ini adalah golongan yang sentiasa mengambil kesempatan, golongan yang menanggung di air keruh tanpa mengira apa kesan buruk yang menimpa negara sama ada dari segi perpaduan, ekonomi dan kestabilan Kerajaan. Mereka akan terus bertindak sama ada secara terbuka atau sulit.

Keadaan huru-hara yang timbul di dalam negara akan menjadi masa yang paling sesuai dan paling baik bagi tindakan-tindakan mereka. Mereka sanggup mengabaikan aturan dan peraturan. Tindak tanduk dan tingkah laku golongan ini sudah tentu menimbulkan dan membangkitkan perasaan ketakutan, tidak selamat, "prejudice", dengan izin, prasangka, tidak puas hati dan memberontak.

Inilah matlamat akhirnya. Siapakah yang lebih mengetahui tentang keadaan keselamatan dan kestabilan di dalam negara? Kerana kredibilitinya, pihak KDN dan Kerajaan sentiasa mempunyai rekod dan maklumat yang terang dan jelas mengenai segala perlakuan yang menyeleweng. Kerajaan tidak patut bertolak ansur kepada sesiapa juga yang dikenal pasti mengancam keselamatan orang ramai dan negara. Kerajaan akan lebih berdosa sekiranya membenarkan seseorang pengancam negara yang boleh melibatkan orang ramai yang tidak berdosa terancam. Kuasa Menteri, khasnya Menteri Dalam Negeri, tidak harus dipersoalkan kerana beliau adalah orang yang dipertanggungjawabkan secara mutlak. Kuasa Menteri yang dipertanggungjawabkan tidak patut dipertikaikan sama ada dari segi tindakannya atau kredibilitinya.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan Menteri yang bertanggungjawab adalah berdasarkan bukti yang jelas yang mana ada kalanya perlu menjadi rahsia Kerajaan. Oleh itu di dalam kes seperti ini wajarlah Menteri berkenaan menggunakan budibicaranya dan keputusannya yang tidak patut dipersoalkan. Biarlah kita wujudkan "Executive dictatorship", dengan izin, daripada kita biarkan "individualistic dictatorship", dengan izin. Sebenarnya tidak wujud "Executive dictatorship", dengan izin, yang wujud ialah "individualistic dictatorship dan autocratic" dengan izin, yang ingin memusnahkan negara.

Saya tetap mempertahankan segala tindakan "Executive", dengan izin yang mengambil kira kepentingan ramai bukan untuk kepentingan perseorangan. Apa juga yang diperkatakan tentang "Human Rights", dengan izin, seharusnya melihat dari segi "scenario", dengan izin, atau latar belakang masyarakat negara ini. Apakah kekejaman ada di

negara kita seperti di Afrika Selatan? Apakah ada kekejaman di negara kita seperti di China? Apakah ada kekejaman di negara kita seperti di Palestine? Dan adakah kita juga mahu ada kekejaman seperti yang berlaku di Lebanon?

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja hujah saya dan saya menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Kota Belud.

5.38 ptg.

**Tuan Maidom P. Pansai (Kota Belud):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut membincang ke atas usul mengenai Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya yang ada di hadapan kita di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya mahu bercakap sedikit sahaja tentang sesuatu perkara yang umum sahaja berkaitan dengan Akta ini. Sebenarnya saya sendiri memang bersetuju dan menyokong pindaan Akta ini dan saya tidak payah terangkan mengapa saya harus menyokong kerana penjelasan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah begitu komprehensif. Namun dalam pada ini saya juga ingin mengemukakan beberapa pandangan untuk diambil perkiraan di dalam penguatkuasaan pindaan Akta ini.

Akta ini haruslah digunakan terhadap sesiapa sahaja yang telah membuktikan bahawa ianya mengancam keselamatan negara. Dalam menghuraikan perkara ini biarlah saya menggunakan specific case di negeri Sabah sebagai contoh.

Sebagaimana yang kita ketahui bersama, bahawa pada sekitar awal tahun 1986 terdapat perarakan haram yang dilakukan oleh antara lainnya terdiri daripada para pemimpin politik sehingga menjadi satu rusuhan yang dahsyat bila para perusuh mengganas dengan membakar bangunan-bangunan menggunakan bahan letupan seperti bom di sana sini sehingga mengakibatkan beberapa orang yang tidak bersalah terkorban. Seluruh masyarakat dunia ini sependapat bahawa orang-orang berkenaan adalah amat berbahaya dan mengancam keselamatan dalam negeri terutama sekali negeri Sabah dan justru itu demi untuk keadilan, orang-orang berkenaan seharusnya dihukum di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri yang tidak boleh dikaji semula oleh Kehakiman seperti yang termaktub dalam seksyen 8B (1) dalam pindaan Akta ini.

Satu perkara lagi yang seharusnya dihukum di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri ini ialah rakyat asing yang masuk ke negeri ini secara haram seperti kebanyakan rakyat asing daripada Filipina yang masuk ke negeri Sabah secara haram kerana orang-orang ini adalah mengancam keselamatan dalam negeri. Ini telah pun terbukti bila mereka turut dalam rusuhan di negeri Sabah yang telah saya terangkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, demi untuk keadilan gunakanlah Akta ini demi untuk mengekalkan keselamatan negara dengan menggunakan dengan seadil-adilnya terhadap sesiapa sahaja tanpa mengira statusnya yang dianggap mengancam keselamatan negara seperti mereka yang telah terlibat dalam rusuhan yang saya nyatakan tadi serta para pendatang haram yang saya maksudkan. Saya rasa sebagaimana yang saya katakan awal tadi bahawa saya tidak bertujuan bercakap banyak, hanya saya rasa, setakat itu sahaja pandangan daripada saya dan saya

harap ianya akan dapat diambil perhatian positif ke arah pelaksanaannya demi untuk keadilan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Akta ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Kepong.

5.42 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam pindaan ke atas Akta Keselamatan Dalam Negeri yang ke-19 dan yang keduanya selepas Operasi Lalang.

Saya hendak menekankan di sini tidak seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Pagoh, penahanan pihak kami sebagai individu tidak penting. Dan juga daripada Yang Berhormat Kota Setar, perkara remeh temeh tahanan individu yang tertentu. Saya hendak menekankan di sini kalau tahanan saya, rakan-rakan saya, dan orang-orang lain boleh membawa negara ini lebih demokratik, boleh membawa negara ini lebih toleransi terhadap hak-hak perbantahan, the right of dissent, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, a more tolerant society and government towards the voice of dissent, I mean constitutional and lawful dissent. Saya . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, sekejap. Yang Berhormat dari Kota Setar.

**Dr Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan. Tadi kata Ahli dari Kepong bahawa penahanannya itu bukanlah satu perkara yang remeh temeh dan beliau mungkin menganggapkan bahawa sekiranya

beliau tidak ditahan maka soal-soal demokrasi yang disarankannya itu mungkin akan lebih terjamin tetapi tidakkah akan berlaku keadaan huru hara sekiranya Yang Berhormat dari Kepong itu tidak ditahan dalam Operasi Lalang serta rakan-rakannya daripada DAP dan sebagainya tidak ditahan dan dibenarkan untuk berkempen dan bermaharajalela untuk menghasut orang ramai supaya mencetuskan keadaan yang bercangah dengan ketenteraman awam.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, memang Yang Berhormat daripada Kota Setar, dia mempunyai sikap dan pendirian yang tertentu tetapi saya mengajak dia untuk membaca buku kami, "The first 60 days", selepas membaca itu, kita boleh bincangkan lagi sama ada penahanan kami mengancam keselamatan negara dan tadi Yang Berhormat dari Kota Setar dia belum dengar habis ucapan saya lagi, dia terus menganggap penahanan kami ini, saya menganggap penahan saya lebih penting daripada keselamatan negara, itu bukan. Saya boleh ditahan, dan rakan-rakan boleh ditahan dan banyak orang lagi boleh ditahan. Kalau tahanan kami boleh membawa negara ini lebih demokratik dan boleh membawa toleransi ke atas hak-hak perbantahan, jadi saya setuju ditahan. Itu penting. Saya berharap Yang Berhormat dari Kota Setar boleh mempertimbangkan perkara seperti ini dengan sedalam-dalamnya sebab kalau lain kali Yang Berhormat sendiri ditahan, Yang Berhormat pun hendak mengetahui mengapa ditahan sama ada ini akan membawa manfaat kepada negara.

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong mengaku seolah-olah beliau tidak mengetahui kenapa dia ditahan dan saya percaya pengakuan ini tidak benar kerana sewaktu penahanan, tuduhan-tuduhan dan juga

apa yang dikatakan allegation oleh pihak polis telah pun dikemukakan padanya dan saya percaya bahawa ini adalah satu cakapan politik sahaja.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, ini bukan cakapan politik sahaja. Cakapan ke atas fakta-fakta yang tertentu. Jadi, kita tidak bolehlah seperti sikap Yang Berhormat dari Pagoh yang mengatakan siapa yang lebih mengetahui, siapa yang lebih mengetahui selain daripada Kerajaan. Itu bukan satu sikap yang betul kerana Yang Berhormat dari Pagoh dan setengah-setengah pihak Kerajaan yang menganggap mereka sendiri lebih mengetahui daripada Tuhan. Itu tidak boleh. Tuhan yang maha mengetahui, bukan segolongan orang, segelintir orang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sekejap Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Sungai Petani.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih, kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

Tidakkah Yang Berhormat terfikir bahawa Kerajaan ada mempunyai Jabatannya sendiri malah ada Kementerian Dalam Negeri yang menjaga hal ehwal keamanan di dalam negara ini bagi menjaga keamanan itu terpaksa pihak Kerajaan atau Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan pegawai-pegawai keselamatannya menjaga, menjadi mata telinga kepada Kerajaan dan sebab itu Kerajaan mengetahui segala gerak geri yang berlaku di dalam negara kita dan mengambil tindakan yang selaras dan sepatut dengan maklumat-maklumat yang diterima. Cuma tentulah bagi satu pihak mengatakan bahawa buat setakat itu tidak mengapa, tetapi pada pandangan pihak keselamatan tentu merasakan perbuatan yang seumpama itu sudah

melebihi daripada kadar yang sepatutnya dan saya rasa Yang Berhormat juga setuju keadaan sekarang ini adalah berubah kesan daripada tarbiah Islamiah yang berjalan di dalam Kemunting. Jadi, keadaan sekarang ini agak berubah, kalau kita lihat dalam Parlimen ini pun tingkah laku, adab sopan adalah lebih baik daripada dahulu, daripada bulan Oktober tahun 1987 dahulu. Terima kasih.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, itu pendapat Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat menyetujui bahawa Tuhanlah yang lebih mengetahui, jadi kita meminta pihak Kerajaan pertimbangkan semula memberikan pihak yang ketiga, Kehakiman, untuk mengkaji sama ada tahanan itu adil ataupun tidak. Hari ini saya menganggap pindaan ini merupakan satu lagi usaha untuk menjejaskan pengasingan kuasa, untuk menjejaskan kuasa Kehakiman.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1955 lagi manifesto Perikatan pun membantah dengan sekeras-kerasnya the Emergency Regulations. Sejurus selepas Perikatan menang, Peraturan-peraturan Darurat tersebut telah diganti dengan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat di dalam pindaan yang ke 19 ini, sekali lagi pihak Kerajaan tidak begitu wajar untuk menguruskan hal seperti tahanan politik di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sama seperti pindaan yang dibuat ke atas Ordinan Darurat dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, Rang Undang-undang ini juga bertujuan menghalang kajian semula Kehakiman ke atas tindakan Yang di-Pertuan Agong atau Menteri di bawah Akta Keselamatan Negeri 1960. Ia bermakna mereka yang ditahan di

bawah Akta tersebut tidak lagi berpeluang mendapat keadilan mahkamah melalui "Writ of Habeas Corpus".

Tuan Yang di-Pertua, pada 8hb Julai . . . . .

**Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta sedikit penjelasan. Berkaitan dengan pindaan ini, walaupun Menteri berkenaan tidak perlu bertanggungjawab di dalam Mahkamah, pendapat saya bahawa Menteri itu pasti bertanggungjawab di dalam Parlimen dan di Parlimen ini kita ada Wakil-wakil Rakyat yang berjuang untuk rakyat. Bolehkah Wakil Rakyat persoalkan terhadap perkara ini?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini adalah diminta untuk meluluskan pindaan ke atas Rang Undang-undang ini dan pihak kami hendaklah mempertahankan hak-hak rakyat dan saya pun tidak tahulah Yang Berhormat seorang peguam, dengan consciencinya boleh terima pindaan seperti ini. Nampaknya pihak MCA menyokong dengan 100% pindaan seperti ini. (*Tepuk*)

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Lee Kim Sai):** Pendirian MCA atas menyokong pindaan ini ialah MCA suka menyokong sebarang usaha untuk mempertahankan keselamatan nyawa orang ramai kerana mempertahankan keselamatan nyawa orang ramai itu lebih penting daripada diberi kebebasan untuk individu. (*Tepuk*)

**Tuan Lim Kit Siang:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, nanti. Beri peluang kepada Yang Berhormat dari Kepong menjawab dulu.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, kalau sikap Yang Berhormat Menteri—sekarang dengan round of musical chairs dia sudah ditukar . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Perumahan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Perumahan dan Kerajaan Tempatan sekarang. Kalau sikap itu yang jujur, maka pada Oktober 1987 beliau tidak patutlah tinggalkan negara ini! (*Tepuk*)

**Tuan Lau Dak Kee (Pasir Pinji):** Malu, malu! Naik kapal terbang pergi ke Australia, malu!

**Tuan Lim Kit Siang:** Point ini hanya penjelasan bahawa sungguhpun selepas pindaan ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak akan bertanggungjawab kepada Mahkamah tetapi akan bertanggungjawab kepada Parlimen. Bukankah ini satu percakapan sampah, rubbish! (*Tepuk*) Oleh keran daripada amalan yang ada dalam Dewan yang mulia ini, Kementerian Dalam Negeri baikpun Menteri atau Timbalan Menteri tidak sanggup, tidak rela memberi butir-butir, nama-nama, apa fakta-fakta tuduhan pun tidak mahu beri dalam Dewan yang mulia ini. Inilah amalan Kementerian Dalam Negeri dan sebab itu langsung tidak ada accountability. Dan bukankah benar lagi Yang Berhormat dari Kepong bahawa apabila Yang Berhormat bekas Menteri Buruh kata bahawa MCA sokong apa yang baik, dia boleh sokong di sini, hari ini sokong, besok boleh lari, lari ke Australia (*Tepuk*) seperti pada bulan Oktober 1987. Apa sokongan ini?

**Tuan Lee Kim Sai:** (*Menyampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Dan adakah benar bahawa Yang Berhormat bekas Menteri Buruh lari oleh kerana dia ada tuduh daripada UMNO?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat . . . . .

**Tuan Lee Kim Sai:** Bolehkah minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab penjelasan Yang Berhormat dari Kepong?

**Tuan Lim Kit Siang:** Dia tunggu, saya berucap dulu, sekarang . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Kepong dulu.

**Tuan Hu Sepang:** Lari pergi ke Australia, coward!

**Tuan Lee Kim Sai:** Penjelasan saya ialah masa saya bercuti di Australia (*Disampuk*) . . . . .minta sabar, tidak ada kena mengena dengan pindaan Rang Undang-undang hari ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Lari oleh kerana ISA, mahu tangkap, itu ISA! Itu ada sangkut-paut. (*Disampuk*)

**Tuan Lee Kim Sai:** Tidak ada kena mengena dengan "Operasi Lalang" masa itu.

**Perdana Menteri:** Saya mohon menjelaskan bahawa semasa "Operasi Lalang" diadakan, tidak ada sebarang dakwaan oleh pihak Polis kepada saya bahawa Encik Lee Kim Sai perlu dimasukkan ke dalam tahanan. Jadi tidaklah benar apa yang dikatakan oleh pihak Pembangkang ini. (*Tepuk*)

**Seorang Ahli:** Bullshit!

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta perkataan "bullshit" itu nampaknya unparliamentary, kalau boleh tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Betul, siapa yang kata itu?

**Perdana Menteri:** Tak berani pun hendak mengaku, bila sudah kata, mengakulah, sebab malu.

**Tuan Hu Sepang (Rasah):** Saya tarik balik perkataan "bullshit" itu. (*Ketawa*)

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Nanti, Yang Berhormat dari Tanjong, duduk! Ini sudah tidak teratur. Sekarang Yang Berhormat dari Kepong, sila teruskan. Ini bukan dialog, ini ucapan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, memang kalau ada orang-orang yang minta penjelasan, memang ada membangkitkan minat orang lain untuk menjawab dan sebagainya. Itu memang human nature . . . . .

**Tuan Hu Sepang:** Kepong, hello!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Rasah, dia belum berucap, nanti dahulu.

**Tuan Hu Sepang:** Saya minta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Macam mana boleh, dia belum berucap.

**Tuan Hu Sepang:** Dia sudah berucap.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak, duduk dahulu. Teruskan, Yang Berhormat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan itu pada pendapat saya tidak begitu wajar kerana walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan

pemergian beliau ke Australia dan sebagainya tidak kena mengena dengan “Operasi Lalang” tetapi kalau kita menganalisis krisis yang wujud masa itu, kita berpendapat Yang Berhormat tidak patutlah keluar dari negeri ini.

**Tuan Lee Kim Sai:** (*Bangun*)

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Nanti, Yang Berhormat, dia dulu.

**Tuan Lee Kim Sai:** Saya berdiri dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Dia minta penjelasan.

**Tuan Lee Kim Sai:** Saya berdiri dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Nanti dahulu.

**Tuan Lee Kim Sai:** Kalau mahu, boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukankah benar atas perkara ini, sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata bahawa tidak ada nasihat daripada pihak Polis mahu menangkap Yang Berhormat Menteri Buruh, tetapi beliau sudah lari dan beliau sendiri ada kata bahawa beliau mahu balik, tetapi tidak diberi kebenaran untuk balik ke Malaysia. (*Tepuk*) Orang atasan ialah mungkin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, atau ada orang yang mempunyai mahakuasa, lebih kuasa daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya tidak tahu, tetapi Yang Berhormat Menteri Buruh sendiri berkata apabila beliau lari ke Australia, sangat susah mahu tidur di atas katil dan beliau mahu balik dan minta kebenaran, tetapi tidak dibenarkan

untuk balik. Siapa dia itu, bukan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dia tidak tahu siapa itu, ada hantu, “hantu” tidak benarkan dia balik. (*Tepuk*)

**Tuan Lee Kim Sai:** Kalau dikatakan masa saya bercuti itu mengikut analysis parti DAP ada berkaitan dengan “Operasi Lalang”, tetapi yang sebenarnya . . . . (*Disampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, dalam dahulu!

**Tuan Lee Kim Sai:** Kalau begini tabiat Ahli-ahli Parlimen dari DAP ini, saya minta Tuan Yang di-Pertua disiplinkan dahulu. Kalau sudah disiplin, saya akan jawab.

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Macam mana ini Yang Berhormat dari Pasir Pinji?

**Tuan Lau Dak Kee:** Saya tidak sebut apa-apa.

**Tuan Lee Kim Sai:** Saya jawab. Kalau analysis DAP itu sendiri, saya tidak mahu memberi apa-apa penjelasan selanjutnya, tetapi kalau dikatakan masa saya bercuti di Australia dan kemudian di Beijing, China, ada berkaitan dengan “Operasi Lalang”, itu satu dakwaan yang tidak berasas. Jadi, saya pernah menyatakan ketika diadakan kempen pilihanraya kecil Bentung berkaitan dengan perjalanan saya ke luar negeri, kebetulan operasi lalang itu dijalankan, saya ada minta nasihat daripada Presiden MCA, kerana adanya “Operasi Lalang” berlaku di tanahair atau di negara kita, saya suka pendekkan cuti saya untuk balik.

**Beberapa Ahli:** Bohong!

**Tuan Lee Kim Sai:** Tetapi nasihat diberi oleh Presiden MCA dan parti MCA didapati saya boleh bercuti lebih panjang sedikit.

**Tuan Hu Sepang:** Pembohong besar!

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak mahu masuk Kemunting, bukan?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Kepong teruskan.

**Tuan Lee Kim Sai:** Penjelasan. Masuk Kemunting atau tidak masuk Kemunting saya rasa itu bukan hak untuk Ahli-ahli parti DAP. Sebarang rakyat rasa saya termasuk Wakil Rakyat Opposition dan Parti Pemerintah termasuk UMNO, MCA dan GERAKAN kalau, didapati individual itu kerana kelakuannya, kerana perbuatannya, kerana sub-versifnya . . . . .

**Beberapa Ahli:** Boo!

**Tuan Lee Kim Sai:** Macam mana ini? . . . . didapati akan mengancam keselamatan negara, rasa saya seseorang itu harus menghadapi tindakan keselamatan.

**Tuan Hu Sepang:** Lagi banyak bohong!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Rasah, jangan cakap begitu.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan memang logiknya tidak begitu munasabah dan memanglah apa sahaja boleh didakwakan, apa sahaja boleh dijustifikasikan, tetapi keadaan yang sebenarnya, waktu itu negara ini mengalami satu keadaan ketegangan kaum dan sebagainya, jadi tidak patutlah kita tinggalkan negara ini.

**Tuan Hu Sepang:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Rasah bangun.

**Tuan Hu Sepang:** Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Kepong. Saya ingin tahu adakah

beliau masih ingat buat masa pilihanraya kecil Ampang Jaya, bekas Menteri Buruh dan sekarang Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, masa depan tidak tahu jadi Menteri apa, pernah berkata, buat masa itu apabila "Operasi Lalang" dilancarkan beliau lari ke Australia dengan menukar syarat kepada pihak UMNO supaya rapat umum raksasa UMNO pada 1hb November di Stadium Merdeka itu dibatalkan. Saya ingin hendak tanya Ahli Yang Berhormat dari Kepong masih ingat lagi, kalau masih ingat, adakah ini bermakna Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sekarang pendusta, pembohong, pembohong besar dalam seluruh dunia ini, terbesar sekali?

**Tuan Lee Kim Sai:** Kalau mengikut. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari. . . . .

**Tuan Hu Sepang:** Duduklah, belum jawab lagi, pergi Australia cakaplah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Rasah, saya beri amaran jangan berlaku begitu.

**Dr Tan Seng Giaw:** Memanglah kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan itu berbeza dari masa ke semasa. (*Tepuk*) jadi, sabarlah Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya akan habiskan ucapan saya kerana nampaknya Yang Amat Berhormat sedang menunggu apakah isi ucapan saya.

Pada 8hb Julai, 1988 pindaan juga dibuat ke atas ketiga-tiga Akta tersebut yang mengandungi fasal "Ouster" dan fasal "Validation" yang mengesahkan semua perintah tahanan, sungguhpun perintah itu mempunyai kecacatan yang besar, akibatnya dasar-dasar bagi mendapatkan keadilan Mahkamah melalui "Writ of Habeas Corpus"

dikurangkan kecuali atas dasar penahanan. Kini pindaan langsung mematickan pula peluang terakhir ini dengan menghalang kajian semula kehakiman ke atas tahanan di bawah Akta Ordinan melalui "Writ of Habeas Corpus". Alangkah kejinya Perbuatan Eksekutif menggondolkan kekuasaan Mahkamah untuk mengadili serta mempersoalkan kewarasan, ia bertindak menggunakan Akta Ordinan berkenaan. Jika pindaan pada 8hb Julai, 1988 lalu mencabuli hak-hak asasi manusia khususnya kebebasan individu di dalam Perkara 5, Fasal (1) dan (2) Perlembagaan, Perkara 9 dan Perkara 10, Deklarasi Hak-hak Manusia sejagat serta bertentangan dengan proses keadilan semula jadi (natural justice) dan mencerobohi kebebasan Mahkamah untuk membicarakan dalam kes-kes berkenaan. Maka pindaan sekarang adalah berlipat kali ganda dalam keanasannya merampas hak manusia untuk menerima pengadilan Mahkamah, keluhuran Perlembagaan dan pencacian kebolehan serta kebebasan badan Kehakiman bertindak dengan waras dan arif dalam perbicaraan kes-kes ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat hendaklah berfikir dari sudut yang lain daripada yang difikirkan sebelum ini. Iaitu kalau kita tidak membenarkan Mahkamah untuk membuat keputusan sama ada tahanan itu adil atau tidak ada, jadi satu peluang lagi untuk menegakkan keadilan sudah hilang walaupun Yang Amat Berhormat mungkin mempunyai sebab musabab yang tertentu. Tetapi pada mulanya saya hendak kutip pendapat Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman yang mengatakan bahawa semasa beliau persetujuan untuk mengadakan Akta Keselamatan Dalam Negeri pada tahun 1960, Tunku menyatakan bahawa, "My Cabinet colleagues and I gave a solemn promise to Parliament and the nation that the

immense powers given to the Government under the ISA 1960 would never be used to stifle legitimate opposition and silence lawful dissent". Tetapi setakat ini bukan sahaja digunakan untuk men"silence"kan lawful dissent bahkan juga hendak pindakan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, yang mengharukan ialah seperti yang diucapkan oleh saya dalam perbahasan Rang Undang-undang meminda Ordinan Darurat tadi. Pindaan-pindaan ini juga berlebihan sahaja. Cendekiawan perundangan serta hakim-hakim dan peguam dapat memberitahu pihak Eksekutif kenyataan bahawa mahkamah Malaysia selalunya mengamalkan pendekatan "strict positivist" dan "deterral", dengan izin semasa mentafsirkan Perlembagaan, termasuk Fasal-fasal yang melibatkan hak-hak asasi manusia sehingga kesan keseluruhan ialah Fasal-fasal tersebut kurang berkesan mengawal kekuasaan Eksekutif mahupun Perundangan. Pendekatan sedemikian mengasaskan kajian semula Kehakiman kepada dasar bahawa seseorang hakim itu tidak mewujudkan undang-undang tetapi mengisytiharkan ia sahaja. Tindakan mentafsirkan Perlembagaan menonjol dasar mengguna prinsip umum sama seperti yang diguna dalam tafsiran Enakmen perundangan biasa.

Tuan Yang di-Pertua, perihal tahanan pencegahan Perkara 151 Perlembagaan Malaysia, Mahkamah Agung Malaysia selama ini kurang menunjukkan kecenderungan untuk menggunakan kekuasaan kajian semula Kehakiman semasa membicarakan kes-kes tersebut. Satu hujah yang diguna oleh mahkamah bagi tujuan ini adalah Perkara 51 dalam Perlembagaan Malaysia tidak menyebut tentang tatacara, maka di Malaysia ianya tidak perlu untuk mengikut dengan tegas prosedur seperti yang ditetapkan atau dikehendaki oleh undang-undang

dalam hal mengambil nyawa atau melucutkan kebebasan individu. Ini jelas ditunjukkan dalam keputusan mahkamah dalam kes Karam Singh versus Menteri Hal Dalam Negeri Malaysia di mana Tun Suffian, Hakim yang mengadili kes tersebut menyatakan, "Budibicara sama ada perayu patut ditahan atau tidak adalah terletak di tangan Yang di-Pertuan Agong yang bertindak mengikut nasihat Kabinet. Pemerintah mempunyai budibicara penuh dan bukanlah untuk mahkamah undang-undang mempersoalkan kecukupan atau kaitan pengataan fakta ini". Di bawah keadaan tersedia kala, pihak Eksekutif sudah pun berkuasa sekali, lebih-lebih lagi dengan majoriti  $\frac{2}{3}$  parti pemerintah di dalam Dewan yang mulia ini. Dengan pindaan yang dibuat, maka kekuasaan Eksekutif bertambah-tambah lagi dan mirip kepada pemerintahan berbentuk "authoritarianisme".

Sebenarnya pindaan tidak diperlukan kerana sistem mahkamah negara secara tidak rasminya mengakui hakikat tahanan pencegahan di bawah Akta ini sukar sekali dicabar oleh badan Kehakiman. Pindaan ini ialah perundangan yang "regressive", dengan izin. Kajian semula Kehakiman sebenarnya mempunyai dua fungsi utama, iaitu mengesahkan kuasa dan tindakan Kerajaan dengan mengesyorkan ia sah diperlakukan dan melindungi Perlembagaan daripada pencerobohan semena-menanya dan berlebihan oleh Kerajaan. Menghapuskan kajian semula Kehakiman sama dengan mengharamkan pelaksanaan kedua-dua fungsi badan Kehakiman ini.

Dalam negara yang mengikut demokrasi berparlimen dengan sistem Persekutuan (Federal system), badan kehakiman yang benar-benar bebas dan objektif diperlu sebagai penghantar di antara pemerintahan Pusat dengan Negeri-negeri dan

melindungi hak-hak rakyat dari dicerobohi berlebihan oleh mana-mana organ Kerajaan Negeri atau Pusat. Kewujudan sebuah badan Kehakiman amat mustahak terutama sekali apabila badan Perundangan dan Eksekutif adalah dipengaruhi oleh politik serta didorong bertindak dan committed kepada dasar-dasar dan rancangan-rancangan tertentu yang mereka ingin melaksanakan seperti yang berlaku sekarang. Mereka tidak boleh diberi walau secebis kecil pun keluasaan yang muktamad menafsirkan Perlembagaan Negara dan seterusnya kajian semula kehakiman.

Jika kekuasaan muktamad mentafsir Perlembagaan, termasuk kajian semula Kehakiman jatuh kepada pihak Eksekutif, maka Perlembagaan Negara dan seterusnya undang-undang menjadi alat permainan parti pemerintah. Jadi inilah satu faktor yang perlu dikaji oleh Yang Amat Berhormat kerana undang-undang inilah sekarang dijadikan sebagai alat permainan parti pemerintah. Badan Kehakiman pula menjadi boneka sahaja. Badan Kehakimanlah yang paling layak sekali untuk menentukan sama ada sesuatu tahanan pencegahan itu berunsur politik atau perundangan. Sebaik-baiknya badan ini harus mengikut alunan pergolakan masyarakat menjadi lebih kreatif dan liberal supaya semangat demokrasi berparlimen sebenar-benarnya berkobar-kobar di dalamnya. Secara terus terang Kerajaan telah menunjukkan kekurangan kepercayaannya terhadap kebolehan badan Kehakiman untuk menjalankan kajian semula Kehakiman dengan waras dan arif mengikut peraturan undang-undang.

Saya tidak menyokong pindaan ini kerana saya tidak mempercayai bahawa pindaan ini adalah perlu untuk mengawasi keselamatan negeri. Di sini saya dapat tahu berbagai perutusan

diterima oleh pihak kami, seperti Persekutuan Kristian Malaysia sekarang yang membantah keras dengan pindaan kepada Akta Keselamatan Dalam Negeri dan Akta-akta yang lain yang menidakkan serta membatalkan kuasa mahkamah untuk mempersoalkan perintah tahanan serta perintah lain yang dikeluarkan oleh Kerajaan. PKM (Persekutuan Kristian Malaysia) ini meminta semua Yang Berhormat membuang undi bantahan terhadap pindaan dan saya pun berharaplah semua. . . . .

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat dari Kepong mengatakan dia menerima bantahan daripada pihak PKM berkenaan dengan undang-undang ini. Jadi saya ingin bertanya sama ada pihak PKM membuat bantahan atas suruhan daripada pihak DAP?

**Dr Tan Seng Giaw:** Itu bantahan secara spontan, tidak kena-mengena dengan DAP sebab mereka tahu DAPlah yang dapat mengutarakan suaranya. (*Tepuk*)

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Tuan Yang di-Pertua, katanya DAPlah yang dapat mengutarakan suara rakyat. Adalah ini bermakna sebab itulah DAP tidak dapat memerintah pada masa ini?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, rationalenya, tak akulannya tidak begitu tepat di sini, balik untuk berfikir dengan masak-masak lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Sungai Petani.

6.20 ptg.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai Petani):** Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong suatu

Akta untuk meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri (1960) dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Saya menyokong dengan kuatnya di atas saranan-saranan dan cadangan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekejap tadi.

Tuan Yang di-Pertua, semua orang yang hidup di dalam dunia ini memerlukan kepada keamanan. Keamanan di dalam sesebuah negara samalah dengan seseorang yang sehat. Apabila negara tidak aman samalah dengan seorang yang tidak sehat yang mendapat sakit. Jadi, menjadi kewajipan kepada mana-mana Kerajaan pun bukan sahaja Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah pada hari ini barangkali mungkin sekiranya parti DAP berpeluang memerintah di negara ini pun pihak parti DAP akan mengadakan Akta dan undang-undang seperti ini malah lebih lagi daripada Akta yang ada di hadapan kita ini, mungkin lebih teruk lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya sebutkan tadi bahawa negara perlukan kepada keamanan, dengan sebab itu menjadi kewajipan kepada Kerajaan untuk mencegah apa sahaja punca-punca yang akan membawa kepada pergaduhan, perpecahan dan pertelingkahan yang membawakan pertumpahan darah di antara rakyat jelata. Kita harus ingat bahawa di negara kita ini bukanlah seperti di negara-negara yang lain, kita mempunyai berbagai-bagai keturunan, kita mempunyai berbagai-bagai fahaman dan pegangan agama, kita mempunyai berbagai-bagai cara hidup dan tradisi masing-masing. Jadi, tiap-tiap kumpulan, tiap-tiap kaum, tiap-tiap keturunan perlu dan patut melihat setakat mana yang patut dilakukan dan setakat mana yang tidak patut dilakukan. Kelakuan-kelakuan

ini yang menimbulkan kesusahan dan menimbulkan kacau-bilau adalah timbul daripada ucapan-ucapan, timbul daripada perkataan-perkataan yang diucapkan sama ada di dalam majlis-majlis rasmi, di dalam perjumpaan-perjumpaan tertentu ataupun percakapan-percakapan di kedai kopi, kadang-kadang kita boleh lihat dengan nyata dan jelas di dalam ucapan-ucapan di majlis-majlis yang terbuka tetapi kadang-kadang kita akan dapat melihat kata-kata kesat, kata-kata yang menyakitkan hati satu-satu kaum yang lain di tempat-tempat yang tersembunyi tetapi dapat didengar.

Umpamanya di Coffee House atau di kedai-kedai kopi maka keadaan-keadaan. . . .

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Pasir Pinji bangun, minta penjelasan.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin ucapan Yang Berhormat tadi itu disebutkan di kedai-kedai kopi atau di Coffee House dikatakan mengeluarkan perkataan yang menghasut tetapi di Dewan yang mulia ini juga bukan sudah lama, semalam sahaja ada Ahli-ahli di-Dewan yang mulia ini bukan hanya menggunakan mulutnya tetapi menunjukkan aksinya juga. Dikatakan kalau dia tidak sempat untuk mengeluarkan suaranya, dia akan gunakan "ini". Kalau tidak dapat gunakan "ini" dia gunakan "ini". Benar, pernah berlaku di Dewan yang mulia ini, saya minta penjelasan. Siapa yang membawa perkara-perkara hasutan?

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, hasutan lawannya hasutan. Masalahnya siapa yang mula menghasut. Siapa yang mula mengeluarkan perkataan-perkataan yang tidak menyenangkan satu

kumpulan yang lain. Sekiranya satu kumpulan atau seseorang itu tidak memulakan dengan perkataan-perkataan yang kurang menyenangkan hati bagi satu pihak yang lain, tentulah seorang yang lain itu tidak mengeluarkan perkataan-perkataan yang seumpama itu. Jadi, apa yang mustahak yang saya hendak sebutkan di sini iaitu orang yang memulakan bagi sesuatu peristiwa sehingga timbul ancaman di negara kita ini. Itu persoalannya.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menjadi kewajipan untuk membendung apa jua bermula daripada perkara yang kecil supaya jangan merebak lebih besar. Saya mengambil contoh kepada Operasi Lalang yang lalu kalau itu menjadi suara, kalau itu menjadi isu yang diperbincangkan di dalam Dewan ini hingga menjadi hangat, tidakkah kita semua sedar bahawa kerusi dan meja, alat-alat di dalam Dewan ini menjadi saksi bahawa ada sekumpulan Ahli-ahli di dalam Dewan ini telah cuba membangkitkan perasaan-perasaan sehingga kadang-kadang timbul pertengkaran yang begitu hangat sekali. Daripada punca-punca di dalam dewan ini yang disekat yang ada mempunyai sekatan bahawa tiap-tiap Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini tidak boleh mengeluarkan perkataan-perkataan yang tidak bersopan pun dapat digunakan dengan berbagai-bagai cara timbulnya semangat-semangat atau menimbulkan semangat dan perasaan bermalah-marah di antara satu sama lain. Dan saya amat bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana Operasi Lalang telah membawa kesedaran kepada kita semua kerana kita sedar, kita harus mengaku dan sedar bahawa di dalam Operasi Lalang, bukanlah yang ditahan itu dari kumpulan Pembangkang sahaja tetapi daripada kumpulan-kumpulan yang lain, bukan sahaja daripada ahli-ahli politik tetapi juga merangkumi di dalam kumpulan-kumpulan yang lain juga, jadi dengan

jelas menunjukkan bahawa Operasi Lallang bukanlah bertujuan untuk. . . .

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Pasir Pinji.

**Tuan Lau Dak Kee:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, saya rasa tidak ada masa lagi, saya pun sudah lupa, tidak boleh Yang Berhormat.

**Tuan Lau Dak Kee:** Jelaskan dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Esok. Yang Berhormat boleh sambung esok.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Ya, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Siapa yang mencadangkan Usul Penangguhan?

## USUL

### PENANGGUHAN MESYUARAT

6.30 ptg.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Lee Kim Sai):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 16 (3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Menteri Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, usul atas nama Yang

Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mencadangkan:

Bahawa mengikut Peruntukan Peraturan Mesyuarat 16 (3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peruntukan Peraturan Mesyuarat 16 (3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

## UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

### TRIBUNAL HARGA ADIL— PENUBUHAN

6.32 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):** Tuan Yang di-Pertua, kenaikan kos sara hidup ialah satu bidang yang amat diambil berat oleh rakyat Malaysia terutama mereka dalam golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Tidak lama dahulu Yang Amat Berhormat Menteri Penerangan dilaporkan berkata bahawa Kabinet diminta supaya mengambil tindakan-tindakan untuk mengawasi kos sara hidup tinggi di Johor Bahru. Bagaimanapun adalah perlu dijelaskan di sini bahawa kos sara hidup yang tinggi tidak sahaja wujud di Johor Bahru tetapi di seluruh negara terutamanya dalam kawasan-kawasan bandar.

Menurut bancian rambang yang dijalankan baru-baru ini di Kuala Lumpur oleh Persatuan Pengguna Selangor serta juga Persatuan Pengguna lain dalam bandar besar yang lain di Semenanjung Malaysia adalah didapati harga-harga dinaikkan untuk barang-barang bukan kawalan. Malah harga-harga barang-barang perlu juga melambung naik. Ini

membangkitkan reaksi Yang Berhormat Menteri Pertanian untuk menyatakan Kerajaan akan menggalakkan pengimportan setengah-setengah keluaran pertanian dari pembekal-pembekal bukan tradisional untuk membantu mengatasi masalah kenaikan harga yang tidak menasabah. Barang-barang seperti bawang merah, bawang putih, cili kering dan halia sekarang diimport dari pembekal-pembekal lama.

Menurut Yang Berhormat Menteri, Kerajaan akan menimbangkan untuk mengimport barang-barang ini dari pembekal atau penjual bukan tradisional. Kabinet sepatutnya berasa bimbang terhadap masalah kos sara hidup dan kenaikan harga barang-barang dan melihat masalah ini secara meluas dan bukan hanya mengatasi masalah yang dialami oleh penduduk-penduduk di Johor Bahru dan dianggap ini sebagai satu kes yang berasingan.

Kenaikan kos sara hidup menjadi satu masalah serius bagi golongan berpendapatan rendah. Malah golongan berpendapatan sederhana dalam kawasan bandar menghadapi kesusahan untuk menampung sara hidup mereka. Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian dilaporkan pernah menggesa para pengguna supaya memboikot barang-barang yang harganya tidak munasabah. Beliau juga menggesa supaya memboikot peniaga-peniaga yang terlalu mementingkan keuntungan semata-mata. Seruan supaya mengadakan boikot adalah bukan penyelesaian kepada masalah terutama apabila barang-barang ini terjejas oleh kenaikan harga yang tidak menasabah termasuk barang-barang yang perlu. Banyak tindakan pemboikotan pada masa lalu telah gagal dan apabila tatkala ini harga barang-barang naik yang melibatkan harga-harga barang-barang yang perlu, seseorang tentu

berasa hairan sama ada pemboikotan ini akan mendatangkan hasil. Masanya telah tiba bagi pengguna dan Kerajaan supaya merangka strategi-strategi untuk melawan kenaikan harga yang tidak munasabah dan melindungi orang ramai dari menjadi mangsa peniaga-peniaga yang terlalu mementingkan keuntungan.

Pada masa ini tidak ada undang-undang dan peraturan tertentu untuk menghapuskan sikap mementingkan keuntungan yang mana telah diakui sendiri oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Saya sedar bahawa terdapat Akta Kawalan Harga untuk mengawal kenaikan harga yang tidak menasabah bagi barang-barang perlu. Akan tetapi saya nampak ini adalah tidak berkesan. Apa yang diperlukan segera ialah perlunya ditubuhkan sebuah Tribunal Harga Adil yang diketuai oleh seorang bekas Hakim Mahkamah Tinggi dengan dibekalkan kuasa-kuasa untuk membuat peraturan, kawalan dan penyeliaan jualan dan menentukan harga jualan semua barang-barang perlu. Mana-mana orang yang merasa tidak setuju dengan mana-mana harga yang tidak adil untuk barang-barang perlu boleh merujukkan aduan kepada Tribunal untuk siasatan dan pembetulan. Perwakilan dalam Tribunal patutlah datang dari badan-badan pengguna, Kesatuan Sekerja, pengeluar-pengeluar dan Kerajaan. Ini pada fahaman saya bahawa Kerajaan memberikan keutamaan yang sangat rendah kepada perlindungan pengguna di bawah dasar Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Banyak yang boleh dilakukan bagi para pengguna dalam negara ini selain dari menubuhkan sebuah Tribunal Harga Adil.

Sebagai contoh, Kerajaan patut memperkenalkan sesuatu Akta Perlindungan Pengguna untuk

menggariskan peraturan bagi perlindungan pengguna dan hal ehwal pengguna selain dari mempunyai terlalu banyak undang-undang sedikit sana, sedikit sini ataupun in a peace meal manner, dengan izin, di bawah pelbagai Kementerian. Majlis Penasihat Kebangsaan bagi Perlindungan Pengguna patutlah dipindahkan dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ke Jabatan Perdana Menteri supaya ia lebih menyengat lagi ataupun have more bite, dengan izin.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Satu minit lagi.

**Tuan Lee Lam Thye:** Saya pernah berkata sebelum ini bahawa meletakkan Majlis di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, pada fikiran saya ialah satu pertentangan kepentingan kerana Kementerian berkenaan mempunyai objektif-objektif utamanya bagi menggalakkan perdagangan dan pelaburan.

Akhirnya saya ingin mencadangkan bahawa perkataan "penasihat" patutlah dihapuskan dari NPKPP bagi membolehkan Majlis memainkan satu peranan yang lebih berkesan dan bermakna untuk melindungi sepenuhnya kepentingan para pengguna dan bukan setakat sebuah badan penasihat membawa majlis di bawah Jabatan Perdana Menteri ialah langkah pertama yang perlu diambil jika Kerajaan serius untuk memelihara kepentingan pengguna. Kita sepatutnya pada akhir mempunyai sebuah Kementerian Hal Ehwal Pengguna yang berasingan seperti banyak negara yang lain telah lakukan bagi mengawasi sepenuhnya hal ehwal pengguna. Sekian, terima kasih.

6.38 ptg.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat):** Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan

ekonomi yang diamalkan di negara sekarang harga sesuatu barang biasanya ditentukan oleh penawaran dan permintaan di samping faktor-faktor lain seperti kenaikan kos pengeluaran, perubahan kadar pertukaran matawang asing dan sebagainya. Keadaan ini adalah amat berseesuaian dengan sistem perdagangan bebas di negara yang mana campur tangan Kerajaan untuk menentukan bekalan dan harga sesuatu barangan berada di tahap yang minimum.

Walaupun negara kita mengamalkan sistem perdagangan bebas bagi tujuan menentukan bekalan barang-barang perlu mencukupi untuk kegunaan pengguna dalam setiap keadaan, beberapa barangan telah diisytiharkan sebagai barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Kerajaan berpendapat bahawa dengan sentiasa wujudnya bekalan barang-barang berkenaan di pasaran maka dengan secara automatik harga barang-barang ini akan menjadi stabil dan kalau ada pun berlaku kenaikan harga, ianya adalah pada tahap yang berpatutan dan tidak memberikan bebanan yang berat kepada pengguna.

Kerajaan juga sentiasa berusaha untuk menentukan harga barangan di pasaran sentiasa berada di satu tahap yang tidak membebaskan. Sistem mengawasi harga beberapa barang keperluan di negara berjalan dengan berkesan. Ini adalah berdasarkan kepada fakta bahawa harga runcit barang-barang seperti gula, tepung gandum, minyak petrol dan lain-lainnya pada masa sekarang tidaklah begitu tinggi jika dibandingkan dengan harganya dalam satu jangka masa selama 12 tahun terdahulunya. Kerajaan mengamalkan sistem ini bukan sahaja untuk melindungi dan memajukan industri tetapi ianya untuk menentukan bahawa tidak akan wujud peluang-peluang yang membolehkan mana-mana pihak mengeksploitasikan harga bagi sesuatu barangan.

Sukacita juga saya nyatakan bahawa sebelum sebarang sokongan untuk menaikkan atau menurunkan harga barangan, kajian-kajian terperinci dilakukan dengan mengkaji semua aspek yang diperlukan bagi tujuan menentukan tidak timbul sebarang implikasi terhadap kenaikan atau penurunan harga sesuatu barangan itu. Kerajaan juga sentiasa mengawal harga bahan-bahan mentah di pasaran-pasaran antarabangsa dengan tujuan untuk menyelaraskan apa-apa tindakan bagi menentukan bekalan sentiasa mencukupi dan membolehkan harganya berada di paras yang munasabah. Sekiranya sebuah Tribunal seperti yang disarankan itu diwujudkan banyak masalah akan dihadapi dan di yang antara lainnya ialah:

- (a) Tribunal ini tidak dapat berfungsi sepertimana yang diharapkan kerana harga di peringkat antarabangsa bagi barangan yang diperlukan di negara ini sentiasa berubah-ubah;
- (b) Sebarang kelewatan di dalam menentukan harga sesuatu barangan akan memberi kesan negatif keatas bekalannya dan boleh menyebabkan berlaku kekurangan bekalan dan apabila keadaan ini wujud akan berlakulah amalan-amalan seperti menyorok barang-barang, urusan perniagaan di pasaran gelap dan sebagainya dan akhirnya akan menimbulkan masalah kepada pengguna dan negara.
- (c) Penubuhan Tribunal ini akan menjejaskan perkembangan ekonomi negara ia akan mewujudkan satu kawalan di mana akan berlaku kelambatan di dalam menentukan sesuatu harga berikutan daripada urusan penyelarasan ke atas penawaran dan permintaan yang akan mengambil masa yang panjang.

Dengan hal demikian, Kerajaan merasakan bahawa dengan penubuhan sebuah Tribunal ini tidak akan dapat memberikan aspirasi yang diharapkan bahkan ianya akan menimbulkan banyak kesan-kesan negatif khususnya dalam pertumbuhan ekonomi negara ini.

### RUMAH PANGSA KOS RENDAH—PEMBINAAN

6.44 ptg.

**Tuan Tan Kok Wai (Sungai Besi):**  
Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tugas Kerajaan untuk memastikan bahawa keperluan perumahan golongan miskin diberikan perhatian dan bantuan. Dalam hubungan ini, saya ingin menarik perhatian Dewan mengenai ini masalah kekurangan rumah pangsa untuk disewa dalam kawasan bandar khususnya dalam Bandaraya Kuala Lumpur. Perumahan Kos Rendah untuk disewa sekarang ialah satu masalah sosial yang sangat serius dalam Kuala Lumpur memandangkan bahawa Dewan Bandaraya tidak membina lagi unit-unit rumah pangsa kos rendah untuk disewa. Masalah ini amat teruk kerana Dewan Bandaraya memberikan jawapan-jawapan standard kepada semua pemohon rumah pangsa sewa dengan memberitahu mereka bahawa rumah pangsa kosong tidak ada lagi dan mereka diberitahu bahawa hanya rumah pangsa satu rumah kos rendah yang dibina oleh pemaju swasta atau usaha bersama untuk dijual yang ada.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah melancarkan satu sistem pendaftaran terbuka untuk mereka yang memerlukan rumah pada awal tahun 1983. Pemohon-pemohon untuk rumah pangsa sewa dijamin bahawa mereka akan ditawarkan pada masa akan datang menurut kelayakan syarat, tetapi harapan keluarga-keluarga ini untuk menyewa rumah pangsa musnah selepas lebih enam

tahun menunggu tanpa jawapan kerana Dewan Bandaraya telah menghentikan pembinaan rumah pangsa kos rendah untuk disewa.

Pada 20hb Jun tahun ini terdapat seramai 62,660 orang pemohon yang memohon untuk menyewa rumah pangsa kos rendah dan bilangan ini semakin bertambah setiap hari. Ini menunjukkan bagaimana seriusnya kekurangan rumah kos rendah untuk disewakan untuk disewakan dalam Kuala Lumpur. Rumah-rumah pangsa kos rendah semakin dikehendaki dalam Kuala Lumpur tetapi pihak berkuasa tidak berupaya memenuhi permintaan ini. Adalah tidak munasabah meminta pemohon membeli rumah apabila mereka memang tidak mampu berbuat demikian.

Seperkara lagi adalah satu halangan besar untuk memohon pinjaman perumahan kerana dalam kebanyakan kes mereka yang tidak mempunyai rumah bukan sahaja tidak mampu membelinya tetapi tidak juga layak mendapatkan pinjaman membeli rumah. Terdapat ribuan keluarga yang mana pendapatan isi keluarga begitu rendah dan mereka langsung tidak mampu membayar ansuran bulanan untuk membeli rumah kos rendah. Menurut sumber perangkaan, terdapat bilangan isirumah miskin dalam Semenanjung Malaysia dalam tahun 1987 ialah 485,800 dan daripadanya 82,600 adalah penduduk bandar yang berpendapatan purata \$228 sebulan sahaja. Bayangkanlah bagaimana mereka mampu membeli rumah kos rendah. Hal ini telah menjadi satu masalah yang serius dalam Kuala Lumpur, dan saya menggesa Kerajaan supaya mencari jalan positif untuk menyelesaikan masalah ini. Saya akan membuat cadangan berikut untuk pertimbangan pihak yang berkenaan:

- (i) Lebih banyak pinjaman atau Tabung Persekutuan patutlah diperuntukan kepada pihak

berkuasa perbandaran untuk membina rumah pangsa kos rendah untuk disewa;

- (ii) Pihak berkuasa perbandaran hendaklah meninggikan lagi kouta unit rumah pangsa untuk disewa bagi menyelesaikan keperluan perumahan yang teruk sekarang bagi mereka yang tidak mampu membeli rumah pangsa atau rumah-rumah kos rendah;
- (iii) Pihak berkuasa perbandaran hendaklah menukarkan mana-mana unit rumah kos rendah yang tidak boleh dijual bagi disewakan. Ini akan membantu meringankan masalah kekurangan rumah-rumah untuk disewa yang semakin bertambah permintaannya; dan akhir sekali,
- (iv) Pihak berkuasa perbandaran hendaklah menimbang untuk membeli mana-mana unit rumah pangsa atau rumah kos rendah dari pemaju perumahan dan menyewakan semula kepada mereka yang tidak mampu untuk membelinya.

Masalah ini adalah amat teruk dan berkehendakkan tindakan segera untuk menyelesaikannya. Sekian.

6.47 ptg.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam):** Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk memastikan golongan yang berpendapatan rendah dapat memiliki rumah sama ada rumah jenis pangsa ataupun rumah teras yang lebih selesa dan sempurna. Dalam usaha tersebut, penentuan jenis rumah yang hendak

dibina adalah bergantung kepada beberapa faktor, yang antara lain termasuklah:

- (i) memastikan kadar permin-taan terhadap rumah yang akan dibina;
- (ii) menentukan kawasan di mana projek akan dilaksanakan sama ada di luar bandar, pinggir bandar ataupun di bandar; dan
- (iii) mengenalpasti keadaan fizikal tapak projek. Bagi kawasan pinggir bandar atau bandar yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan tanah yang terhad, kebiasaannya projek yang akan dilaksanakan adalah rumah kos rendah jenis pangsa. Purata ketinggiannya tidak melebihi 5 tingkat. Bagi kawasan luar bandar yang merupakan kawasan perkampungan, projek-projek jenis rumah teres lebih banyak dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek-projek rumah kos rendah jenis pangsa yang telah dirancang di bawah Rancangan Malaysia Kelima termasuk projek-projek yang dilaksanakan oleh pemaju swasta banyak terdapat di negeri-negeri seperti Pulau Pinang, Johor, Negeri Sembilan, Pahang, Sabah dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kedudukan projek di negeri-negeri berkenaan adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan Unit</i>
Pulau Pinang .. ..	2,273
Johor .. .. .	2,440
Negeri Sembilan ..	1,442
Pahang .. .. .	4,419
Sabah .. .. .	2,238
Wilayah Perseku- tuan Kuala Lumpur	6,759
Jumlah ..	19,571

Pada keseluruhannya projek-projek rumah kos rendah jenis pangsa adalah sejumlah 23,074 unit yang meliputi 4,066 unit dilaksanakan oleh Malaysia Building Society Berhad (MBSB), 10,701 unit dibawah program Perumahan Awam Kos Rendah dan sejumlah 8,307 unit pula oleh pemaju swasta. Projek-projek tersebut kebanyakannya dilaksanakan di bandar-bandar yang menghadapi masalah kekurangan tanah terutamanya di Wilayah Persekutuan di mana sejumlah 3,131 unit rumah dibina oleh pihak swasta dan 3,628 unit di bawah Program Perumahan Awam Kos Rendah.

Sekiranya dibandingkan dengan sasaran rumah kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Kelima iaitu sejumlah 495,000 unit, maka pembinaan rumah kos rendah jenis pangsa hanya merupakan 4.7% sahaja. Ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor-faktor yang telah saya sebutkan di atas tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan Usul atas nama Yang Berhormat Menteri yang berbunyi:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 16 (3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 16 (3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Majlis ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 26-6-89.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.52 petang.*